Che' Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong usul yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Dato' E. E. C. Thuraisingham sa-bentar tadi, menyampaikan uchapan terima kaseh ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda atas titah di-Raja ketika merasmikan Pembukaan Parlimen Penggal Yang Kelima. Sa-sungguh-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa ini-lah satu titah yang sangat berharga yang memberi harapan kapada semua ra'ayat negeri ini, baik dari kawasan bandar atau luar bandar kerana di-dalam-nya Kerajaan telah menegaskan dasar[2]-nya untok kemajuan negeri ini dan Kerajaan juga telah mengambil langkah[2] yang tegas chara mana untok menchapai segala kemajuan[2] yang telah di-ranchangkan itu. Maka saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, sangat-lah tertarek hati dan menguchapkan sa-tinggi[2] tahniah kerana pada hari ini Kerajaan telah bersunggoh[2] bukan sahaja hendak memajukan pendudok[2] luar bandar, tetapi juga membawakan ranchangan[2] yang lebeh tegas untok memajukan kawasan luar bandar atau kampong[2]. Maka dari itu, Tuan Yang di-Pertua, ranchangan[2] memajukan Industry telah dapat di-ketahui bersama[2] ia-itu telah dapat mengatasi segala kesulitan menchari pekerjaan untok pendudok di-bandar dan bagitu juga telah membawa hasil kemajuan yang besar kapada negeri ini. Sa-lain daripada itu Kerajaan pada hari ini membawakan satu ranchangan baharu berupa hendak memajukan pehak pertanian pula. Saya rasa ini-lah satu langkah yang sangat bijak dari pehak Kerajaan kerana pehak Kerajaan telah nampak bahawa lebeh daripada 60 peratus pendudok[2] negeri ini tinggal di-kawasan luar bandar dan bergantong kapada hasil pertanian. Maka di-atas langkah yang telah di-ambil oleh Kerajaan hendak memajukan bersunggoh[2] dalam segi pertanian, ada-lah membawa satu harapan yang sangat elok kapada pendudok[2] kampong yang sa-lama ini menggantongkan mata pencharian mereka kapada hasil[2] pertanian. Dalam usaha memajukan ranchangan itu, Kerajaan juga telah menegaskan langkah[2]-nya meminjam wang dari luar negeri. Maka ini pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah juga satu langkah yang sangat baik kerana apa pada pendapat saya Kerajaan kita dengan mendapat pinjaman wang dari luar negeri itu ada-lah menunjokkan mendapat keperchayaan, umpama-nya dari Kerajaan German yang telah sanggup memberi pinjaman lebeh daripada lima belas juta ringgit kapada kita dengan tidak bersharat ada-lah menunjokkan Kerajaan kita mendapat keperchayaan daripada Kerajaan[2] luar negeri. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang kita tidak-lah boleh lagi hidup saperti Robinson Crusoe, tetapi pada masa sekarang negara[2] dalam dunia bergantong satu sama lain dengan rasa muhibah dan berbaik[2] sangka serta saling mengerti di-antara satu sama lain. Di-atas dasar ini-lah juga Kerajaan pada hari ini telah dapat menjalankan ranchangan[2]-nya dan dapat juga membuat hubongan yang baik dengan negara[2] luar.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan juga sa-tinggi[2] tahniah di-atas kemajuan[2] yang telah dapat di-chapai oleh Kerajaan dalam ranchangan menubohkan ASA. Rasa saya ini-lah satu kejayaan yang chemerlang yang telah dapat di-chapai oleh Kerajaan pada hari ini, sunggoh pun ASA hanya baharu tertuboh dalam tempoh satu tahun, tetapi pada hari ini kita telah dapat menatap laporan[2] yang penoh mengenaï kemajuan[2] yang telah di-chapai dengan persetujuan tiga buah negeri yang masok dalam ASA itu. Perundingan[2] yang di-chapai melaluï ASA ini, bagitu juga persetujuan yang telah di-chapai untok kemajuan ekonomi, kebudayaan, pelajaran dan lain[2] itu sangat-lah menggembirakan. Kerana saya perchaya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita negara[2] Asia, patut-lah memandang kapada negara[2] yang lebeh dekat dengan kita, terutama sa-kali untok menchari fikiran[2] baharu chara mana kita hendak memajukan negara kita yang sa-suai dengan chara hidup kita orang[2] di-Asia. Dalam ASA ini juga, saya nampak bahawa pehak Kerajaan telah membuat hubongan bagaimana hendak mengadakan ranchangan[2] television dan radio. Maka di-sini saya perchaya, Tuan Yang di-Pertua, negara Persekutuan Tanah Melayu ini tidak lama lagi akan mempunyaï television. Maka saya suka-lah mengshorkan kapada pehak Kerajaan sa-belum-nya kita mempunyaï television di-negeri ini, elok-lah kita dapat menegaskan ranchangan[2] yang hendak di-tayangkan dalam television itu. Ini sebab apa, Tuan Yang di-Pertua, saya telah banyak juga meninjau keadaan[2] di-luar negeri, maka television ini boleh di-jadikan satu alat yang berguna dan boleh juga menjadi satu alat yang merbahaya kapada kanak[2]. Saya kata bagitu, Tuan Yang di-Pertua, boleh menjadi merbahaya bergantong-lah kapada ranchangan[2] yang di-sajikan dalam television itu. Kalau ranchangan[2] yang baik maka television itu akan menjadi satu alat yang dapat membentok pemikiran ra'ayat dan jiwa kanak[2] kita. Kalau sa-kira-nya ranchangan[2] yang di-tayangkan itu berupa filem yang murah atau comic yang penoh dengan cherita pembunohan, maka ini kelak akan menimbulkan satu chorak burok kapada anak[2] kita, yang pada masa ini pun ada pendapat saya telah menimbulkan kebimbangan pada kita bersama.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, suka-lah juga saya mengambil kesempatan dalam Dewan ini untok menyatakan beberapa perkara yang mengenaï kaum wanita di-negeri ini. Saya faham, Tuan Yang di-Pertua, perkara[2] yang hendak saya kemukakan ini ada-lah lebeh besar menjadi tanggong-jawab kapada Kerajaan tiap[2] negeri, tetapi apa yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah supaya dapat-lah kira-nya di-masa hadapan pehak Kerajaan mengadakan satu badan yang menghubongkan pehak Kerajaan dengan Kerajaan negeri[2] ini, terutama sa-kali dengan soal[2] yang akan saya kemukakan. Saya faham, Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pehak kaum[2] ibu Melayu sangat-lah merasa dukachita di-atas beberapa perkara yang telah pun pehak kami kaum ibu mengemukakan beberapa kali berupa keputusan, dan perkara ini telah pernah juga di-sampaikan kapada Majlis Raja[2] Melayu tidak lama dahulu. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, suka-lah saya mengambil kesempatan ia-itu bahawa pada pehak kami kaum ibu telah pun mengemukakan atau merayu kapada Yang Teramat Mulia Perdana Menteri minta di-persembahkan kapada Persidangan Raja[2] Melayu supaya dapat-lah di-adakan satu Undang[2] Nikah dan Cherai yang lebeh tegas daripada sekarang. Kaum ibu mengambil keputusan itu ada-lah berdasarkan kapada keadaan[2] yang berlaku dalam masharakat pada hari ini, banyak-nya pencheraian[2] yang berlaku di-kalangan umat Islam, dan kami juga merasa bahawa dalam keadaan yang sekarang kaum ibu tidak ada mendapat jaminan dalam rumah-tangga; yang saya maksudkan ia-lah tidak ada jaminan di-sisi undang[2] yang ada sekarang. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, suka-lah saya merayu sa-kali lagi supaya dapat-lah kira-nya pehak kami kaum ibu dapat mendengar dengan sa-chepat mungkin tentang rayuan kami ini sama ada dapat di-perkenankan atau tidak. Kerana apa, Tuan Yang di-Pertua, sa-takat yang ada sekarang ini kaum ibu banyak

yang teraniaya, umpama-nya pada pehak kami kaum ibu sangat-lah merasa dukachita kebanyakan di-kampong[2] ada yang di-gantong tidak bertali ya'ani nushuz dan sa-bagai-nya. Maka atas segala perkara[2] yang di-tanggong atau yang di-deritaï oleh kaum ibu ini, patut-lah kira-nya pada pehak kita semua dapat menchari jalan supaya menimbulkan keamanan dalam rumah-tangga. Saya, Tuan Yang di-Pertua, sa-kali[2] tidak-lah menyalahkan pehak Pejabat Ugama—sa-kali[2] tidak—tetapi apa yang saya maksudkan ia-lah di-masa hadapan dapat kira-nya kami kaum ibu mendapat layanan yang 'adil bagitu juga mendapat kerjasama dan mendapat pertimbangan.

Satu perkara yang saya rasa sukachita juga saya menyebutkan dalam Dewan ini ia-lah perkara khalwat. Saya sebutkan perkara ini ia-lah kerana perkara ini sa-betul-nya berlaku di-negeri ini dan banyak aduan yang sampai kapada saya daripada wanita[2] kita. Maka di-sini, Tuan Yang di-Pertua, suka-lah saya hendak menyebutkan perkara khalwat ia-itu perkataan khalwat itu sendiri pun pada pendapat saya salah di-gunakan. Kalau kita tilek daripada kamus[2], nyata-lah ma'ana khalwat bukan-lah khalwat yang di-tujukan oleh orang sekarang, tetapi ia-lah "solitude with God" ia-itu bersunyi dengan Allah untok menchari ilham. Tetapi sekarang, Tuan Yang di-Pertua, saya dukachita perkataan khalwat telah meluas di-gunakan oleh akhbar[2], dan malang-nya, Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah nampak saya sabarang tegoran yang di-beri oleh pehak badan bahasa atau yang memperjuangkan bahasa Melayu pada hari ini. Ini bukan-lah berupa kechaman, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ada-lah berupa pandangan. Elok-lah perkara[2] yang tidak betul atau yang tidak baik itu patut-lah pehak[2] yang bertanggong-jawab mengemukakan atau menchari satu perkataan yang lain menjadi ganti-nya, sebab pada pandangan saya satu perkataan suchi telah menjadi satu perkataan yang berlawanan sa-kali ma'ana yang di-tujukan pada hari ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan dalam soal khalwat ia-lah di-masa yang sudah, pehak Pejabat Ugama belum lagi dapat menjalankan langkah yang tegas untok semua orang yang berkhalwat, hanya-lah yang di-tangkap dan di-bicharakan ada-lah wanita[2] kampong yang datang ka-bandar menchari rezeki. Tetapi saya perchaya ada juga tempat[2] lain yang sa-rupa juga kalau di-pandang dari segi ugama melakukan dosa, Tuan Yang di-Pertua, tetapi pehak Pejabat Ugama sa-takat ini nampak saya belum lagi dapat menjalankan apa[2] tindakan.

Saya sebutkan perkara yang sa-umpama ini, Tuan Yang di-Pertua, chuma-lah memberi pandangan samoga kira-nya dapat perkara[2] yang sa-umpama itu di-adakan satu badan perhubongan yang dapat menyampaikan suara[2] daripada pehak kami kapada pehak Pejabat Ugama. Sebab saya kata bagitu kaum wanita di-negeri ini, yang boleh di-katakan sa-paroh daripada ra'ayat negeri ini patut-lah mendapat layanan dan pertimbangan yang 'adil. Sebab-nya, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah pehak kaum wanita belum lagi mendapat layanan yang sempurna tentu-lah pada fikiran saya perjalanan masharakat negeri ini tidak akan berapa sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini sunggoh pun saya sendiri berasa hampa sadikit kerana tuntutan[2] yang di-kemukakan oleh pekerja[2] wanita di-negeri ini belum lagi mendapat jawapan yang tegas daripada Kerajaan, tetapi kami tidak putus harapan, mudah[2]an di-masa hadapan kaum wanita negeri ini dapat-lah juga mendapat layanan yang baik dan saksama. Akhir sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, suka-lah saya sa-kali lagi menguchapkan sa-tinggi[2] tahniah di-atas Titah di-Raja yang sangat berharga. Sa-kian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua (*Tepok*).

Enche' T. H. Tan: It is my pleasure and privilege to add my support for the motion of the Hon'ble Dato' E. E. C. Thuraisingham in proposing that the thanks of this House be conveyed to the beloved King for his Gracious Address at the Joint Session of Parliament on 22nd of May.

Sir, we note with pride and satisfaction the great progress made by our country during the last parliamentary

year under His Majesty's Government. The Appendix to the Royal Address is a factual record of that progress. By any standard, our country's progress has been significant both in character and degree.

That is not just my opinion. The team of experts from the Ford Foundation reporting on Malayan Agriculture had said that our Government's efforts "to expand agricultural productivity and to lift the standards of living in the rural areas have been effective" in the words of the Appendix to the Royal Address. These experts—and I quote—"consider that with these advances the Federation of Malaya is in the fortunate position to make with pride and confidence any adjustment needed to meet the changing economic conditions." Expansion of agricultural productivity and raising the standards of living of our ruralfolk are the direct result of our Rural Development Plan, and foreign experts have now proved how wrong are the critics of this Plan. Members of this House will recall how the Opposition went out of its way to belittle the Plan as a waste of public funds. Now Ford Foundation agricultural experts have completely vindicated His Majesty's Government for boldly embarking on the massive development in our country.

Mr President, Sir, on one occasion in this House I spoke of the ineffectiveness of the Malayan Industrial Development Finance Limited as an agency for helping in industrialisation, on account of the limited funds at its disposal and the high rate of interest on loans. I am glad to note from facts in the Appendix to the Royal Address that this criticism is today no longer valid. The capital of the M.I.D.F.L. will be increased by some $250 million, and a number of subsidiary companies will be established to give effective help for the development of industrial estates and premises, to provide debenture capital, to raise equity capital for smaller industrial and property development, and particularly to assist Malays to participate in industrial enterprise. I am sure that this House will want to congratulate His Majesty's Government on the steps it has taken to make the M.I.D.F.L. an effective agency in financing industrial development. However, I venture to express the opinion that the effectiveness of the M.I.D.F.L. will depend entirely on how much more attractive will be its terms for loans and services as compared with those offered by banks and financial institutions. In addition to a reasonable low rate of interest, it may be necessary, for instance, to defer the payment of capital until such period of time mutually agreed upon as necessary for an industry to establish itself. Interest during such period could be capitalised, and it could also be mutually agreed upon that once the M.I.D.F.L.-financed industry stands on its feet, repayment of loans can begin, and the rate of interest brought into line to what is normally charged, so that the other financial institutions, namely, banks and financial houses, will have no cause for complaint. Arrangements of this type are particularly necessary to encourage Malays in industrial enterprises. However, to my mind, financial assistance alone will not suffice, because the industrial world is a very competitive one. It is not enough merely to lead the Malays into it and leave them there. It is the interests of both the Malays and the M.I.D.F.L. that the latter should chaperon the former during the infancy of their industrial ventures.

I also feel that it was time that the Government thought fit to set up organisations to co-ordinate industrial activities in which cut-throat competition, in which the Malays have little or no chance of survival, can be avoided. In making this suggestion I am not unmindful of the Government's policy of free enterprise, but I humbly say that a line must be drawn clearly between fair competition and cut-throat competition. Cut-throat competition can be between local industries themselves as much as it can come from foreign industrialists. The same organisation that co-ordinates industrial activities can perhaps also help Malay industrialists to market their products. Of course, Sir, the new organisation and its services, which I suggested, should also be at the disposal of the non-Malays who seek the

assistance of the M.I.D.F.L. Before leaving the subject of the M.I.D.F.L., I would like to make a plea that there should not be undue interference with the day-to-day operations of industries financed by that agency. I know a case of a former M.I.D.F.L. Executive who was so over zealous in his work that his direct interference merely brought down one big industry. I believe the Executive had left this country.

Mr President, Sir, it is good news that His Majesty's Government is making a grant of $200 million to help the rubber industry to replant additional acreage. Such replanting will enable the industry to meet the threat of Synthetic. Steps are also being taken, says the Appendix to the Royal Address, to make the Malayan Rubber Registration Board a more effective organisation for maintaining a high standard of quality in our rubber exported overseas. This should not be regarded as any reflection of the Board as it now stands. In fact I understand the Board is already doing a great service and has succeeded in reducing to the minimum the number of claims based on the quality of our rubber. It is possible that further steps are necessary to strengthen the hand of the Board. While on the subject of rubber, I would like to take this opportunity to congratulate our rubber exporters on their recent success in getting a reduction on the ocean freight on their export. The reduction is of an order of some $30 million a year. This reduction will not only save dollars for us but it will put our exporters in a better position to compete with the world market. Sir, ocean trade on shipments of our rubber, tin, iron-ore, palm-oil, etc., makes a collosal total every year. Our Government should encourage the establishment of a National Shipping Line with the co-operation of some of the existing foreign operators if necessary in the initial stages. I am aware proposals were put before the Government some years ago, and I would suggest that no further time should be lost in establishing this vital, national service.

Reference is made in the Appendix to the Royal Address to the Police. While there were in recent weeks a number of daring daylight robberies, by and large there is peace in our country due to the good work of the law-enforcement officers. There is an appeal in the Appendix to the Royal Address for co-operation with the Police. I hope the public will take due note of this and respond accordingly. However, instead of waiting for the public to respond, I would suggest to the Government to take the initiative to create organisations similar to the State and District War Committees, which proved to be of such great value, and which also proved to be a valuable channel for public co-operation, during the years of the Emergency. We should have District and State Public Security Liaison Committees, in which public leaders should be invited to serve side by side with the Police. I feel that many public-spirited men and women would like such an opportunity of identifying themselves with the work of ensuring the general safety and happiness of their fellow citizens.

Mr President, Sir, the people of Malacca and North Johore, who have suffered severely from the recent drought with its inevitable outbreak of Cholera, will note with relief that His Majesty's Government and the State Governments will spend $250 million on the construction and improvement of water-supply. It is not possible, of course, to prevent a drought, but it is possible to reduce the hardships and sufferings of the people through water storage. I hope the Governments concerned would press on the construction and improvement of water-supply as a top-priority project.

Mr President and Honourable Members, the Royal Address makes reference to Malaysia. Members of this House would have noted with satisfaction that Dr Subandrio, the Indonesian Foreign Minister was reported the other day on his arrival at Tokyo, to have referred to Malaya as "the good neighbours" of Indonesia. We in Malaya welcome such an expression of friendship, for we ourselves have been traditional friends of Indonesia for a long time. Since Dr Subandrio's statement, our Prime Minister and President

Soekarno have met in Tokyo. Every Member of this House will wish to congratulate Tunku Abdul Rahman for the successful outcome of the Tokyo talks, which is due to the Tunku's affability and knack of handling any situation however difficult or delicate. On several occasions in this House, I have stressed the traditional friendship between Malaya and Indonesia. I am glad that the Leaders of the two countries have re-affirmed their faith in the Malayan-Indonesian Treaty of Friendship. We can now definitely and confidently look to the end of the Indonesia's confrontation policy towards us and to the way being opened for the resumption of happy relations between Malaya—indeed, Malaysia—and Indonesia. This House would like to assure the people of Indonesia that we the people of Malaya bear nothing but friendly feelings towards them, all said and done in the past notwithstanding.

Sir, I have noted with pleasure the statement the other day by Tunku Abdul Rahman that our Government did not think that the differences relating to merger with Singapore were insurmountable. Merger talks between the Federation and Singapore have resumed. However, I notice that while we in the Federation are prepared to hold our fire, so as not to prejudice the talks in any way, Lee Kuan Yew has been keeping up his barrage of lies. In this morning's newspapers, Lee Kuan Yew referred to me and to the Honourable Senator Khaw Kai-Boh as the cause of the Alliance split in Sarawak. He further alleged that we have both made a lottery deal with the Editor-in-Chief and with the Heads of two Chinese newspapers in Singapore. When I read this statement in the papers this morning, I was reminded of the comments of the people of Singapore and the Federation during the persecution of Chew Swee Kee and Ong Eng Guan. The comment was, "That man Lee Kuan Yew." Yes, "that man Lee Kuan Yew" proved time and again that he would stop at nothing. He is capable of saying anything as long as it serves his purpose, and nothing is too law for him. The truth of the whole matter is that Lee Kuan Yew knows that unless he kills the move to reorganise the M.C.A. in Singapore by hook or crook, his political heyday will soon be over. I and Senator Khaw Kai-Boh are both members of a special Committee charged with the responsibility of reorganising the Singapore M.C.A. If Lee Kuan Yew thinks he could persecute us, he should have his head examined. If he thinks that the Goebbels tactics of telling lies all the time will pay off, because people will believe them some time, let him be reminded that the world today is not as credulous as it was during Goebbels time. Further, the usefulness of Goebbels tactics died with him and with Nazis. However, Sir, it is nauseating to speak of that man Lee Kuan Yew. So let me turn to the brighter aspects of the Royal Address.

His Majesty has referred to the ASA that relations between the ASA countries are excellent, is clear from the Report of the ASA Foreign Ministers laid on the table. Even a cursory glance at the Report shows the very close association that has already been established between Malaya, Thailand and the Philippines. The Report shows large areas of agreement and co-operation established by the three Foreign Ministers. ASA is clearly a living political force that will work for the good of the three nations and consequently for the South East Asia. ASA is an outstanding example of international goodwill, understanding and co-operation.

Malaysia, Sir, will be established in less than three months from now. For this reason, we particularly welcome the statement of His Highness the Sultan of Brunei that his State will join Malaysia. By doing so, Brunei will add to her safety and to Malaysia's strength. In Sarawak there is a very good chance of the Alliance Party there winning the current elections. The people of Sarawak have had their eyes open, their political complacency shaken by the Brunei rebellion and by the brutal treatment of the Chinese recently in a nearby country. Those in Sarawak, who once believed in communist propaganda, have been rudely shaken by the

"we-could-not-care-less" attitude of the Communist China towards that brutality. In consequence, support for the communists and communist dominated political party in Sarawak has been shattered. The claim of that Party to mass support has been proved to be untrue by the fact that it could not find candidates for all the 429 seats. It is contesting less than half the number of the seats. It has six candidates returned unopposed compared with the 36 of the Alliance in Sarawak. I mention all these within the context of Malaysia because it is important that the 24 Sarawak seats in our future Malaysian Parliament should be occupied by Sarawak nationalists who have a true Malaysian outlook and not by those who are using the communists as a step ladder to power and who will one day find that it was communists who made use of them. With confidence, I look to the day when we welcome the Sarawak Alliance in the Parliament of Malaysia.

Mr President, Sir, all indications point to another spirit of national progress for us in the year ahead. We are all looking forward to August 31 when Malaysia will take a place among the democracies of the world under the benign rule of His Majesty and the wise and able leadership of the Alliance Government. (*Applause*).

Enche' Athi Nahappan: Mr President, Sir, I have very great pleasure in associating myself with the address of thanks to the Gracious Address of His Majesty, so ably moved by my Honourable and learned friend Dato' Thuraisingham. As usual, he made a very brief but masterly speech befitting the quality and the status of a very senior parliamentarian. Before I go on to the subjects that I have chosen to comment on today, with particular reference to the industrial and the agricultural development of this country, I should like to touch upon the point raised by the learned Dato' in regard to the appointment of judges to the court.

Being a dear subject to me, I feel that what the learned Dato' said this morning is a very useful point because in this country at the moment our judges are mainly appointed from the Legal Department and through that channel. Very few have been appointed from private practice directly, and I think it would create a very good balance if members from the Bar are also appointed to the judiciary. The learned Dato's view on the Assizes also is very useful. It has a very high tradition in the United Kingdom and I have no doubt that if introduced in this country it will promote the quality of the service in that field.

Sir, now I would go on to the topic that I have chosen. It is significant to note that in the Royal Address of nearly five pages in English, three pages have been dealt with on the economic affairs in the country and, with some reference to defence, the remaining part of the Royal Address deals with external affairs, chiefly in relation to Malaysia, ASA matters and United Nations. So it is very appropriate that the Government has attached great importance to this subject of economic development. It shows how deeply the Government is conscious of its responsibility in promoting the welfare of this country in a reasonable and rational manner. We find here criticisms from different quarters, particularly from the Honourable Members of the Opposition, trying to find laboriously some kind of faults, mostly fancied, against the lack of attention on the part of the Government in trying to introduce the various spheres of economic activity.

Sir, what is significant about Malaya's industrial development programme is that it is steady though not spectacular; it is evolutionary though not revolutionary; it is realistic though not fantastic. And in the view of Mr Phillip Stuchen, the Canadian industrial economist who was invited here to study and report on our industrial programme, "Malaya is going in the right direction." That is what he said. He has submitted his report on our industrialisation programme to the Honourable Minister of Commerce and Industry and reference to it has been made in the Royal Address. Mr Stuchen has also made a survey of our pioneering industries and an examination into the siting of possible new industrial areas in the country. What is striking

is his pointer to a factor glaringly obvious and yet that had escaped our early attention in the hierarchy of priorities. They are two immediate possibilities that would reduce our reliance on imports and might improve our export potentials. They are: firstly, further processing of rubber into manufactured rubber products; and secondly, the assembling of motor vehicles and trucks.

The recent opening of a tyre factory in Petaling Jaya was a right step in the direction, though long delayed. The indication given by the Honourable Minister of Commerce and Industry that an assembly plant for motor vehicles would be the next step was reassuring. We hope such a plant would be set up soon, if only for the reason that Malaya is one of the fast consuming countries of motor vehicles, importing roughly about 22,000 cars and trucks a year. By Asian standards Malaya consumes on a *per capita* basis more motor vehicles than most Asian countries. Estimated figures of private motor cars, taxis and motor cycles as at the end of 1962 were 205,700 and this for a population of seven million is about one vehicle to about 34 persons. When compared with the same number of motor vehicles in Pakistan for a 90-million population, motor cars in Malaya are more and more becoming utility goods and less of luxury symbols. The market is still growing very fast and the potential is very bright. Many Asian countries including our ASA partners have their own assembly plants of motor vehicles and it might be rational, in the wake of a common market between these countries, to have a complementary structure in this field rather than competitive, as it will no doubt be needed in other fields of industrial development.

Malaya is the most ideal country to produce cheaply a whole series of manufactured rubber goods and this is a field that merits top and urgent priority. Research should be made to discover possibilities of introducing widespread home industries in the rural areas to produce rubber goods, particularly of household needs, with simple and inexpensive mechanism. Rather than establishing large scale factories with up-to-date industrial complex, such widespread home industries would help to forestall unemployment and under-employment problems.

Though the desire to plunge into the 20th century is irresistible, and quite rightly and understandably so, the road to it is not necessarily limited to up-to-date and large scale industrial complex. In a thought-provoking and challenging book entitled "World Without Want" Paul G. Hoffman, Managing Director of the United Nations Special Fund, has this to say, and I quote:

"So great has been the eagerness for industrialisation—however so glittering has been the pot of gold at the end of the rainbow—that unproductive factories have been built. What most developing countries really need—and what many of them have come to see they need—is a large number of small-scale industries, rural as well as urban, suited to the talents and resources of the people."

"Many handicrafts help to introduce industrial organisation and techniques into predominantly agricultural societies; they represent a first step towards industrialisation. Not only do they add to the income of the people; they help to collect and use whatever capital and skill exist in rural areas."

It is relevant to note here that most of Denmark's present industries grew out of cottage handicrafts aided by new mechanical power.

Village or kampong co-operatives with adequate government credit facilities would be a source of incentive and encouragement. It is gratifying to note that the Government is so encouraging—and I quote from the Special Appendix to the Royal Address—"the co-operative movement among farmers, animal and poultry rearers, fishermen and others who really contribute to the increase of products." It is heartening to note that the Ministry of Rural Development, through its agency the RIDA—and again I quote from the Special Appendix—"is also going ahead with efforts to exploit the use of home produce. It is hoped as many industries as practicable may be set up in the rural areas to enable the people to enhance their incomes and improve their living standards." It is also gratifying to know that the Small Industries

Services' Centre in Petaling Jaya is rendering assistance and support to a range of small-scale and cottage industries in the rural areas. More research should be devoted to this aspect of economic development since we are essentially an agricultural nation with still about two-thirds of our people dependent on that sector of the economy and it should be corrected by bringing about a rational balance between the three limbs of the economy, namely, agriculture, industry and services.

Any student of economic planning and development should feel satisfied over the correct emphasis that His Majesty's Government has laid on agricultural development.

Any good economic development plan according to Professor (Ambassador) John Kenneth Galbraith, in his book "Economic Development in Perspective" is, firstly, a strategy for economic advance.

Where a country is agricultural it is needless to say that certain things are indispensable, such as water, fertilizer, and improved seed. These can revolutionise the agriculture. Of course there are other requirements too which are useful, but not so indispensable.

All these matters have been given great importance by the Government and the programme of double-cropping in rice is being stepped up by distributing high-yielding padi seed variety throughout the country and it is satisfying to note that half of the country's wet padi land would be planted with improved and selected seed in accordance with FAO's world seed campaign. One other suggestion for improved rice productivity has been made in a reproduced article of Professor Ungku Aziz, Head of the Economic Department of our University. In his article that appears in the latest number of the journal called the "Economy" of the Economic Society of the University, Professor Ungku Aziz says, and I quote—"Make the typical padi farm 20 acres rather than three acres and then we will be getting on towards the elimination of one of the biggest causes of rural and Malay poverty." He cites Scandinavian countries, Japan and New Zealand for ideas. In these countries, it is significant to note that co-operative movement has made tremendous success. The dynamic FLDA programme and the Fringe Alienation Scheme of the States have done magnificent work in granting lands of economic size to the landless. But in so far as existing padi land holdings of uneconomic size, the situation is still static and perhaps there is here a strong case for co-operative farming of a voluntary nature to promote efficient and more productive farming.

As regards credit facilities accorded through the RIDA, one is impressed by the steady increase in the quantum of loans granted from 1958 to 1962. The 1962 Annual Report of Bank Negara reveals the fact that in 1962 about $4\frac{1}{2}$ million have been given as credit to the rural people whereas in 1958 it was just under a million dollars—to be exact, $720,000.

It is, nevertheless, important to recognise that our economic development would have to be based largely on agriculture, whether we like it or not, for another generation and the solution lies on its increased agricultural productivity and diversification which, happily, the Government has recognised and is doing. India found this out the hard way. Her second five-year plan was essentially a blueprint for industrial development at the expense of agriculture. This proved disastrous for agricultural output. Her third five-year plan endeavours to correct the situation. Even in Red China there seems to be a fall back from the Great Leap Forward. They seem to recognise the fact that industrial and agricultural development must go hand in hand and not one at the expense of the other.

So far as our Second Five-Year Plan is concerned, it is a practical and well-balanced plan designed to bring about all-round economic growth. Without being theoretical about it the Government has prepared it in a manner that ensures steady economic growth though

not spectacular economic growth, and it has brought about good results. Just let me read an excerpt—and I quote:

"The economic progress made by Malaya, now in its sixth year of independence, had been remarkable by any comparable standards for under-developed countries and was certainly one of the brightest spots in contemporary Asia. Fundamentally, Malaya's progress justified the Government's general approach to the nation's problems. This approach was direct and practical."

This is what the 1963 Year Book of the Far Eastern Economic Review had to say about our economic development. We should all feel legitimately proud about it. Any fair-minded person must compliment the Government for its businesslike management of the national economy and its development. The country has every reason to feel satisfied with the work of the Government and of its collective endeavour. And as I referred to it earlier on, appropriately in the Royal Address more than half of the space given to it had been allotted to matters of economic development. This clearly shows that the Government is fully concious of this matter and is endeavouring its best to bring about welfare to its population, and one fails to understand that in spite of all these obvious and very glaring results some of the Opposition Members should harp on the same tiring criticism without really trying to understand the Plan as a plan and the merits of the Plan and the way that it has been implemented.

I have pleasure, once again, in joining the previous speakers in expressing our humble thanks for His Majesty's Gracious Address. (*Applause*).

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Dato' Yang di-Pertua, pada pembukaan Parlimen kali yang kelima yang di-adakan baharu[2] ini dan bilamana titah uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah di-lafadzkan ada-lah berupa satu hari dan satu titah yang sangat bersejarah, kerana ini-lah pembukaan Parlimen Persekutuan Tanah Melayu yang terakhir tetapi kemudian daripada itu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan membuka pembukaan Parlimen bagi Malaysia yang akan terbentok pada 31 haribulan Ogos, 1963. Saya katakan bersejarah, kerana titah uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini merupakan satu titah uchapan yang sangat berkesan dan merupakan satu kemajuan, satu pembangunan bagi negeri kita ini, tetapi saya rasa dukachita oleh kerana apabila kita dengar ulasan dan bahathan di-dalam persidangan Dewan Ra'ayat itu merupakan satu bahathan daripada pehak pembangkang yang menyatakan bahawa uchapan titah baginda ini adalah merupakan satu uchapan titah yang bachul dan tidak ada harga kapada negara kita. Saya rasa perkataan[2] yang di-keluarkan dalam Dewan Ra'ayat itu terutama-nya daripada ahli[2] Persatuan Islam sa-Tanah Melayu, Enche' Zulkiflee bin Mohammed, boleh mengelirukan ra'ayat Tanah Melayu kita ini, kerana dengan kechaman[2] yang hebat yang di-tujukan kapada uchapan titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu menjatohkan maruah dan ketinggian Duli Yang Maha Mulia.

Saya suka menarek perhatian Ahli[2] Yang Berhormat di-Dewan ini supaya kechaman yang hendak di-buat kapada uchapan titah di-Raja ini biar-lah merupakan satu pandangan kapada dasar Kerajaan, satu pandangan atau pun kechaman kapada dasar Kerajaan yang tidak akan melibatkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu sendiri, tetapi uchapan[2] yang di-buat, bahathan[2] yang di-buat di-dalam Dewan Ra'ayat itu boleh mengelirukan orang ramai manakala mereka membacha-nya dalam akhbar[2]. Saya rasa sa-buah negara yang muda yang baharu mendapat kemerdekaan, kita mesti-lah menaroh atau menghamborkan semangat[2] kasehkan kapada bangsa, kasehkan kapada pemerentah, dan kasehkan kapada negara. Duli Yang Maha Mulia sa-bagai Raja bagi negeri kita ini, patut-lah kita memberi fahaman yang sa-chukup[2]-nya kapada ra'ayat negeri ini akan baginda itu. Itu-lah sebab-nya, apabila saya membacha titah uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini,

saya tertarek dengan apa yang dihuraikan mengenai Kementerian Penerangan dan Siaran Radio. Dalam titah Duli Yang Maha Mulia itu tidak disebutkan dengan jelas tentang tugas[2] yang harus di-hadapi oleh Kementerian Penerangan dan Siaran Radio, tetapi saya rasa mustahak-lah bagi Kementerian ini mengambil satu langkah yang lebeh berkasan bagi memasokkan semangat kapada ra'ayat negeri ini supaya mempunyai perasaan kaseh mesra kapada negeri, kapada bangsa dan kapada Raja yang menjadi pemerentah, tetapi kalau kita pandang kapada perjalanan pentadbiran Kementerian dan jabatan ini, saya rasa Jabatan Siaran Radio ini boleh-lah di-katakan tidak banyak membuat perubahan[2] bagi menubohkan atau menuju kapada chita[2] ini. Saya tidak hendak menapikan dalam kechekapan kerja[2] yang di-jalankan oleh pegawai[2] dalam jabatan ini, dan saya tidak hendak menapikan kechekapan dan kelancharan kerja yang di-jalankan oleh jabatan ini, tetapi saya rasa perlu kita mempunyai satu perubahan yang baharu, perubahan yang boleh, bagi jabatan ini, mengambil satu peranan yang penting bagi memasokkan ka-dalam jiwa ra'ayat negara kita yang muda ini supaya mereka mempunyai semangat yang lebeh kasehkan kapada negara, kasehkan kapada bangsa dan kasehkan kapada Raja yang menjadi pemerentah negeri ini. Saya katakan yang jabatan ini mustahak mempunyai sa-orang yang chukup bersemangat kebangsaan yang boleh memimpin jabatan ini untok menjadikan satu jabatan yang penting bagi membaiki akhlak, membaiki perasaan, membaiki ra'ayat supaya dapat menghadapi masaalah[2] negara dengan penoh bersemangat dan penoh bertanggong-jawab. Saya rasa mustahak jabatan ini mempunyai sa-orang pegawai saperti Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka yang pada masa ini mengarahkan Dewan Bahasa dan Pustaka untok melaksanakan dasar[2] Kerajaan supaya bahasa kebangsaan itu dapat di-jadikan bahasa yang di-gunakan oleh semua ra'ayat, dan di-chintai serta di-kasehi oleh semua pendudok. Saya rasa mustahak bagi jabatan ini mempunyai sa-orang pengarah yang boleh membuat perubahan sa-umpama mempunyai perasaan kebangsaan dan bersemangat yang sama, sa-kurang[2]-nya dengan pengarah yang ada pada Dewan Bahasa dan Pustaka itu supaya dengan yang demikian itu beliau boleh mengarahkan Jabatan Siaran Radio itu kapada satu perubahan, perubahan kapada satu chorak yang baharu supaya ra'ayat negeri ini mempunyai satu semangat yang baharu dalam sabuah negara yang baharu supaya dapat-lah mereka itu menjalankan tanggong jawab-nya, dapat menjalankan tugas-nya yang akan menjadi tanggongan kapada mereka. Itu-lah sebab-nya, saya rasa perlu bagi jabatan ini kita lakukan perubahan dengan saberapa segera yang dapat.

Sekarang saya mengalehkan pandangan saya kapada perkara perniagaan dan perusahaan. Saya sentiasa berchakap dalam perkara perniagaan ini. Saya tujukan hal perniagaan ini kapada chara bagaimana dapat Kerajaan mengutamakan usaha[2]-nya bagi membaiki kehidupan dan ekonomi orang[2] Melayu kita dalam segi perniagaan dan perusahaan. Uchapan titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi satu titah terhadap satu perubahan baharu dalam perkara perniagaan ini. Duli Yang Maha Mulia itu telah menyebutkan tentang bagaimana patut di-lakukan bagi menjalankan satu usaha yang berkesan pada mengangkat, atau pun pada meletakkan orang[2] Melayu kita bersama[2] dengan lain[2] bangsa dalam hal perniagaan dan perusahaan. Duli Yang Maha Mulia itu telah menyebutkan supaya badan M.I.D.F.L. yang di-tubohkan oleh Kerajaan dengan modal yang bagitu besar bagi mengambil satu langkah yang baharu untok menubohkan sharikat yang di-anjorkan oleh-nya supaya dapat menjalankan tugas[2] itu bagi menolong orang[2] Melayu dalam lapangan perusahaan dan perdagangan. Saya memberi tahniah kapada usaha[2] ini dan saya minta-lah supaya badan M.I.D.F.L. ini, manakala menjalankan kerja-nya, hendak-lah mengutamakan hal ini daripada beberapa usaha yang akan di-jalankan pada masa hadapan.

Dalam perkara meletakkan orang[2] Melayu atau penyertaan orang[2] Melayu

dalam perniagaan dan perusahaan ini, dalam titah uchapan ini ada menyebutkan ia-itu satu badan kebangsaan telah di-tubohkan dan badan kebangsaan ini akan di-nasehatkan oleh satu Penal atau pun satu badan penasehat yang akan menasehatkan bagaimana chara boleh orang² Melayu mengambil bahagian dalam perniagaan dan perusahaan. Uchapan titah ini tidak menyebutkan siapa pula anggota dalam badan Penal ini tetapi ada tersebut di-sini anggota Penal ini mengandongi beberapa kaum yang ada kechekapan—ada pengalaman dalam perkara perniagaan dan perusahaan. Saya suka menarek perhatian kapada Kementerian yang berkenaan supaya mengambil timbangan yang chermat dalam perkara menubohkan Penal ini. Kerana perkara perniagaan ini bukanlah satu perkara biasa, bukan satu pekerjaan biasa yang boleh di-jalankan dengan mendapat nasehat² daripada pakar² yang berkenaan sahaja. Perniagaan ini ada-lah merupakan satu pertandingan, perniagaan ada-lah satu benda yang ada kaitan dengan pertandingan—pertandingan dalam perniagaan. Jadi apabila perkara pertandingan itu timbul perkara pakar² perniagaan daripada beberapa kaum perniagaan telah menjadi satu masaalah yang besar. Ada-kah pakar yang akan di-jemput dudok dalam Penal itu akan menjalankan tugas-nya dengan jujor dan ikhlas dengan mengenepikan kepentingan modal masing²? Ada-kah anggota Penal yang akan di-lantek itu akan merupakan satu anggota Penal yang akan bertungkus lumus memberi segala fikiran, memberi segala sokongan, memberi segala nasehat yang jujor bagi penyertaan orang² Melayu dalam perniagaan. Manakala anggota Penal ini sendiri mempunyaï ahli² yang mempunyaï kepentingan dalam perniagaan negeri ini dan perniagaan itu ada-lah satu perkara pertandingan yang akan menyentoh modal-nya yang ada di-dalam negeri ini. Jadi itu-lah sebab saya berkata ini ada-lah satu perkara yang rumit, satu perkara yang harus sa-kira-nya tidak kena di-letakkan terutama sa-kali anggota² penasehat itu sendiri maka nasehat² yang akan di-terima oleh badan kebangsaan itu merupakan nasehat² yang boleh mengundorkan atau boleh ada halangan² bagi penyertaan orang² Melayu dalam perniagaan. Jadi dalam pelantekan Penal ini saya minta-lah supaya Kementerian yang berkenaan mengembil perhatian yang chermat supaya melantek anggota Penal ini daripada orang² yang benar² ikhlas yang sanggup memberi fikiran dan nasehat-nya supaya tugas yang akan di-jalankan oleh Penal National itu akan merupakan satu kejayaan pada meletakkan orang² Melayu dalam perniagaan dan perusahaan, dan tidaklah lain saya fikir jika anggota² Penal ini hendak-lah lebeh banyak daripada ahli²-nya terdiri daripada ahli² perniagaan orang² Melayu sendiri yang mempunyaï pengalaman, yang mempunyaï pelajaran di-dalam menjalankan perniagaan dalam negeri ini.

Dalam perkara perdagangan dan perusahaan dapat kita lihat daripada Hujongan Khas di-dalam titah di-Raja ini satu keterangan yang menunjokkan ada lebeh 88 buah sharikat yang telah di-beri taraf printis dan dengan adanya 88 buah sharikat yang di-berikan taraf printis ini lebeh dari 8,000 orang pekerja telah mendapat pekerjaan dalam kilang² taraf printis ini. Dalam perkara ini juga kita dapat membacha dalam uchapan titah itu terutama-nya di-Hujongan Khas itu ada menyebutkan tentang perdagangan di-antara bangsa² yang di-jalankan oleh Persekutuan Tanah Melayu ini yang merupakan atau membayangkan satu kejatohan walau pun ada kelebehan ma'ana-nya keuntongan maseh ada pada negeri kita ini tetapi saya rasa dalam menjalankan, dalam mengawasi perkara ini saya minta-lah supaya Kementerian yang berkenaan berchermat di-dalam mengeluarkan taraf printis ini. Kerana ada sa-tengah² daripada sharikat² yang di-beri taraf printis ini maseh menggunakan peluang itu untok faedah perniagaan merka sahaja tetapi tidak menjalankan usaha bagi menggunakan segala bahan yang ada dalam negeri ini. Saya rasa kita beri taraf printis kapada mereka itu ia-lah dengan tujuan supaya segala bahan² mentah yang ada dalam negeri kita ini hendaklah di-gunakan oleh kilang² yang di-beri taraf printis ini. Dan segala pegawai² atau pun kakitangan²-nya

hendak-lah terdiri daripada anak negeri ini sendiri. Sa-tengah daripada kilang taraf printis ini mendapat keuntongan tidak membayar chukai sa-lama 5 tahun kerana mendapatkan taraf printis itu tetapi bahan[2] yang mereka gunakan pernah mereka ini membawa masok bahan[2] mentah itu dari luar negeri. Bila bawa masok barang mentah daripada luar negeri berma'ana-lah wang kita di-kehendaki keluar daripada negeri kita ini. Jadi itu-lah sebab, saya rasa, dalam perkara ini patut-lah kita berchermat supaya tidak kita rugi pada penggunaan barang[2] mentah dalam negeri ini. Saya suka menunjokkan satu chontoh umpama kita ada kilang manchis, apabila di-beri taraf printis yang mendapat hak keutamaan daripada Kerajaan tetapi sa-tahu saya sa-tengah daripada kilang[2] ini meimport kotak[2] manchis api itu daripada luar negeri untok di-gunakan bagi kilang itu pada hal di-dalam negeri kita ini tidak kurang kayu[2] yang boleh di-usahakan bagi kotak[2] manchis api ini untok di-gunakan oleh kilang ini. Kenapa-kah tidak di-usahakan supaya segala jenis tumbohan[2], segala jenis barang[2], segala jenis galian[2] yang ada dalam negeri ini di-gunakan bagi kepentingan kilang itu supaya tidak-lah terpaksa kita mengeluarkan wang kita keluar negeri untok membeli barang[2] mentah bagi penggunaan kilang[2] taraf printis? Itu-lah sebab-nya saya suka menarek perhatian Kementerian yang berkenaan umpama apabila kita hendak mengeluarkan taraf printis kapada kilang membuat gula kalau sa-kira-nya kita mengeluarkan taraf printis ini kapada kilang membuat gula tetapi kilang itu merupakan satu kilang yang membersehkan sahaja gula[2] yang di-bawa masok daripada luar negeri ia-itu gula merah yang di-bawa daripada luar negeri, kilang itu ada-lah merupakan satu kilang untok memberseh dan memutehkan gula[2] itu sahaja. Jadi saya rasa ada-lah lebeh baik sa-kira-nya kita hendak keluarkan taraf printis ini hendak-lah sa-berapa yang dapat di-berikan sharat[2] supaya kilang[2] yang saumpama itu membuka ladang tebu yang boleh di-tanam di-sini supaya daripada ladang tebu itu boleh di-buat gula dan daripada itu-lah menimbulkan satu hasil yang baik bagi negara kita ini. Sa-kira-nya terjadi peperangan atau pergadohan di-luar negeri dan di-negeri ini kita ada mempunyai ladang tebu sendiri kita boleh mengeluarkan gula sendiri dan harga gula itu tidak meningkat mahal bagaimana yang ada pada hari ini kerana kita ada-lah bergantong kapada kemasokan gula daripada luar negeri.

Ada saya terdengar sa-tengah[2] orang berkata sudah pun di-buat chubaan dan usaha di-sabelah utara Tanah Melayu ini untok menanam gula, tetapi hasilnya sangat sadikit, dan ini tidak memberi hasil yang baik untok mengadakan satu ladang gula yang boleh mengeluarkan gula. Saya fikir kalau chubaan ini telah di-buat di-utara Tanah Melayu, kenapa pula tidak di-buat di-seluroh Tanah Melayu supaya dapat di-jadikan satu ladang gula yang munasabah bagi pergunaan negara kita ini. Jadi, ini-lah saya kata dalam perkara kilang menggalakkan pembukaan kilang ini kerana keutamaan kita beri kapada perusahaan[2] daripada luar negeri dan hendak-lah kita berchermat juga supaya kita tidak rugi daripada pendapatan chukai kita sendiri, dan rugi pula wang kita mesti membeli barang[2] daripada luar negeri. Sabagaimana sahabat saya yang berchakap pada masa yang telah lalu dan rakan saya Yang Berhormat Enche' Athi Nahappan mencheritakan bersabit dengan kilang motokar dan sabagai-nya. Ini ada-lah satu perkara yang baik yang patut kita ambil satu perhatian yang chermat juga kerana kira-nya kita adakan kilang motokar dan saumpama-nya ia-itu sa-bagi satu kilang bagi memasangkan kereta[2] di-Tanah Melayu. Ada-kah pasaran kereta[2] yang akan di-keluarkan oleh kilang itu mempunyai satu pasaran luar daripada negeri kita ini. Kira-nya kita boleh dapat pasaran di-luar negeri barangkali mustahak kita adakan kilang[2] kereta itu. Tetapi kalau sa-kira-nya itu chuma untok memasarkan kapada pendudok[2] Tanah Melayu ini sahaja maka kilang itu merupakan satu kilang yang assembly sahaja, jadi saya rasa kilang itu tidak mustahak di-dirikan, kerana di-dalam memasangkan kereta itu kita akan membeli barang[2] daripada luar negeri dan barang[2] yang di-bawa itu ada-lah

kepingan[2] kereta yang akan di-bawa masok dan akan di-pasang dan akan di-jual dengan mempunyai taraf perintis yang kita akan rugi lima tahun chukai daripada-nya dan kita terpaksa pula memberi pengechualian dalam chukai masok. Jadi daripada itu sakira-nya kita tidak dapat pasaran daripada luar negeri untok menjualkan kereta[2] kita itu saya rasa sangat-lah rugi bagi kita mengadakan kilang yang chuma untok pasaran dalam negeri kita sahaja. Kerana kita tidak dapat menjualkan kereta itu ka-luar negeri dan menerima wang[2] daripada luar negeri masok ka-Tanah Melayu ini. Jadi saya harap itu ada-lah menjadi satu kajian yang chermat oleh Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Sa-lain daripada itu saya suka hendak menyentoh perkara perniagaan getah dan baharu sahaja Dewan ini meluluskan satu lembaga yang di-panggil Lembaga Badan Getah Persekutuan. Saya sukalah memberi perhatian kapada Lembaga itu ia-itu kalau sa-kira-nya dikaji getah[2] yang di-keluarkan oleh pekebun[2] kechil terutama-nya di-Pantai Timor, pekebun[2] kechil ini ada-lah terdiri daripada orang[2] Melayu, apatah lagi di-negeri Kelantan boleh di-katakan pekebun[2] kechil itu semua-nya terdiri daripada orang[2] Melayu, dan pembeli[2] getah di-kampong[2] yang membeli getah daripada pekebun[2] kechil Melayu itu pun ada-lah terdiri daripada orang[2] Melayu juga. Saya suka hendak menerangkan ia-itu saratus peratus lebeh pembeli[2] getah Melayu yang ada di-Kelantan itu ada-lah terdiri daripada orang[2] Melayu, dengan sebab itu pembeli[2] getah itu putus perhubongan perniagaan-nya dengan pedagang[2] besar, kerana mereka itu di-perah dan di-tekan oleh orang[2] tengah yang ada di-antara mereka dengan mereka yang mengeluarkan getah. Jadi, pedagang[2] getah besar yang mengeluarkan getah itu biasa-nya tidak sanggup menerima atau membeli getah terus daripada pembeli[2] getah orang Melayu. Pernah mereka ini mengeluarkan wang dengan pedagang[2] getah kechil daripada kaum China dan pedagang[2] getah kechil kaum China ini pula mengeluarkan wang-nya kapada pembeli[2] getah orang Melayu yang ada di-kampong[2], dan dengan kerana ini-lah pedagang[2] getah orang Melayu yang ada sekarang ini merana menerima nasib yang sangat burok. Mereka terpaksa membayar bunga yang besar dengan wang yang mereka gunakan bagi membeli getah[2] pekebun[2] kechil itu.

Sa-lain daripada itu potongan[2] yang bukan[2] chara mereka meletakkan grade getah mengikut suka hati mereka. Jadi dengan sendiri-nya pedagang[2] kechil orang Melayu yang menjadi saloran bagi mendapatkan getah daripada pekebun[2] kechil itu menerima nasib yang sangat burok apabila di-bandingkan dengan ahli[2] perniagaan yang lain. Saya rasa Lembaga Getah Persekutuan ini sa-patut-nya mengambil satu tindakan mengkaji dan menyiasat apa yang telah berlaku di-dalam perkara perniagaan getah itu. Jangan-lah mereka itu chuma menguasai pedagang[2] getah besar importer dan exporter sahaja, tetapi patut-lah mereka itu mengambil tahu hal dan chara bagaimana perjalanan perniagaan getah di-seluroh Tanah Melayu ini. Mereka boleh siarkan harga getah di-dalam radio dan juga boleh memberitahu menerusi talipon dan sa-bagai-nya dan harga itu tidak sampai di-kampong[2]. Orang[2] kampong terpaksa menjual getah mereka dengan harga yang murah dan pembeli getah daripada pedagang[2] kechil orang Melayu ini terpaksa menjual getah mereka dengan harga yang murah dengan tidak dapat menentukan grade-nya, jadi itu-lah sebab-nya saya rasa dalam negeri kita ini perniagaan getah tidak dapat berjalan dengan baik-nya terutama di-peringkat bawah, oleh itu perkara ini patut di-awasi oleh Lembaga Badan Getah Persekutuan ini. Dengan ini dapat-lah di-adakan satu penyiasatan yang teliti pergi di-kampong[2] menyiasat bagaimana perniagaan getah itu di-jalankan supaya tidak-lah mereka itu dapat nasib yang bagitu burok dalam menjalankan perniagaan-nya.

Dalam perkara Dasar Pelajaran saya suka menarek perhatian Kementerian Pelajaran, kerana saya telah membacha titah uchapan Duli Yang Maha Mulia itu, saya tidak nampak ada-nya satu perubahan kapada perkara mengenai Dasar Kerajaan bagi menukarkan atau

bagi menjadikan sekolah[2] ugama Islam yang ada di-seluroh Tanah Melayu ini menjadikan sekolah[2] yang di-bantu penoh oleh Kerajaan. Saya maseh ingat lagi waktu Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib menjadi Menteri Pelajaran dahulu, Kerajaan telah menubohkan satu Jawatan-Kuasa yang di-panggil Jawatan-Kuasa Pelajaran Ugama dan Jawatan-Kuasa itu telah menjalankan penyiasatan-nya dan telah membentangkan penyata-nya kapada Dewan ini, dan dalam penyata itu ada menyebutkan ia-itu sekolah[2] ugama ra'ayat yang ada dalam Tanah Melayu ini akan di-beri bantuan mengikut kadar[2] yang ada pada mereka; mereka di-kelaskan A. B. C. dan sabagai-nya. Dan mana[2] sekolah yang di-fikirkan patut di-beri bantuan kapada peringkat A chuma di-beri $10 bagi sa-orang murid, dan apabila naik ka-peringkat B dan beberapa sharat yang tertentu mereka itu di-beri $15 dan sa-terus-nya sahingga-lah sekolah[2] itu menjadi sekolah yang di-bantu penoh yang di-kendalikan oleh badan yang di-bantu penoh. Saya rasa perkara ini sudah patut di-buat perubahan. Kalau sa-kira-nya kita dapat mengubah sekolah[2] China dan sekolah[2] bukan kebangsaan menjadi sekolah di-bantu penoh dan di-beri bantuan penoh untok mengawasi, menjaga dan mengembangkan mengikut dasar yang tertentu, saya rasa sudah sampai-lah masa-nya bagi Kerajaan mengkaji sa-mula penyata yang ada itu dan membuat perubahan supaya semua sekolah[2] ugama ra'ayat Islam yang ada dalam negeri ini di-ubah menjadi sekolah[2] yang di-bantu penoh oleh Kerajaan. Dengan jalan sekolah[2] itu di-bantu penoh oleh Kerajaan dapatlah Kerajaan menyalorkan dasar[2] Kerajaan itu menerusi murid[2] yang ada dalam sekolah[2] itu. Apabila kita bantu $10 sa-orang sa-bagaimana yang kita bantu pada hari ini, Kerajaan tidak mempunyai kuat-kuasa yang penoh bagi menggendalikan dasar[2]-nya kapada sekolah[2] itu. Dan sa-bagaimana yang saya lihat sekolah[2] ugama yang ada pada hari ini boleh di-katakan di-beri bantuan dengan tidak di-awasi dengan sa-benar-nya, chuma kita ada sa-orang Pegawai Kanan bagi mengawasi sekolah[2] itu, dan barangkali ada sa-orang dua kaki-tangan menjalankan pekerjaan, dan apa yang ada dalam penyata itu tidak di-jalankan sa-hingga hari ini; latehan guru, mengawasi sekolah dan sa-bagai-nya boleh di-katakan tidak berjalan langsong.

Jadi, saya rasa sudah sampai masa-nya bagi Kerajaan mengawasi sekolah ugama Islam supaya tidak-lah dapat musoh[2] ugama dan musoh[2] negara menyalorkan rachun mereka kapada sekolah ugama. Sa-bagaimana Ahli[2] Yang Berhormat sedia ma'alum sekolah ugama ini ada-lah satu tempat yang sangat sa-suai bagi kita melaksanakan dasar mengembangkan ugama Islam—sangat sasuai bagi kita menerusi sekolah ugama Islam yang ada di-merata Tanah Melayu untok mengembangkan ugama Islam kita. Hari ini Kerajaan menggunakan sekolah ugama ini untok mendapatkan guru[2] bagi menjadi guru[2] dalam sekolah kebangsaan dan sekolah Inggeris. Banyak sekolah ugama ra'ayat mengeluarkan guru[2]. Guru yang berkelulusan di-ambil oleh Kerajaan untok mengajar di-sekolah[2] kebangsaan dan Inggeris dan sa-bagai-nya. Saya rasa kalau sa-kira-nya mereka yang hendak menjadi guru ini tidak di-lateh, tidak di-beri pengajaran dan tidak di-awasi dengan betul, tetapi mereka masok menjadi guru di-dalam sekolah Kerajaan pula, mereka ini boleh membawa berbagai[2] perkara kapada sekolah[2] Kerajaan itu sendiri. Mereka menjadi guru untok menyalorkan apa yang ada dalam pengetahuan-nya, dan satu masa nanti kita merasa kesal, kerana kita terlupa mengawasi mereka itu. Jadi itu-lah sebab-nya saya rasa mustahak pada hari ini, pada masa ini dan pada sa'at ini supaya Kerajaan dengan segera mengambil tindakan mengemukakan perkara ini supaya dapat-lah semua sa-kali sekolah[2] ugama ini di-tukarkan menjadi sekolah[2] ugama yang di-bantu penoh oleh Kerajaan dengan di-awasi oleh Kerajaan dan guru-nya di-lateh oleh Kerajaan dengan sa-penoh-nya.

Saya menguchapkan tahniah kapada Kerajaan kerana dapat menjayakan chita[2]-nya untok menjadikan semua sakali sekolah[2] China yang di-bantu penoh oleh Kerajaan. Ini-lah dasar kita—dasar yang baik bagi mengawasi segala sekolah yang ada ini supaya

tidak menjadi tempat menerima rachun daripada musoh[2] negara.

Sa-lain daripada itu, perkara kelemahan murid[2] Melayu dalam sekolah. Ini pun satu masaalah yang telah di-binchangkan dengan panjang lebar. Tetapi sa-kadar yang saya lihat dan sa-kadar yang saya perhatikan daripada apa yang telah terjadi ia-lah apabila satu hasil pepereksaan di-keluarkan atau di-ishtiharkan, maka Kerajaan pun menjalankan kajian kenapa murid[2] Melayu lemah? Itu sahaja—menjalankan satu kajian kenapa murid[2] Melayu lemah? Apabila hasil daripada pepereksaan Federal yang telah di-jalankan itu Kerajaan dapati murid[2] Melayu angka kelulusan-nya sangat lemah, Kerajaan menjalankan satu penyiasatan dan kajian. Saya rasa perkara kajian ini kita memang telah buat dan apa[2] bahan daripada kajian itu telah ada. Kita telah mempunyai segala kenyataan dan segala perkara yang kita ketahui yang menyebabkan kelemahan murid[2] Melayu dalam negeri kita ini. Daripada beratus[2] penuntut yang lulus dari universiti atau yang mendapat ijazah, chuma beberapa puloh orang sahaja murid[2] Melayu yang menerima ijazah itu, dan itu pun sangat rendah darjah ijazah-nya jika di-bandingkan dengan ijazah[2] lain[2] kaum. Jadi kelemahan[2] ada pada kita dan apa-kah yang patut kita lakukan, apa-kah yang patut kita usahakan dan chara mana kita hendak fikirkan? Ini-lah masaalah yang di-hadapi oleh Kerajaan.

Bagi saya, saya rasa mustahak Kerajaan mengadakan satu Jawatan-Kuasa tetap, bukan sahaja Jawatan-Kuasa mengkaji, tetapi mempunyai satu Jawatan-Kuasa tetap atau khas bagi menjalankan apa juga tugas bagi membaiki kelemahan anak[2] Melayu. Kalau sa-kira-nya kita tahu kelemahan murid[2] pada peringkat rendah, menengah dan sa-bagai-nya maka tahu-lah kita murid[2] mana yang sa-benar[2]-nya patut mendapat layanan pelajaran khas dan sa-patut-lah committee ini menchadangkan supaya di-tambah dan di-besarkan lagi derma pelajaran dan sa-bagai-nya supaya dapat-lah murid[2] ini layanan pelajaran, supaya dapat meningkat kemajuan-nya dan angka kelulusan itu boleh bertambah besar daripada biasa. Atau pun kira-nya Jawatan-Kuasa itu memikirkan kerana kekurangan asrama (hostel) bagi menghimpunkan murid[2] daripada kampong[2], maka Jawatan-Kuasa tetap itu mesti mengeshorkan kapada Kerajaan supaya di-tambah asrama guna dapat menghimpunkan murid[2] dari kampong[2] agar dapat menerima layanan pelajar yang sa-wajar-nya dan supaya mereka itu menjadi bahan menambah bilangan murid[2] yang ada di-peringkat yang tertinggi. Jadi itu-lah sebab saya katakan bukan sahaja Jawatan-Kuasa mengkaji yang kita perlukan, tetapi Jawatan-Kuasa tetap yang sentiasa mengawasi, yang mempunyai tugas yang tertentu dan mempunyai fikiran dan pandangan yang tertentu. Kalau satu sahaja tugas ia-itu bagaimana chara dan usaha yang patut di-buat supaya dapat di-tinggikan bilangan kelulusan murid[2] Melayu, kita tentu akan merasa bimbang dan kita tentu akan merasa churiga, kerana apabila kurang angka murid[2] yang lulus di-darjah menengah dan tinggi maka kurang-lah pula angka murid[2] yang lulus itu untok memegang jawatan yang penting dalam Kerajaan. Dalam Perlembagaan kita ada di-sebutkan quota yang tertentu bagi mereka yang hendak memegang jawatan yang tinggi dalam Kerajaan. Apabila kurang murid[2] Melayu yang lulus dalam peringkat tertinggi yang layak menjadi pentadbir negeri ini, apa-kah akan berlaku dan apa-kah akan jadi kapada quota yang telah sedia ada itu? Ini satu masaalah yang besar yang bukan sahaja patut di-hadapi oleh kita, tetapi oleh semua pehak.

"Gerakan Ubor" bukan sahaja untok memberi faham kapada ibu-bapa bagaimana penting-nya pelajaran dan kebaikan yang patut di-terima oleh murid[2], tetapi gerakan yang sa-umpama itu di-beri supaya menyedarkan ibu-bapa Melayu bagaimana penting untok meningkat pelajaran dalam peringkat tertinggi supaya anak[2] mereka dapat memegang teraju negeri ini. Ini-lah perkara yang saya suka memberi pandangan kapada Kerajaan supaya perkara ini menjadi bahan berfikir, bahan

untok pehak jabatan[2] yang berkenaan memikirkan supaya dapat-lah kita buat perubahan dalam perkara ini.

Sa-lain daripada itu, saya suka menarek pandangan saudara saya Yang Berhormat Menteri Kewangan, Enche' Tan Siew Sin, supaya dia mengkaji sa-mula bagaimana peratoran[2] dan undang[2] Kerajaan, atau pun sa-kira-nya Perlembagaan sa-kali pun bagaimana chara-nya supaya Kerajaan Pusat ini ada mempunyaï kuasa yang lebeh dalam perkara peruntokan wang dan membelanjakan wang kapada Kerajaan[2] Negeri. Sebab-nya saya katakan bagitu, ia-lah kerana ada timbul beberapa perselisehan di-antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri yang bukan di-perentahkan oleh Kerajaan Perikatan, umpama-nya Kerajaan Negeri Kelantan. Kerajaan Negeri Kelantan, umpama-nya tidak mahu menerima Ranchangan Pembangunan Luar Bandar, terutama dalam ranchangan[2] tanah dan sa-bagai-nya, jadi oleh kerana sebab Kerajaan Negeri telah menolak dalam perkara itu, maka telah menjadi susah-lah bagi ra'ayat negeri itu. Sa-kira-nya perkara ini benar ia-itu Perlembagaan menyatakan bahawa Kerajaan Negeri ada mempunyaï kuasa yang boleh menahan atau boleh menentukan apa sahaja dasar[2] untok menjalankan kerja-nya tanpa persetujuan Kerajaan Pusat, maka saya rasa perlu perkara ini di-kaji sa-mula supaya kuasa[2] yang lebeh patut di-beri pada Kerajaan Pusat. Perlembagaan kita, kira-nya mustahak, patut di-pinda supaya ra'ayat bagi sa-sabuah negeri yang chenderong kapada kemajuan, chenderong kapada pembangunan, chenderong untok mendapat pertolongan dari Kerajaan Pusat boleh menerima pertolongan itu terus daripada Kerajaan Pusat. Biar-lah Kerajaan Pusat mempunyaï kuasa yang tertentu dalam perkara kewangan dan biar-lah Kerajaan Negeri mempunyaï kuasa sa-kadarkan untok mentadbirkan wang-nya yang ada dalam Negeri supaya baharu-lah tidak timbul masa-alah[2] sa-macham ini. Saya rasa, pada masa hadapan perkara ini akan timbul lagi dan biar-lah kita dapat gariskan satu kawasan yang tertentu, kuasa yang tertentu bagaimana chara-nya yang Kerajaan Pusat boleh menjalankan pentadbiran-nya.

Saya perchaya sa-lepas saya berchakap ini, tentu wakil dari Kelantan akan menghuraikan perkara ini, tetapi sunggoh pun bagitu, saya suka hendak menghuraikan perkara ini apabila saya menyentoh tentang perkara tersebut yang sa-olah[2] Kerajaan Negeri Kelantan itu mengenepikan langsong kuasa Kerajaan Pusat dan tidak mahu menerima Ranchangan Pembangunan Luar Bandar walau pun ra'ayat di-sana mahu menerima-nya, mahu menerima tanah dan mahu menerima semua ranchangan[2] Kerajaan. Apabila Kerajaan Pusat hendak memberi terus bantuan wang di-sana, malang-nya telah di-sekat di-dalam beberapa perkara; sahingga baharu[2] ini Kerajaan Pusat telah memberi terus bantuan wang kapada Town Council, Kota Bharu, dan bandar ini telah membuat kemajuan sa-hingga pada satu ketika di-chuba-nya untok di-usahakan supaya wang bantuan yang di-beri kapada Town Council itu di-tahan, dan dengan yang demikian tidak dapat di-terima oleh Town Council itu, oleh kerana Majlis Bandaran Kota Bharu ini adalah satu badan yang di-kuasai oleh Kerajaan Perikatan sedangkan Negeri di-kuasaï oleh P.M.I.P. Kerajaan Negeri hendak menyekat bantuan itu dan apabila tidak dapat di-sekat, maka mereka telah menjalankan satu usaha ia-itu apabila pagar telah di-buat di-tepi kubur, maka telah di-hantar pekerja[2] oleh Kerajaan Negeri pada malam hari untok merobohkan pagar[2] yang di-buat itu; bagitu juga dalam soal membuat jalan mereka juga hendak membuat khianat, semua-nya ini telah sampai ka-pengetahuan Parti Perikatan dalam Majlis Bandaran Kota Bharu itu. Saya perchaya perkara ini tidak akan timbul, kalau tidak ada perselisehan politik, tetapi dengan sebab ada-nya perselisehan politik ini maka telah membangkitkan satu perkara yang sangat burok dengan bersandarkan politik. Perkara ini adalah perkara baharu dan kira-nya berlaku sa-suatu perkara dan di-diamkan, maka tentu-lah keadaan yang tidak baik akan timbul. Jadi baik-lah bagi Kerajaan Pusat ini mengkaji

sa-mula Perlembagaan kita di-mana dudok-nya Kerajaan Negeri dalam perkara menahan wang yang di-beri daripada Kerajaan Pusat. Mengikut apa yang saya dapati daripada beberapa orang pegawai[2] yang berkenaan di-Kelantan, kata-nya Kerajaan Pusat tidak boleh membelanjakan wang satu sen pun dalam Negeri Kelantan untok pembangunan, sa-kira-nya tidak mendapat izin daripada Kerajaan Negeri. Ada-kah ini benar, atau tidak? Kalau benar, patut-lah kita mengkaji sa-mula Perlembagaan kita untok di-buat pindaan supaya Kerajaan Pusat dapat memberikan hak-nya kapada Kerajaan Negeri dengan tidak mengira Kelantan, Trengganu dan sa-bagai-nya, dan ini chuma masa yang dapat menentukan bagaimana kemahuan ra'ayat untok pembangunan itu.

Saya suka menguchapkan tahniah kapada yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, Enche' Mohamed Khir Johari, kerana telah mengambil aleh jawatan itu daripada Enche' Abdul Aziz bin Ishak untok mengendalikan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama, dan saya perchaya Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini akan menjalankan, atau membersehkan perkara[2] yang telah di-lakukan oleh Enche' Abdul Aziz bin Ishak. Saya dengar di-Dewan Ra'ayat, Enche' Abdul Aziz telah menudoh Kerajaan Perikatan, Kerajaan makan suap ia-itu apabila sa-sudah dia di-berhentikan daripada menjadi Menteri. Jadi ma'ana-nya sa-waktu dia menjadi Menteri, Kerajaan tidak makan suap, tetapi sa-sudah dia berhenti, Kerajaan sudah makan suap. Ini satu perchakapan yang boleh di-timbangkan oleh ra'ayat sendiri di-mana darjah-nya sa-orang yang telah menjadi bekas Menteri sa-lepas dia di-turunkan daripada jawatan-nya. Jadi ini-lah yang saya suka, oleh kerana kechaman yang di-buat oleh Enche' Abdul Aziz bin Ishak itu satu kechaman yang berat yang sangat tidak patut. Saya suka hendak menerangkan di-sini ia-itu sa-waktu beliau itu menjadi Menteri Pertanian dahulu, kami Pantai Timor, khas-nya saya sendiri sakit kepala, kerana apa yang di-janjikan oleh beliau itu tidak di-buat-nya. Pada masa dahulu dia pergi di-pantai Bachok untok mengkaji berthabit dengan wang untok memberikan bantuan kapada nelayan[2] dan dia panggil saya sendiri untok pergi ka-sana, kerana pada masa itu saya menjadi Ahli Undangan Federal pehak Kerajaan, dan sa-bagai sa-orang Ahli Undangan Federal bagi kawasan Bachok, dia telah memberitahu saya supaya memanggil nelayan[2] di-Bachok untok membuat perahu, kerana kata-nya Kerajaan hendak memberi modal bantuan wang kapada mereka. Apabila perahu[2] nelayan itu sudah di-buat dan mereka telah meminta bantuan, tapi bantuan telah tidak di-beri; sa-balek-nya nelayan[2] yang tidak tahu akan hal yang sa-benar-nya telah menghentam saya, kerana kata mereka saya sudah berjanji dengan Enche' Abdul Aziz. Jadi sa-belum Kerajaan menubohkan Jawatan-Kuasa-nya untok memberi bantuan dan sa-bagai-nya, dia sudah pergi ka-kampong[2] untok berjanji dengan nelayan[2] yang Kerajaan akan memberi bantuan. Apabila bantuan tidak di-dapati, ra'ayat sudah susah hati, dan perkara yang sa-umpama ini ada-lah menyakitkan kepala bagi orang[2] yang bertanggong-jawab dalam negeri ini. Apabila dia pergi ka-India, dia balek dengan ranchangan India-nya; sa-olah[2] Malaya ini hendak di-jadikan macham India. Apabila dia pergi ka-Tokyo, dia balek ka-Malaya hendak di-jadikan Malaya ini macham Tokyo. Ini-lah yang saya kata menyakitkan kepala kita. Saya rasa, patut-lah kira-nya dia sa-bagai bekas Menteri, kalau hendak menjaga taraf-nya hendak-lah dia berdiam diri sadikit daripada mengeluarkan tudohan, mengecham dan ini semua masa-lah yang dapat menentukan. Sekian-lah sahaja, saya uchapkan terima kaseh.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: Mr President, Sir, it is with pleasure that I take this opportunity to associate myself with the Royal Motion of Thanks to His Majesty for His Gracious Address at the opening of the Fifth Session of Parliament. The Speech is a wonderful resume of the efforts of the Government to improve the condition of the country during the eight dramatic and momentous years of progress

and achievements. All the progress and achievements are due to the efforts of Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj and his Cabinet Ministers. To all these Cabinet Ministers, who have devoted so much time, energy and intelligence to their work, due praise must be given; and due praise must also be given to the wonderful co-operation and help given by their loyal staff, who have contributed their efforts towards this dramatic result.

The news of the success of the talk at Tokyo between the Tunku and President Soekarno was breath-taking, because the future destiny and the lives of the 100 million people in these various countries depend on the fateful result of the decision. A house of a thousand years can be ruined in a single day, and let not this debate of a single day destroy the house of a thousand years of peace that is being built by our beloved Tunku and President Soekarno at Tokyo, and later to be joined by the President of the Philippines, President Macapagal.

We have heard all the speakers praising themselves thus forming a sort of mutual admiration society—praising themselves without realising their defects. We have quite a lot of defects in this country—defects due to lack of a proper scientific approach to our problems and a proper scientific co-ordination of all our efforts. We have been trying to live in the modern age in an old environment. Just now, one of the speakers, my Honourable friend Enche' Athi Nahappan, was speaking about padi, but it is seldom realised that man lives in two worlds: one, the world that he finds himself in his own environment and, the other, the world that he creates for himself. We are trying now to live in a world of our own environment. We are trying to follow the old traditional method of living. We are trying, like the Opposition, to live in the world of past, without thinking of the world of the future that is coming into our midst. I regret that we have not got a proper scientific department to teach our children how to live, to teach about nutrition that goes to make up the body of a child, because in this world we know that there are component chemical parts in the body which make a child foolish or brilliant. It is not his rich, traditional upbringing that the boy is clever. It is the food which he takes. A dull boy may become bright, if he gets the proper nutrition, and the proper components in his food. We cannot complain and say today that we are backward because our people are poor, we are backward because we live in an environment which is not suitable or that we are backward because others are rich and they have taken away all our wealth. It is all due to the lack of a scientific approach towards the upbringing of a child, towards his education, towards his food, towards his environment; and these are very important factors in the modern world—and especially so in a world of science where we have got to compete with people who are far more advanced than ourselves. If we compete among ourselves, it is alright, but we are competing with people who are at least fifty years ahead of us in their achievements, and we must advance by having a proper department to co-ordinate all our efforts to find out our mistakes. Let me list only one simple mistake, one simple thing, in which we have not made progress in this country. You have heard the case of a cashier being robbed about 100 yards away from his office. What had happened? No one offered help to those people who shouted for help. Everyone heard the sound of a shot, but nobody came forward. I have heard of cases in which robbery took place within 100 yards of the police station. No help was forthcoming and, of course, the robbers succeeded. Why? It was because there is no proper stimulation by the Government itself to help to create a civic consciousness. It must be done through Government level and through private level. This is one of the things that goes to make a country progress. I have been to Japan and seen how civic minded are the people there. If one man drops down, a lot of people come and help him up. If one man meets with an accident, people come and help him and take him in a taxi to a hospital. But what happens in this country? If a driver happens to run over a young

boy, the driver is set upon, maybe he is killed and his car is torn to pieces. This is our failure. We have not advanced in this respect. May be we have advanced in administration—in the administration of our various departments and so on. But in the moral and intellectual fields we are lacking progress. Why is this so? Because we have not got certain departments in our university to teach us all this. We are a new country and we can say "We cannot help ourselves, we are only eight years old." But let us not forget that that department must be established for the sake of our people here, and I wish to add a note to this. Universities can exist and teach everyone about the technique of a thing. But he is no more than a fitter. He fits in the various parts. But if the graduate does not use his brains and does things only mechanically he is a useless product of the university. He is just like a fitter trying to fit in the parts when it is out of order.

The ASA achievement is a wonderful achievement. The agreements arrived at and the progress made are remarkable, and the staff responsible for those agreements must be praised. They must get their due praise for the efforts they have put in, because we live in an age in which brotherhood of man and friendship must be fostered, and in which peace is at stake; or else, one atomic bomb will be able to destroy this world completely. I agree with His Majesty when he concludes his Address with this:

"We earnestly pray to Almighty God that with His blessings and with firmness and resolution in our purpose, with courage and faith in ourselves, we shall continue to make this beloved nation of ours a land of happiness and contentment."

Thank you.

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya berchakap telah banyak Ahli[2] Yang Berhormat berchakap mengenai dengan usul terima kaseh kapada uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-Persidangan Pembukaan Parlimen yang lalu. Saya tertarek kapada satu daripada bunyi uchapan dalam Titah Seri Paduka Baginda itu ia-itu ia meminta supaya anggota[2] Parlimen dapat berunding dan berbichara dengan sa-baik[2]-nya, dan ini saya perchaya mengikut ingatan saya telah beberapa kali dalam uchapan dari takhta perkara itu telah pun di-perkatakan. Saya yakin dan perchaya dalam sa-buah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen sa-tiap suara ra'ayat yang mewakili ra'ayat hendak-lah menjadi suara yang di-dengar dan segala fikiran yang di-kemukakan oleh ra'ayat melaluï wakil[2] ra'ayat menjadi suatu fikiran yang di-hormati. Tetapi boleh saya mengatakan di-dalam Dewan ini sa-panjang yang telah kita laluï soal yang di-kemukakan oleh ra'ayat melaluï wakil ra'ayat tidak bagitu di-dengar oleh pehak Kerajaan dan fikiran yang di-kemukakan oleh ra'ayat melaluï wakil ra'ayat tidak bagitu di-hormati oleh pehak Kerajaan dan kalau ini terus menerus menjadi di-dalam negara kita ini maka hasil-nya ia-lah bising dan hentam menghentam antara satu gulongan dengan gulongan yang lain yang mewakili ra'ayat, tetapi tidak akan sampai kapada maksud[2] yang sa-benar demokrasi berparlimen. Agak-nya maseh baharu kita ini merdeka maka kerana itu fikiran[2] yang di-kemukakan oleh wakil ra'ayat kurang di-hormati. Saya harap apa yang telah di-uchapkan oleh Seri Paduka Baginda itu akan dapat di-amalkan, kerana erti kata demokrasi di-negara kita ini yang sa-hari kasahari bertambah tua umor-nya sasudah kita menchapai kemerdekaan. Tuan Yang di-Pertua, menurut Titah Seri Paduka Baginda bahawa uchapan beliau membuka Isti'adat Parlimen baharu[2] ini ia-lah uchapan yang terakhir dalam negara Persekutuan, oleh kerana pada masa hadapan negara Persekutuan Malaysia akan lahir menggantikan Persekutuan sekarang ini dan beberapa negara bahagian yang lain akan mengikut sama di-dalam-nya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli[2] Yang Berhormat di-dalam Dewan ini tentu mengetahuï sikap saya dan sikap parti saya di-dalam soal Malaysia ini. Kami telah menyuarakan di-dalam Dewan Ra'ayat dan di-Dewan Negara ini juga apa yang kami fikir baik dalam soal Malaysia. Suara yang kami kemukakan

di-sini atau di-Dewan Ra'ayat ada-lah suara ra'ayat yang harus di-dengar oleh Kerajaan dalam negara demokrasi, apa tah lagi suara pehak pembangkang yang mendapat undi dari ra'ayat yang jumlah undi seluroh-nya apabila di-banding dengan undi yang di-dapati oleh parti yang memerentah pada hari ini ada-lah undi yang lebeh besar dari-pada parti pemerentah. Ini bererti ra'ayat yang memberi mandate kapada parti pembangkang ada-lah lebeh ramai daripada ra'ayat yang memberi man-date kapada parti pemerentah sendiri. Tetapi suara yang tidak di-dengar itu-lah chara yang berjalan di-negeri ini, fikiran yang tidak di-hormati itu-lah yang sedang berjalan di-dalam negeri ini, Tuan Yang di-Pertua. Parti peme-rentah negeri ini mendapat kekuasaan berdasarkan kapada Manifesto-nya, di-dalam Manifesto-nya tidak menyebut-kan sama sa-kali soal mengujudkan negara Malaysia maka sekarang ini timbul satu masaalah yang sama sa-kali dahulu-nya tidak di-beritahu kapada ra'ayat tentang sa-suatu yang akan di-kemukakan di-masa hadapan, tetapi tidak menjadi ganjil kapada ra'ayat negeri ini yang telah mengikuti perkembangan fikiran parti Perikatan yang memerentah Persekutuan oleh sebab sa-suatu yang di-janjikan tidak di-buat, maka tidak mustahil sa-suatu yang tidak di-janjikan itu di-buat pula. Dalam manifesto Parti Perikatan pada satu masa yang lalu telah menye-butkan bahawa sa-sudah Parti Perikatan berkuasa Kerajaan akan menjadikan Jabatan Siaran Radio sebagai Corpora-tion, akan tetapi sampai sekarang Jabatan Siaran Radio tidak menjadi Corporation, malah sa-balek-nya Pen-tadbiran Keretapi yang tidak pernah di-janjikan dalam sa-barang manifesto akan di-jadikan Corporation mulai 1hb January, 1964 yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia nampak-nya akan jadi, sama ada di-sukai atau tidak oleh ra'ayat negeri ini, Kerajaan sedang menjalankan usaha-nya untok mewujudkan negara Malay-sia itu. Sa-bagai ra'ayat yang tundok kapada Perlembagaan negeri ini dan berjuang menurut kaedah[2] Perlem-bagaan, PAS akan ikut sama dalam gelombang ini dan akan memperjuang-kan chita[2]-nya di-dalam negara Perse-kutuan Malaysia yang akan di-bentok pada masa yang akan datang. Akan tetapi saya ingin menyampaikan kapada Dewan ini ia-itu kemerdekaan yang kita perjuangkan sa-bagai negara Persek-utuan Tanah Melayu ia-lah kemerdekaan bagi ra'ayat negeri ini dan tujuan kita menolak penjajahan ia-lah supaya dapat kita membuat sa-suatu bagi membaiki nasib ra'ayat negeri ini yang tertentu, tiap[2] orang mengetahui bahawa penjajah dan kemerdekaan ada-lah jauh beza-nya terhadap ra'ayat di-dalam sa-sabuah negeri itu. Tidak-lah menjadi tujuan kita dengan menchapai kemerdekaan untok meneruskan ama-lan[2] membela kaum kapitalis, apa-tah lagi untok membela kepentingan pen-jajah dalam negara kita sa-sudah kita merdeka. Dan sekarang kita masok Malaysia, Malaysia yang akan me-nyambongkan perjanjian di-antara negara Persekutuan Tanah Melayu dengan Kerajaan Inggeris. Malaysia yang nampak-nya akan terus meng-hormati semua perjanjian[2] yang di-buat di-antara Kerajaan Inggeris dengan semua kerajaan[2] dalam negeri[2] Melayu sa-belum daripada kita mer-deka, dan ini semua-nya akan di-teruskan. Saya suka menyampaikan bahawa Malaysia yang di-wujudkan harus membawa perubahan yang lebeh besar kapada ta'arif kemerdekaan negeri ini dari sa-barang rupa, baik dari segi ekonomi, apa-tah lagi dari per-tahanan negeri ini. Kita harus membe-baskan diri kita dari sa-barang ikatan yang akan menjadikan kita ini sa-bagai pembela kepentingan Inggeris dalam negara kita ini. Kita harus menjadikan negeri kita yang yakin dan berdiri di-atas kaki sendiri dan tidak mesti meletakkan diri kita kapada belas kasehan kapada pehak penjajah dalam soal pertahanan dan sa-bagai-nya.

Alang-kah malu-nya Malaya dan Malaysia nanti mempunyai tentera[2] nasional, akan tetapi mempunyai pegawai[2] Inggeris yang memimpin tentera kita sa-hingga kita tidak dapat marah kalau orang mengatakan ten-tera Malaya tentera Inggeris sebab tentera itu di-pimpin oleh Panglima-nya. Kita tidak mahu dalam negara kita ini di-zaman yang telah bagini

maju maseh terjadi lagi chara[2] permainan politik yang berlaku lama dahulu di-negara Arab di-Timor Tengah di-mana kepentingan[2] penjajah yang mesti di-pelihara, maka negara itu akan chuba menerima pegawai[2], yang lahir-nya sa-mata[2] dengan suka dan kerelaan tetapi batin-nya mengandongi sa-suatu demi kepentingan penjajah itu sendiri. Malaya dan Malaysia harus-lah mempunyai pegawai[2]-nya sendiri. Kalau kita telah mendengar beberapa kali uchapan daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan mengatakan Malaya dan tentera-nya tidak bertujuan untok menyerang sa-siapa, hanya untok menjaga keselamatan dalam negeri ini, maka kita tidak-lah berhajat kapada pemimpin pegawai asing kapada tentera[2] kita, kalau hanya sa-kadar untok menjaga negara kita sendiri dan keselamatan dalam negeri ini.

Menjelang wujud-nya Malaysia kita sa-patut-nya membereskan semua perkara[2] yang saperti ini. Kita chukup dengan pegawai[2] daripada anak negeri ini sendiri. Dengan jalan itu akan menjadi kehormatan negara kita dan nilaian kemerdekaan itu lebeh tinggi di-pandang oleh orang[2] lain. Jika tidak akan menimbulkan salah sangka dan mungkin menimbulkan salah faham kapada sa-tengah[2] jiran kita yang memandang Malaya menjadi boneka kapada British dan boneka kapada penjajah untok mengawal dan menjaga kepentingan[2] penjajah di-kawasan Tenggara Asia. Dan ini-lah yang telah menjadi perasaan tidak senang kapada jiran[2] kita, mithal-nya, saperti Indonesia yang terlalu hampir dengan kita melihat ada-nya pegawai asing memimpin tentera kita dan melihat ada-nya kepentingan[2] asing menggendalikan polisi[2] kita dalam negeri ini. Orang boleh menyangka dan orang boleh menudoh oleh sebab apabila kita membuat sa-suatu sa-kali pun bebas, tetapi kalau itu mengganggu atau mengancham kapada orang lain, maka sa-tiap orang itu boleh menyuarakan pendapat-nya dan mengatakan sa-suatu kapada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya bershukor kapada Allah subhanahu wataala apabila kejayaan[2] yang telah di-chapai hasil daripada perundingan yang di-buat di-antara Yang Teramat Mulia Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu dengan Paduka Yang Mulia President Republic Indonesia di-Tokyo dua hari yang lalu. Kita memang telah duga dari dahulu sa-bagaimana kata pepatah Melayu: Ayer di-tetak tidak akan putus. Maka dengan kerana itu kalau kita dapat menahan sentimen dan kita dapat menjalankan kebijaksanaan, maka yang keroh itu dapat di-jernehkan kembali. Dalam Dewan ini telah pernah saya mengingatkan bahawa jangan-lah kita menggunakan sentimen terlalu banyak, tetapi biar kita menggunakan akal, kerana dengan jalan itu sa-suatu kekerohan akan dapat di-jernehkan saperti mana sekarang ini. Hasil daripada kejernehan yang di-tunjokkan daripada kemahuan yang besar, maka kita telah melihat suatu tanda yang baik yang akan membawa kapada perdamaian dan keselamatan bagi kawasan Tenggara Asia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya harap persetujuan yang di-chapai di-antara Yang Teramat Mulia Perdana Menteri Persekutuan dengan pehak Republic Indonesia yang akan menjadi pembukaan jalan kapada Persidangan Menteri[2] Luar pada 7 haribulan di-Manila dan sa-terus-nya kapada Persidangan Kemunchak di-antara Tiga Kepala Negara harus-lah menjadi jalan yang sa-lurus[2]-nya menuju kapada persafahaman yang lebeh baik bagi masa yang kahadapan untok keselamatan kita semua di-kawasan Tenggara Asia dan untok perpaduan keturunan Melayu dari tiga buah negara yang asal-nya satu kemudian di-pechahkan oleh tiga penjajah barat yang menyebabkan simpang perenang sa-hingga hari ini. Ini-lah do'a sa-tiap ra'ayat dalam negeri ini yang mengharapkan supaya perpaduan akan timbul dan kerjasama yang erat akan lahir di-antara negara[2] Persekutuan Tanah Melayu, Republic Indonesia dan Philippines, yang akan menjadikan kedudokan kawasan Tenggara Asia ini terjamin dari sa-barang keadaan yang mungkin timbul pada masa yang akan datang dalam udara dan suasana dunia yang genting ini pada masa ini oleh bahaya di-sabelah barat dan di-sabelah timor.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan kita semua mendo'a kejayaan yang akan datang itu dan ada-lah di-harap peranan yang di-ambil oleh Persekutuan Tanah Melayu sa-bagai sabuah negara yang kechil akan menjadi peranan yang menentukan bagi negeri[2] di-Tenggara Asia ini dengan semangat dan ketabahan kita supaya sa-suatu yang baik yang tidak chondong kapada Komunis dan tidak chondong kapada barat, dapat di-ujudkan dalam negara[2] di-kawasan sini dan akan menjamin keselamatan di-kawasan ini bagi salama[2]-nya.

Dalam uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada menyebutkan tentang soal ASA dan kerjasama[2] serta kejayaan[2] yang telah di-chapai sadikit sa-banyak. Saya mengambil kesempatan ini untok menguchapkan tahniah atas kejayaan[2] itu dan mengharapkan beberapa kejayaan[2] lain akan dapat di-chapai pada masa hadapan, oleh kerana apa juga daya-upaya hendak-lah di-ikhtiarkan supaya ujud-nya satu ketenteraman bagi kawasan ini dan lebeh[2] lagi persafahaman di-antara manusia[2] yang tinggal berdekatan dengan kita di-sini. Akan tetapi, ada satu masa-alah yang berkait dalam negara lengkongan ASA ini yang tidak dapat sa-siapa pun memejamkan mata-nya apabila kita tinjau dari uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai dengan sikap Persekutuan Tanah Melayu dalam menghadapi penjajahan dalam dunia ini, maka kita tidak-lah dapat memejamkan mata kita dari apa yang berlaku di-kawasan kita ini ia-itu Selatan Siam di-mana ada sa-bahagian dari orang[2] yang berketurunan Melayu yang lebeh satu juta orang ramai-nya yang maseh tinggal di-bawah pemerentahan Siam. Sa-benar-nya pernah saya bangkitkan dalam Dewan ini, bukan-lah maksud kita supaya menchari permusohan dengan pehak negara lain yang menjadi anggota ASA. Apa yang kita harapkan ia-lah supaya dapat menchapai keamanan, akan tetapi sa-suai dengan uchapan yang di-buat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa sikap Persekutuan Tanah Melayu menentang penjajahan dalam apa rupa sa-kali pun, maka kita, dengan sikap kita mengujudkan negara Malaysia ini pun ia-lah untok menolong memerdekakan daerah[2] yang di-jajah oleh Inggeris di-kawasan Kalimantan Utara, maka dengan sebab yang demikian tidak ada sebab-nya kita tidak dapat memikirkan masaalah sa-bahagian besar orang[2] Melayu yang dudok di-bawah pemerentahan negara Thai di-Utara Semenanjong Tanah Melayu ini. Tidak-lah maksud kita supaya orang[2] itu di-tarek untok masok ka-dalam Persekutuan Tanah Melayu, tetapi hak menentukan nasib (self determination) harus di-beri peluang dan di-dorongkan kapada dunia supaya mereka itu dapat mengambil peluang di-atas menentukan nasib mereka sendiri.

Senang sa-kali saya mendengar apabila membacha berita dalam akhbar bahawa dalam perjalanan Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri ka-Tokyo dia singgah sa-bentar di-Bangkok dengan menyebutkan yang beliau akan chuba berunding dengan Perdana Menteri Thai dalam masa-alah itu pada satu masa yang akan datang, jika ada peluang. Tidak ada siapa yang tidak akan berterima kaseh kapada Yang Teramat Mulia Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, jika beliau dapat mengambil initiative mengusahakan perkara ini dengan sachara jujur dan ikhlas bagi kepentingan peri kemanusiaan, oleh sebab dalam negeri itu tidak ada sa-orang manusia pun yang dapat berchakap, tidak ada sa-orang pun yang berani berkata[2] bagi menerangkan kedudokan-nya sendiri, melainkan dari luar, dan apa yang di-kemukakan oleh Persatuan Islam sa-Tanah Melayu telah berkali[2] dalam Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara ini ia-lah supaya jika ra'ayat di-sana tidak dapat berchakap untok menentukan nasib mereka, biar-lah dunia mengetahui bahawa di-sana ia-itu di-Semenanjong Tanah Melayu ini ada sa-bahagian orang[2] keturunan Melayu yang maseh di-jajah. Tentu dari segi hukum international bahawa Selatan Siam ada-lah termasok sa-bahagian dari negara Thai; akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia ini

kita dapati banyak negeri[2], saperti Algeria mithal-nya telah di-masokkan oleh France menjadi sa-bahagian daripada negara Republic of France sendiri; akan tetapi itu tidak menjadi masaalah apabila ra'ayat Algeria telah dapat menentukan hak kemerdekaan dan dapat menyelesaikan masaalah mereka itu yang mana hari ini mereka telah dapat menchapai kemerdekaan. Berlainan sa-kali bentok-nya dengan pendudok[2] Melayu yang ada di-Selatan Siam itu yang dahulu-nya bernama negara PATANI dan oleh kerana mereka tidak ada peluang sadikit pun untok berchakap dan untok menyuarakan pendapat[2] mereka, sa-balek-nya orang[2] yang chuba berchakap dia akan hilang dengan tidak tentu di-mana tempat-nya. Sa-kali lagi, saya ulangi, tidak-lah maksud saya untok menimbulkan kekachauan yang bersangkut di-antara Persekutuan Tanah Melayu dengan negara Thai sa-bagai satu anggota ASA tetapi saya mengalu[2]kan dengan sikap yang telah di-nyatakan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri ia-itu beliau akan chuba berunding dengan pemerentah Thai dalam soal ini. Mereka walau bagaimana sa-kali pun, mesti di-bela dan mesti-lah di-ambil tahu dan di-rundingkan masaalah ini.

Dalam uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak banyak di-sebut-kan tentang soal bahasa kebangsaan. Pada saya bahasa kebangsaan ini satu perkara yang sangat berat dan bahasa kebangsaan ini satu perkara yang sangat penting bagi mengujudkan satu kebangsaan, satu kera'ayatan dan ta'at setia yang tidak berbelah bagi, dengan lahir-nya bulan bahasa kebangsaan boleh menyatukan dan ini-lah yang kita harap[2]kan. Dalam uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak banyak menyentoh tentang perkara ini, sa-olah[2] perkara ini satu perkara yang ringan. Saya mengatakan ini ia-lah dengan sebab saya tahu dan semua kita tahu, sebab beberapa kali telah di-anjorkan mengadakan Bulan Bahasa, Minggu Bahasa dan mungkin ta' lama lagi akan timbul Tahun Bahasa, tetapi sa-panjang Bulan Bahasa di-adakan, sepandok[2] sahaja yang ada di-hadapan rumah, atau bangunan[2], tetapi penghuni rumah atau bangunan itu maseh juga berchakap bukan dalam bahasa kebangsaan, yang demikian kita tidak nampak kebenaran apabila ada suara[2] yang mengatakan: "We are undivided loyalty" pada hal bila di-minta oleh negara, mari-lah kita melaksanakan Bulan Bahasa dengan sa-penoh-nya di-antara family dengan family, mereka tidak sanggup menggunakan bahasa itu, dan yang malang-nya kita dapati di-jabatan[2] Kerajaan pun maseh lagi terdapat penggunaan bahasa Inggeris sa-panjang Bulan Bahasa itu. Jabatan Penerangan mithal-nya, yang paling terang telah mengirimkan kapada semua anggota[2] Parlimen siaran[2] dari Jabatan Penerangan yang di-atas-nya tertulis: "Siaran Akhbar" dan di-bawah-nya di-tulis: "Di-keluarkan pada jam sekian" tetapi di-tengah[2]-nya di-tulis dalam bahasa Inggeris, bukan dalam bahasa kebangsaan. Jadi, ada-lah terlalu terang sangat betapa kita mengaboï mata ra'ayat apabila Kerajaan sendiri tidak dapat melaksanakan penggunaan bahasa kebangsaan, tetapi hanya di-atas tertulis dalam bahasa kebangsaan: "Siaran Akhbar" dan di-bawah-nya: "Di-keluarkan pada jam sekian". Isi-nya ada-lah dalam bahasa Inggeris belaka. Perbuatan yang memalukan ini hendak-nya tidak akan terjadi lagi dalam musim[2] Bulan atau Tahun Bahasa Kebangsaan pada masa hadapan.

Terlanjor berchakap dalam soal bahasa Kebangsaan, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan Radio akan mengambil peranan yang lebeh besar di-dalam soal bahasa Kebangsaan ini. Biar pun kita telah mengadakan sekolah dewasa untok membenteras buta huruf yang kata Kerajaan Perikatan Kerajaan PAS di-Kelantan menentang-nya tetapi kami mengatakan bahawa kami tidak menentang sekolah dewasa. Yang kami menentang ia-lah chara pelaksanaan sekolah dewasa yang di-buat di-Kelantan yang terang[2] untok menjalankan subversive di-dalam negeri Kelantan bagi kepentingan party politik yang lain daripada party yang berkuasa di-Kelantan. Di-samping sekolah dewasa itu, saya rasa Radio boleh

mengambil peranan yang besar bagi melaksanakan bahasa Melayu. Bagi orang Melayu sendiri pun yang tua[2] yang tinggal di-kampong[2] yang jarang membacha surat khabar oleh kerana kemiskinan mereka, mereka tidak dapat mengikuti perkembangan bahasa Melayu yang baik. Mithal-nya uchapan di-Radio oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran tentang gerakan obor, orang[2] kita di-kampong[2] akan membuka Radio itu tetapi bila Menteri mengatakan kalau anak[2] itu besar tidak baik kira-nya dia tidak dapat pendidekan yang bagus, dia akan menimbulkan kejahatan—dia akan menjadi jahat. Ada orang[2] di-kampong yang tidak faham kalimah kejahatan, penjahat kerana pen, ke, tan di-hujong semua-nya itu ada-lah kalimah di-awal dan di-akhir yang tidak dapat di-terima dan tidak dapat di-faham oleh orang Melayu sa-kali pun, yang tinggal di-kampong[2] yang kurang membacha. Mereka lebeh senang faham perkataan jahat—orang jahat tetapi kalau kejahatan payah mereka hendak faham, maka dengan kerana itu satu mithal-nya yang saya bagi tadi itu-lah sebab saya kata ada baik-nya Radio mengambil peranan dalam perkembangan bahasa Melayu—perkembangan bahasa Kebangsaan. Di-Radio ada bahagian[2] yang mengajar bahasa Kebangsaan dalam membunyikan butir[2] perkataan supaya ini dapat munafa'at kapada ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu baik orang[2] Melayu di-kampong[2] 'am-nya dan khas-nya kapada orang[2] warga negara yang ingin mengikuti pelajaran bahasa kebangsaan.

Di-dalam uchapan Seri Paduka Baginda ada meyebutkan satu bahagian bahawa negara Persekutuan Tanah Melayu akan menyusun sa-mula Undang[2] yang sedang berjalan dalam negara ini dan kata Seri Paduka Baginda bahawa tugas ini akan di-laksanakan mengambil masa bertahun[2] lama-nya, oleh kerana bukan-lah satu perkara yang mudah untok melaksanakan-nya itu. Ini dapat di-mengertikan oleh kita semua betapa susah-nya untok mengubal dan menyusun sa-mula Undang[2] di-dalam negeri kita ini dan tidak shak lagi dia akan mengambil masa bertahun[2]. Jadi saya suka menyampaikan ini oleh kerana sudah menjadi tujuan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untok menyemak dan menyusun Undang[2] di-dalam negara Persekutuan ini supaya di-dalam menyusun dan menyemak sa-mula sa-boleh[2]-nya dan sa-dapat[2]-nya sa-tiap Undang[2] yang berjalan dalam negeri ini harus-lah di-ator dan di-semak di-betulkan sa-hingga tidak bertentangan dengan ajaran Islam yang menjadi ugama rasmi dalam negeri ini. Saya tidak mahu berchakap panjang tentang Undang[2] Islam yang harus kata saya di-sesuaikan dengan Undang[2] negeri ini kerana dalam sidang Dewan ini pada suatu masa yang lalu pernah saya berchakap panjang sa-hingga Yang Berhormat Enche' Nik Hassan pernah mengatakan saya bersarah banyak dalam Dewan ini. Apa yang saya maksudkan, supaya Undang[2] di-dalam negeri ini di-sesuaikan dan tidak bertentangan dengan pengajaran Islam yang menjadi ugama rasmi negeri ini dan ini boleh di-buat asal sahaja ahli[2] pengubal atau penyusunan sa-mula itu di-ajak bersama orang[2] yang mengerti benar[2] dalam hukum Islam. Tidak-lah menjadi satu perkara ganjil apabila saya berchakap di-sini tentang persesuaian hukum Islam kerana dunia ini pun orang[2] telah memikirkan soal Undang[2] Islam. Kalau tidak salah ingatan pernah saya bacha satu buku, *George Bernard Shaw*, sa-orang ahli fikir di-England dan dia telah meninggal dunia, pernah mengatakan: "England dengan kemajuan[2] yang telah di-chapai-nya, jika ingin terus untok mempertahankan kemajuan ini, mereka harus-lah mengambil Islam sabagai ugama-nya sa-belum akhir abad yang kedua puloh ini".

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam uchapan sa-orang Ahli Yang Berhormat tadi ada menyebutkan supaya nasib kaum wanita mendapat pembelaan di-dalam negeri ini. Beberapa perkara yang mengenai dengan nasib kaum wanita memang terancham dan sangat menyedehkan dalam negeri ini. Satu daripada perkara yang telah di-sebutkan-nya bagaimana kaum[2] ibu menerima hukum nushuz dan ini sa-benar[2]-nya kuat-kuasa Kerajaan[2] negeri di-dalam negeri[2] masing[2]. Akan tetapi

tentu-lah Duli[2] Yang Maha Mulia Raja[2] Melayu dapat membawa perkara ini di-dalam sidang biasa persidangan Raja[2]. Sa-panjang yang saya ketahui di-negeri Kelantan hukum nushuz ini berjalan sa-bagai salah satu hukum[2] Islam akan tetapi tidak-lah berlaku wanita[2] yang di-gantong tidak bertali sa-hingga merana dan menderita akibat daripada hukum nushuz itu. Sebab spirit atau pun semangat daripada Undang[2] Islam berkenaan dengan hukum nushuz ini bukan-lah untok menaniaya kaum perempuan tetapi untok memberi peluang kalau salah satu daripada suami isteri merasa maseh kaseh kapada yang satu, jika di-tuntut pencheraian kerana merasa marah atau satu[2] sebab yang dapat di-baiki maka boleh-lah di-gantong dahulu sa-hingga satu[2] itu dapat di-selesaikan. Jika telah sampai kapada masa yang tidak dapat di-selesaikan lagi tidak ada hak bagi sa-orang lelaki dalam pengajaran Islam untok memaksa sa-orang perempuan kerana perempuan itu ada-lah sama taraf-nya dalam Islam hanya menjadi hamba kapada Allah bukan menjadi hamba kapada lelaki. Jadi di-Kelantan tidak berlaku perkara ini dan jikalau berlaku di-tempat[2] lain boleh-lah di-rundingkan dan di-sampaikan ka-pada Majlis Raja[2]. Dan saya khuatir dengan chara[2] pelaksanaan yang tidak beberapa sesuai mungkin menimbulkan perasangka[2] yang tidak baik kapada kebaikan hukum Islam kerana hukum Islam ada-lah hukum yang benar[2] memberi persamaan kapada perempuan bahkan tidak boleh di-paksa sa-orang perempuan memasak kalau dia mahu membuat kerja[2] lain kerana lelaki tidak ada hak memaksa di-dalam rumah tangga sa-kali pun.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarek hati kapada satu uchapan Ahli Yang Berhormat di-dalam Dewan ini ber-kenaan dengan sekolah[2] ugama. Ini sa-benar-nya saya hendak berchakap pada mula-nya tetapi kerana beliau itu telah berchakap terlebeh dahulu maka saya mengambil kesempatan untok menyokong dengan sa-kuat[2]-nya ba-hawa sudah tiba masa-nya bahawa semua sekolah ugama ra'ayat yang di-dirikan oleh ra'ayat dalam negara Persekutuan Tanah Melayu harus mendapat pertimbangan dan sokongan sa-penoh[2]-nya dengan tidak bedza membedza sa-bagaimana sekolah[2] lain[2]. Jika pelajar[2] dalam Sekolah Jenis Kebangsaan terdiri dari warga negara Persekutuan Tanah Melayu maka yang belajar ugama juga terdiri dari ra'ayat negeri ini ada-lah juga warga negara Persekutuan Tanah Melayu. Jika anak[2] yang di-lateh di-dalam Sekolah[2] Jenis Kebangsaan itu akan menjadi warga negara pada masa yang akan datang, maka anak[2] yang di-didek dan di-lateh dalam sekolah[2] ugama pun menjadi warga negara bagi negara Persekutuan kita pada masa yang akan datang. Maka mereka itu harus-lah dapat hak yang sama, mereka harus mendapat hak apa yang patut di-dapati sa-bagai ra'ayat negeri ini ia-itu hak bantuan pelajaran yang sa-penoh[2]-nya kapada mana[2] sekolah yang mereka itu belajar. Chuma satu benda yang saya rasa kesal apa yang di-kemukakan oleh saudara saya Yang Berhormat tadi ia-lah bantuan yang penoh itu akan memberi peluang kapada Kerajaan untok mengawal sa-penoh[2]-nya kerana di-khuatirkan timbul anasir[2] yang merosakkan negara dan membawa ajaran yang salah kapada negara. Saya tidak dapat menerima pada akal bahawa dari sekolah[2] ugama akan menimbulkan anasir[2] yang tidak baik. Tidak terima pada akal saya bahawa guru[2] ugama akan membawakan pengajaran[2] yang salah yang menimbulkan kerosakkan dan kekachauan dalam negeri ini. Ini-lah perkara yang sangat di-kesalkan bahawa tudohan itu tidak patut terbit, tudohan itu akan mengotorkan keperibadian pelajar[2] dan guru[2] yang berkhidmat untok kepentingan ugama dan kebaikan manusia[2] di-dalam dunia ini.

Mr President: Panjang lagi?

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana waktu sudah chukup saya minta menyambong balek uchapan saya pada petang ini.

Mr President: Meshuarat ini di-tanggohkan sa-hingga 2.15 petang ini.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 2.15 p.m.

(Mr. President *in the Chair*)

THE YANG DI-PERTUAN AGONG'S SPEECH

ADDRESS OF THANKS

Debate resumed.

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, bagi menyambong uchapan saya tadi saya suka menarek perhatian Dewan ini kapada uchapan yang telah di-buat oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat mengenaï dengan kuasa[2] yang patut bertambah kapada Kerajaan Persekutuan yang sa-hingga dapat memaksa Kerajaan sa-sabuah negeri itu melaksanakan apa yang di-kehendaki oleh Kerajaan Persekutuan. Dalam kajian saya dan party kami bagi menepatkan sa-suatu demokrasi benar[2] dalam negara yang berbentok Persekutuan maka kami fikirkan bahawa Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ini patut di-pinda bukan untok mengetatkan kapada perkara[2] saperti yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi tetapi untok memberi beberapa hak yang lain hingga tiap[2] sa-buah Kerajaan negeri yang di-pileh oleh ra'ayat itu dapat melaksanakan manifesto-nya kalau tidak dia akan di-kianati oleh Kerajaan Pusat dalam sa-barang ranchangan yang dia di-beri mandat oleh ra'ayat untok mendudoki dan memerentah sa-sabuah negeri itu. Ini mungkin kena kapada Persatuan Islam yang memerentah negeri Kelantan dan mungkin kena kapada party[2] yang lain yang akan memerentah dalam negeri[2] lain di-masa hadapan. Saya rasa Amerika mithal-nya telah memberikan satu chontoh yang baik apabila di-sana ada kuasa[2] di-berikan dalam Perlembagaan, satu perkara yang berbangkit pertikaian di-antara sa-buah Kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat maka sa-buah Mahkamah boleh membicharakan dan menentukan serta memutuskan satu[2] perkara itu. Malang-nya kita di-Persekutuan Tanah Melayu mempunyaï sa-buah Perlembagaan berbentok Persekutuan Tanah Melayu dalam mana tiap[2] negeri yang dahulu berdaulat masing[2] telah menyerahkan kuasa-nya kapada Kerajaan Persekutuan tetapi mereka kadang[2] tidak mendapat berbuat dengan sa-suka hati-nya dalam perkara[2] yang bagaimana mereka boleh buat tetapi dengan sebab[2] yang tertentu oleh kerana kuasa[2] Federal telah champor tangan hingga banyak perkara tidak dapat di-buat.

Mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Islam, semua orang mengetahuï mahu kapada asas[2] Islam di-jalankan mengenaï hukum negara, mahu membentok sa-buah masharakat, mahu melahirkan angkatan yang berfaham Islam yang akan membawa keamanan dan ketenteraman di-dalam masharakat manusia di-dalam negara ini, ini-lah fahaman kita. Kita telah masoki pertandingan pilehan raya mengikut dasar demokrasi Perlembagaan negara ini. Ra'ayat beratus[2] ribu telah memberikan undi keperchayaan kapada PAS kerana manifesto chita[2] politik PAS. Tetapi bila kita sampai kapada kuasa yang kita dapat yang di-beri amanah oleh ra'ayat kita tidak dapat menjalankan, kerana menjalankan dasar Islam di-dalam sekolah[2], itu bererti satu perkara mimpi oleh kerana kuasa berjalan bulat[2] di-tangan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Apa yang di-tentukan dalam Perlembagaan dalam segi kuasa Kerajaan negeri hanya-lah sa-kadar bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untok menentukan mana dia tapak sekolah atau memberikan atau mengusahakan tanah kapada Kementerian Pelajaran bagi mendapatkan asas untok menegakkan sekolah dan tidak ada hak kapada Kerajaan negeri untok champor, untok membawa dasar[2] yang di-anut oleh party politik yang di-pileh oleh ra'ayat mengikut dasar demokrasi ka-dalam pentadbiran dalam soal memberi pelajaran. Ini kalau di-pandang dari segi demokrasi telah menchabol hak ra'ayat telah memileh satu party politik semata[2] dengan kerana ingin kapada satu perubahan, ingin kapada satu idea, idea yang membawa satu perubahan mengikut apa yang di-fahamkan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat di-pinda Perlembagaan pada masa hadapan satu pindaan yang lebeh baik

dalam perkara yang saperti ini ia-lah tiap[2] negeri itu mempunyaï hak memasokkan dasar[2] mereka dalam pelajaran di-sekolah[2] di-negeri yang mereka kuasaï itu dengan dasar[2] Islam, saperti PAS bila dia berkuasa ingin supaya beneh Islam itu hidup dan disuborkan dalam negeri mana yang dia berkuasa. Dan perbelanjaan melaksanakan-nya ini harus-lah di-bayar oleh Kerajaan Persekutuan dengan chara adil oleh kerana tiap[2] ra'ayat itu kena membayar chukai dan chukai yang dibayar oleh ra'ayat itu sampai kapada Kerajaan Pusat yang memerentah Persekutuan Tanah Melayu ini. Ini baharu yang di-namakan adil, tetapi hak memileh di-berikan kapada ra'ayat, hak melaksanakan sa-suatu itu di-tahan[2] menjadikan demokrasi ini sa-paroh masak. Tuan Yang di-Pertua, itu ada-lah mithalan yang saya kemukakan dalam Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat tadi telah menyebutkan ra'ayat negeri Kelantan ingin kapada Ranchangan Pembangunan Luar Bandar. Saya tidak mengetahuï ada ra'ayat yang tidak ingin kapada Ranchangan Pembangunan Luar Bandar. Yang demikian saya dan Ahli Yang Berhormat itu ada-lah sama[2] dalam mengatakan ra'ayat Kelantan juga ingin kapada Ranchangan Pembangunan Luar Bandar tetapi yang malang-nya saya tidak ketahuï yang Kerajaan negeri Kelantan—Kerajaan PAS tidak mahu kapada Ranchangan Pembangunan Luar Bandar. Kalau kita menolak Ranchangan F.L.D.A. itu ada-lah dengan sebab[2]-nya sendiri bagi mensesuaikan dengan dasar PAS. Kalau kita menolak kerjasama mengenaï sekolah[2] dewasa itu patut kerana sebab[2] pentadbiran yang Kerajaan Pusat sendiri mengerti mengapa Kerajaan Kelantan menolak kerjasama dalam soal sekolah[2] dewasa, bukan kami tidak mahu sekolah[2] dewasa.

Dalam soal yang mengenaï apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa Kerajaan PAS tidak mahu Ranchangan Pembangunan Luar Bandar hingga duit-nya di-pulangkan balek. Satu chontoh paling dekat; saya tidak akan mencheritakan seratus perkara walau pun seribu cherita saya boleh cheritakan dalam pengalaman saya sa-lama 4 tahun ini. Satu perkara dapat saya chontohkan. Sa-orang pegawai di-bawah D.O. mengambil chuti daripada Kerajaan Negeri Kelantan pergi ka-Kuala Lumpur. Habis chuti dia masok bekerja sa-mula. Besok-nya wang $11,000 di-bawah Ranchangan Pembangunan Luar Bandar dari Kuala Lumpur sampai kapada Setia-Usaha Kerajaan Negeri Kelantan untok projek ini dan itu, sedang Setia-Usaha Kerajaan Negeri Kelantan tidak tahu, Menteri Besar tidak tahu dan ahli[2] Jawatan-kuasa Pembangunan Luar Bandar tidak tahu, bagaimana wang $11,000 dapat datang ka-negeri Kelantan dengan tidak dalam pengetahuan Setia-Usaha, Menteri Besar sa-bagai Pengerusi Jawatan-kuasa Pembangunan Luar Bandar dan ahli[2] Jawatan-kuasa Pembangunan Luar Bandar di-negeri itu? Apabila perkara itu di-siasat didapati bahawa sa-orang pegawai yang pro-Parti Perikatan datang berunding meminta bantuan langsong, dan di-kirimkan-lah wang itu, dan mahu di-paksa supaya Kerajaan Kelantan melaksanakan projek[2] yang di-tentukan oleh satu[2] parti politik yang lain yang menentang dasar Kerajaan PAS negeri Kelantan. Dari segi legal, maka sa-bagai satu parti politik yang mendapat mandate dari ra'ayat yang memerentah negeri itu dengan kuasa demokrasi tentu ada kehormatan ia-itu kita terpaksa menolak balek wang itu kerana wang itu tidak mengikut saloran yang betul dan ini ada-lah merupakan satu gerakan subversive yang paling besar dan yang paling ganas dalam Persekutuan Tanah Melayu yang di-lancharkan oleh Perikatan. Tuan Yang di-Pertua, sa-ribu perkara yang dapat kita bongkarkan dalam Dewan ini mengenaï apa yang di-lakukan oleh Parti Perikatan kapada Kerajaan Kelantan yang telah di-anggap sa-bagai anak tiri semenjak PAS menang pilehan raya, 1959 yang lalu.

Saya tidak hendak mengambil masa yang terlalu panjang dalam Dewan ini dalam satu perkara titek-bengek yang hanya di-buat oleh satu parti politik yang baharu merasa kemerdekaan dan menjadi orang yang berkuasa yang chuba menindas dengan bertopengkan demokrasi, keamanan, keadilan dan

kema'amoran, akan tetapi chuba menegakkan dasar mereka sa-olah[2] mereka akan berkuasa sa-lama[2]-nya dalam negara Persekutuan Tanah Melayu ini. Chontoh yang saya kemukakan tadi bagaimana wang $11,000 sampai di-Kelantan sa-hingga Setia-Usaha Negeri Kelantan terperanjat. Bagaimana wang itu sampai kalau tidak di-minta? Satu chontoh yang nyata dan terang bagaimana permainan politik kotor sedang berjalan dalam negara bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Tentu-lah tidak menjadi rahsia lagi perkara itu apabila Kerajaan Negeri Kelantan menolak balek wang itu tentu dengan sebab[2] yang nyata. Baharu[2] ini berlaku persiapan yang hebat sa-sudah datang wang dari Kuala Lumpur kapada Majlis Bandaran Kota Bharu. Maka lorong[2] yang sa-lama ini tidak pernah di-betulkan sudah di-beri kapada konterektor buat jalan enam kaki. Kubor[2] yang sa-lama ini tidak di-pedulikan sudah mula di-buat pagar. Pada 6 haribulan ia-itu tiga hari daripada hari ini akan berlaku-lah penamaan chalun Bandaran Majlis Meshuarat Kota Bharu. Sudah lama Parti Perikatan memerentah, tetapi tidak-lah banyak usaha yang di-buat dalam bandar Kota Bharu. Bandar Klang di-katakan satu bandar yang kotor. Bandar Kota Bharu ada-lah lebeh kotor daripada Klang sa-lama di-perentah oleh Parti Perikatan. Kalau nyamok bukan di-katakan hutan nyamok lagi tetapi rimba nyamok dalam bandar Kota Bharu sa-lama Parti Perikatan memerentah.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Kota Bharu dalam negeri Kelantan.

Enche' Amaluddin bin Darus: Masa ini di-perentah oleh Parti Perikatan. Sa-sudah di-ator maka pada 6 haribulan June ini akan menamakan chalun baharu-lah wang datang dari Kuala Lumpur kerana ranchangan untok membuat jalan termasok pagar di-kubor. Saya tidak tahu ada agent[2] Kerajaan PAS di-Kelantan yang memechah[2]kan pagar kubor, barangkali hantu kubor sendiri mengamok—saya tidak tahu—sebab hantu kubor barangkali dia pun tahu sebab sudah kachau sangat maka dia merombak.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, soal mengenai dengan pertikaian Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat yang kalau tidak mahu kita berlaku adil oleh kerana kelonggaran Perlembagaan yang ada pada hari ini. Sudah sa-patut-nya dalam usaha[2] untok meminda Perlembagaan bagi Malaysia, maka hendak-lah di-masokkan segala sa-suatu yang adil yang pada masa yang akan datang tidak akan menimbulkan rungutan. Pehak parti Kerajaan sendiri harus-lah boleh memikirkan bersama, kerana di-takdirkan pada satu masa parti politik yang lain memerentah negara Persekutuan Tanah Melayu, sedang Parti Perikatan hanya memegang satu atau dua negeri sahaja dalam negara Malaysia ini bagaimana mereka akan rasa dan bagaimana akibat politik yang akan di-kenakan oleh parti yang memerentah yang tabi'at-nya sama dengan Parti Perikatan terhadap negeri[2] yang di-kuasai oleh Parti Perikatan dan terhadap ra'ayat yang kebetulan mereka memileh Parti Perikatan. Atas asas[2] keadilan ini patut-lah di-adakan perubahan[2] yang besar, dan mengwujudkan satu Mahkamah yang apabila timbul pertikaian yang saya katakan itu boleh di-bawa kapada Mahkamah. Jika tidak akan menimbulkan keadaan[2] yang tidak baik pada masa hadapan, kerana sa-hari demi sa-hari ra'ayat bertambah sedar—ra'ayat bukan bertambah bodoh. Kata Abraham Lincoln: Kita boleh membodohi sa-saorang sa-lama hidup-nya, tetapi kita tidak boleh menipu semua orang sa-lama hidup-nya. Oleh kerana itu kita chuba menyesuaikan diri kita dengan keadaan yang sa-benar, sebab ra'ayat telah bertambah sedar sekarang. Dengan wujud-nya Malaysia, negara[2] Sarawak, Brunei dan Sabah mempunyai hak yang lebeh daripada apa yang saya bacha tentang dasar[2] persetujuan yang di-ambil oleh perundingan Antara-Kerajaan, sedang negara[2] yang akan menjadi unit dalam Persekutuan Malaysia maseh kekal dengan chara yang bagini. Maka ini ada-lah satu keadaan yang tidak patut. Tetapi saya tidak dapat berchakap panjang lebeh dalam soal ini, sebab sa-belum meminda Perlembagaan, kita tidak faham apa-kah Malaysia ini

merupakan 15 unit atau pun Malaysia ini merupakan 5 unit. Pada masa yang lalu kita mendengar Malaysia akan merupakan 15 unit, ia-itu 11 negeri Persekutuan Tanah Melayu, Singapura sa-bagai gabongan dan 3 lagi daripada wilayah North Boreno, tetapi masa yang akhir[2] ini kita dapat khabar sa-olah[2] akan di-bentok satu unit yang di-namakan 11 negeri dalam Persekutuan satu, Singapura satu dan wilayah North Borneo tiga. Erti-nya 5 unit. Kalau ini terjadi, maka paling malang kapada Duli[2] Yang Maha Mulia Raja[2] Melayu dan ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu yang sekarang ini telah menyerahkan hak-nya kapada Parti Perikatan akan di-tekan daripada mendapat hak yang lebeh dalam Persekutuan Tanah Melayu. Ini terpaksa di-kaji pada masa hadapan dan saya harap apabila pindaan Perlembagaan di-kemukakan, mungkin dalam bulan July, dapat-lah perkara ini di-kaji dengan sa-masak[2]-nya. Saya minta kapada Kerajaan Perikatan supaya mengambil perhatian yang sa-berat[2]-nya dalam perkara meminda Perlembagaan supaya memasokkan hak[2] yang adil dan sama kapada semua negeri. Jangan sampai terjadi tekanan[2] yang akan menimbulkan reaction atau reaksi yang berat dari ra'ayat, yang sa-hari demi sa-hari bertambah sedar tentang hak dan tanggong-jawab mereka dalam negara-nya sendiri. Dan saya berdo'a kapada Allah supaya jangan-lah terjadi saperti apa yang di-minta oleh Yang Berhormat itu, ia-itu supaya di-kuat dan di-ketatkan lagi sa-hingga menekan ra'ayat, dan hilang chorak yang di-katakan negara Persekutuan Tanah Melayu. Kalau negara Persekutuan telah hilang chorak-nya, apa-lah guna kita membentok Persekutuan? Lebeh baik kembali kapada asas Malayan Union.

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, untok keterangan. Saya minta kajian di-atas Perlembagaan itu bukan kerana hendak menguatkan kuasa yang ada pada Kerajaan Persekutuan, tetapi untok mengatasi segala perkara yang di-lakukan oleh Kerajaan Kelantan yang di-bawah kuasa PAS yang sengaja tidak mahu menerima Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini, dan mengkechiwakan kehendak ra'ayat itu sendiri. Jadi untok menolong ra'ayat kita mahu Kerajaan Persekutuan mengambil kuasa[2] yang menasabah bagi faedah ra'ayat Kelantan bukan bagi faedah parti politik, tetapi bagi kemajuan negeri. Jadi jangan-lah bawa sentimen politik kapada Pembangunan ini. Ini yang sa-benar-nya kemahuan saya, bukan tujuan saya hendak menguatkan sa-suatu parti yang memerentah, tetapi untok keadilan yang di-katakan oleh Yang Berhormat itu sendiri. Terima kaseh.

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, yang sa-benar-nya, saya telah menjawab semua-nya, dengan memberi sebab tetapi sayang-nya Yang Berhormat itu tidak ada dalam Dewan ini, jadi beliau tidak mendengar.

Jadi soal yang penting ia-lah perhatian yang berat saya minta kapada Kerajaan supaya meminda Perlembagaan itu di-buat betul[2] yang akan membawa asas sa-buah negara Persekutuan yang segala pehak akan mendapat faedah daripada sa-buah negara yang berbentok Persekutuan. Jika tidak ini-lah dia akibah "saling membaling batu menyembunyikan tangan". Satu gerakan yang sengaja yang di-usahakan oleh Kerajaan Pusat supaya menimbulkan kekerohan, dan chuba menchari kepentingan dan kemenangan politik dengan mengatakan Kerajaan Negeri tidak mahu menerima Ranchangan Luar Bandar, jadi menyusahkan ra'ayat. Kalau ini tidak di-betulkan, akibah-nya akan burok kapada susunan pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Apa yang saya mahu ulangi sa-kali lagi ia-lah biar-lah Kerajaan insaf bahawa ra'ayat dari sahari ka-sahari bertambah sedar. Sakian-lah sahaja. Terima kaseh.

Dato' J. E. S. Crawford: Mr President, Sir, I rise to support the motion of our humble thanks to His Majesty for the Gracious Speech at the Opening of the Fifth Session of Parliament.

I, Mr President, Sir, should like to take this opportunity to thank the Alliance Government for their continued aid towards the Replanting of

Smallholdings and Estates, which indeed is deeply appreciated by the Rubber Industry, as a whole, as it greatly assists us in combating the menace of synthetic rubber to our natural product.

Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di-sini menyokong segala perkataan yang di-lapadzkan oleh Ahli[2] Yang Berhormat dalam Dewan ini mengenai dengan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa Baginda membuka Persidangan Parlimen pada 22 hari-bulan yang lalu. Saya sa-bagai sa-orang ahli dalam Dewan ini menguchapkan sa-tinggi[2] tahniah di-atas segala Titah Baginda itu. Ini-lah satu Titah yang merupakan satu penerangan dan pen-jelasan di-atas hal-ehwal dalam negeri kita Persekutuan Tanah Melayu pada tahun yang lalu dan juga pada masa yang akan datang kelak, dan ini-lah satu Titah uchapan yang di-alu[2]kan oleh kita ra'ayat Melayu dalam Per-sekutuan Tanah Melayu.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya sangat gembira mendengar Titah Baginda ia-itu berkenaan dengan Melayu Raya atau pun Malaysia itu. Titah Baginda: Sunggoh pun Malaysia itu telah di-alu[2]kan oleh kebanyakan daripada negara yang besar dan kechil yang berdekatan dan juga yang jauh, saperti United States of America dan Commonwealth dan lain[2], tetapi ada juga sadikit negeri yang chuba hendak menggagalkan. Saya menguchap alham dulillah shukor kapada Allah ta'ala ia-itu nampak-nya kemudian daripada Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri telah tiba ka-Tokyo dua tiga hari dahulu, maka chuacha di-langit yang gelap itu pun telah terang, dan kita semua ra'ayat yang kasehkan Per-sekutuan Tanah Melayu akan berdo'a supaya kita memperolehi kejayaan sa-perti yang kita pohonkan itu.

Saya suka memberi sadikit pener-angan, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, berkenaan dengan Malaysia yang telah di-sebutkan oleh Yang Berhormat yang di-hadapan saya. Ada-lah negeri kita Persekutuan Tanah Melayu kemudian daripada kita telah mendapat kemerdekaan pada tahun 1957 itu telah berada dalam keten-teraman, ma'amor dan kesentosaan. Maka pada satu masa, jika saya tidak salah dalam satu luncheon yang di-ada-kan di-Singapura, Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri kita telah ber-uchap di-situ. Kata-nya, oleh sebab kita Persekutuan Tanah Melayu telah berada dalam kema'amoran, kesen-tosaan patut-lah pula kesentosaan dan kema'amoran itu di-peredarkan kapada negeri yang lain saperti Singapura, Brunei, Borneo dan Sarawak. Maka lapadzkan Yang Teramat Mulia itu telah di-peredarkan kapada negeri[2] yang berkenaan, dan telah mendapat sam-butan yang meriah. Maka dengan ada-nya Malaysia itu pendudok[2] di-dalam-nya ada-lah berjumlah lebeh kurang 10,000,000, tetapi sa-balek-nya pula daripada bangsa Melayu yang dudok dalam Malaysia ia-lah 4,400,000, dan bangsa sahabat kita orang Teonghua atau pun orang China akan berjumlah lebeh kurang 3,800,000.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya dukachita apabila saya mendengar Titah Uchapan Baginda masa di-bahathkan di-tempat yang lain, maka sa-orang ahli Pembangkang telah mengkeritik Titah Baginda itu, beliau itu telah mengatakan ada-lah uchapan Baginda itu ia-lah satu "dasar yang tidak bermutu." Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga me-nyokong dalam perbahathan ini ber-kenaan dengan segala perkara yang di-butirkan oleh Yang Berhormat Nik Hassan tadi. Ini-lah satu uchapan dari pehak pembangkang yang kita tidak ingin mendengar untok di-tujukan ka-pada sekalian pendudok[2] Persekutuan Tanah Melayu yang menumpukan ta'at setia-nya kapada Raja, negara dan bangsa. Ini-lah satu perkataan yang menyakitkan hati orang[2] Melayu khas-nya, dan saya sifatkan bahawa parti pembangkang yang membangkitkan perkara saperti ini ia-lah saperti satu hantu yang membuat kachau-bilau supaya orang[2] Melayu di-Persekutuan Tanah Melayu ini dan segala pendu-dok[2]-nya akan berpechah-belah di-antara satu dengan lain. Saya perchaya memang ada, Dato' Yang di-Pertua,

jika sa-kira-nya sa-saorang itu melafadzkan perkataan[2] saperti ini di-negeri lain yang bukan Persekutuan Tanah Melayu, mereka itu neschaya tiada-lah dia dapat kebebasan di-luar daripada penjara.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, saya juga menguchapkan tahniah kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ia-itu Kerajaan akan chuba mengadakan pelajaran tinggi pada semua peringkat. Dalam Titah Baginda itu pada masa ini telah pun di-tubohkan satu Jawatan-Kuasa untok menengokkan segala hal[2] yang tertentu, kerana mendapatkan pelajaran[2] tinggi di-University of Malaya. Saya berharap apabila Jawatan-Kuasa itu bersidang; maka dapat-lah mereka itu berunding dengan saksama-nya supaya Faculty of Law itu di-adakan di-Persekutuan Tanah Melayu ini, oleh sebab pada masa ini tiap[2] orang yang hendak mendapat kelulusan berkenaan dengan faculty tersebut, terpaksa-lah mereka itu pergi ka-United Kingdom. Tetapi berapa banyak-kah daripada ibu bapa bangsa Melayu khas-nya yang boleh menghantar anak[2]-nya ka-benua Eropah? Saya perchaya dan pada fikiran saya bahawa jumlah-nya ada-lah terlalu sadikit. Sa-balek-nya pula, jika sa-kira-nya ada faculty tersebut dalam Persekutuan Tanah Melayu ini, maka dapat-lah kanak[2] yang tersebut itu melanjutkan pelajaran-nya di-University of Malaya di-sini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang amat kechil yang saya suka berkata di-sini ia-lah berkenaan dengan Jabatan Kerja Raya, ia-lah berkenaan dengan Water Works Engineer. Nampak-nya semua sa-kali dalam negeri[2] Persekutuan Tanah Melayu ini telah ada Water Works Engineer yang terdiri daripada orang[2] Melayu, atau pun Malayan; melainkan yang belum ada ia-lah negeri saya, ia-itu Johor. Oleh yang demikian, saya berharap-lah kapada pehak yang berkuasa supaya menengokkan hal ini dengan sa-berapa boleh-nya Saya mendapat tahu bahawa ranchangan Malayanisation berkenaan dengan jabatan ini akan habis tempoh-nya dalam tahun 1965. Tetapi sa-balek-nya pula, saya perchaya, jika sa-kira-nya pada masa ini tidak di-beri peluang kapada orang[2] Melayu dan Malayan itu mendapat pengetahuan yang saksama dalam jawatan Senior Engineer itu, maka pada tahun 1965 kelak akan menjadi sukar sadikit bagi kita hendak mengadakan complete Malayanisation itu.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dengan kebenaran Dato' saya suka menyentoh satu perkara di-sini lagi ia-itu ia-lah berkenaan dengan satu perkara; "Bailiff" dalam Mahkamah[2]. Saya sangat tahu bahawa pada masa ini Kerajaan kita menanggong beberapa beban berkenaan dengan kewangan, dan tidak-lah patut saya menyebutkan perkara itu di-sini. Tetapi oleh kerana beberapa kali saya mendapat surat rayuan daripada pehak[2] yang berkenaan supaya saya membawakan rayuan mereka itu ka-pengetahuan Kerajaan; maka saya huraikan di-sini sadikit berkenaan dengan pekerjaan mereka itu. Ada-lah "Bailiff" yang bekerja di-Mahkamah itu pekerjaan-nya ia-lah menghantar dan menjalankan saman[2] waran[2] daripada Mahkamah Civil dan juga menangkap orang yang ingkar menunaikan keputusan Mahkamah. Melelong, menerima wang barang[2] dan harta benda yang di-tangkap oleh Mahkamah dan juga lain[2] pekerjaan lagi. Maka gaji dan pendapatan mereka itu semenjak daripada 1950 saperti yang di-sebutkan di-dalam Federal Scheme of Services 1950 itu belum lagi di-usek atau pun di-ubah. Sa-balek-nya pula kakitangan di-pejabat[2] yang lain yang di-dalam category yang sama telah pun di-kaji sa-mula atau pun di-revised. Saya boleh menghuraikan lebeh panjang lagi, tetapi oleh sebab saya memikirkan pada masa ini kita dalam gelora menghadap Malaysia yang akan datang maka tidak-lah saya hendak menambah kata[2] saya lagi. Tetapi saya berharap juga ia-itu pehak yang berkuasa patut-lah melihatkan perkara ini pada masa yang akan datang memberi pertolongan yang 'adil kapada mereka yang telah ketinggalan dalam beberapa masa dan beberapa tahun yang sudah. Saya, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, mengulang sa-kali lagi menguchapkan terima kaseh kapada Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong di-atas titah ka-bawah Duli itu. Terima kaseh.

The Minister of Education (Tuan Haji Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab satu dua perkara yang telah di-bangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat pada hari ini. Sa-orang Ahli Yang Berhormat telah menyatakan ia-itu tidak ada dasar yang tertentu untok menjadikan Sekolah[2] Ugama Ra'ayat mendapat bantuan penoh. Tuan Yang di-Pertua, di-sini suka-lah saya menyatakan bagaimana beberapa kali yang telah sudah saya menyatakan bahawa-sa-nya Ugama ada-lah kuasa yang letak-nya di-dalam tangan Kerajaan Negeri maka Kerajaan Pusat tidak-lah berkuasa dalam hal ini, sa-kira-nya tidak kuasa itu di-serahkan kapada Kerajaan Pusat oleh Kerajaan Negeri. Berkenaan dengan kelemahan murid[2] maka suka-lah saya menyatakan bahawa Kerajaan telah dan sedang menjalankan beberapa usaha bagi mengatasi kelemahan[2] murid[2] Melayu yang di-katakan itu. Akan tetapi bukan sahaja untok mengatasi kelemahan[2] itu bahkan juga untok memperbaiki-nya dari masa ka-samasa tentang menjalankan penerangan[2] dan usaha[2] yang lain, sa-bagaimana gerakan Obor untok menolongkan ibu bapa dan ka-pada pehak[2] yang lain memberitahu penting-nya pelajaran bagi anak[2] mereka dan chara[2] memperbaiki-nya. Berhubong dengan layanan dan bantuan pula saya suka-lah menyatakan ia-itu bantuan[2] ada-lah di-beri bukan sahaja daripada segi scholarship atau biasiswa yang berupa Pre-University scholarship ia-itu biasiswa dalam peringkat H.S.C. akan tetapi juga di-beri bantuan scholarship dan bursary di-peringkat University atau pun di-peringkat pelajaran tinggi.

Sa-lain daripada itu Kerajaan ada juga memberikan bantuan[2] kapada anak[2] Melayu dalam segi bayaran sekolah. Di-Sekolah[2] Kebangsaan murid[2] ada-lah di-beri pelajaran per-chuma ia-itu tidak di-kenakan school fee dan di-peringkat menengah juga di-mana[2] sekolah yang menggunakan bahasa pengantar Melayu. Sekolah jenis lain[2] ada di-kenakan bayaran school fees.

Bagitu juga anak[2] Melayu ada-lah di-beri beberapa kemudahan[2] saperti asrama ia-itu hostel[2]. Kemudahan[2] ini tidak ada kapada anak[2] bangsa lain. Ini ada-lah usaha[2] dan chara[2] bagi Kerajaan untok menolong anak[2] Melayu mendapat pelajaran dengan lebeh baik.

Tuan Yang di-Pertua, kelemahan murid[2] yang telah di-katakan itu ada-lah satu masaalah yang bukan sahaja bagi Kementerian Pelajaran untok menyelesaikan-nya akan tetapi bagi beberapa gulongan yang lain[2] termasok juga ibu bapa murid[2] sa-kalian. Ini ada-lah di-sebabkan masaalah keadaan kehidupan sa-saorang anak itu dan keadaan masa di-sekeliling-nya dan ada juga kaitan-nya dengan kemajuan dan chara berfikir sa-saorang itu. Sa-bagaimana kita ketahui bahawa taraf dan kelulusan murid[2] Melayu di-semua peringkat persekolahan sama ada di-peringkat rendah, menengah atau pun peringkat atas ada-lah bertambah baik dari satu masa ka-satu masa dan dari sa-tahun ka-satahun. Pada tahun ini kelulusan dan kejayaan murid[2] dari-pada sekolah[2] Melayu atau pun murid[2] Melayu dalam Sekolah[2] Jenis Kebang-saan ada-lah jauh lebeh bedza-nya daripada murid[2] pada tahun[2] yang lalu.

Saya juga telah dengar sa-orang Ahli Yang Berhormat yang menyentoh ber-kenaan dengan Jawatan-Kuasa yang baharu di-dirikan ia-itu Higher Educa-tion Planning Committee atau pun Jawatan-Kuasa Peranchang Pelajaran Tinggi di-mana beliau itu berharap supaya pelajaran 'ilmu Undang[2] akan juga dapat di-timbangkan oleh Jawatan-Kuasa ini. Di-sini saya suka-lah menyatakan ia-itu Jawatan-Kuasa ini telah bersidang beberapa kali dan dalam perkara[2] yang telah di-bahath-kan ada-lah juga termasok perkara[2] berkaitan dengan apa yang telah di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya perchaya Jawatan-Kuasa ini akan menyediakan Penyata dan Laporan-nya dan dapat-lah Kerajaan memikirkan-nya supaya pelajaran bagi

negeri ini akan di-sesuaikan dengan kehendak negara pada masa yang akan datang. Sekian-lah, terima kaseh.

The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin): Mr President, Sir, there is only one point which has been raised in this debate and which directly concerns the Treasury. My Honourable friend Enche' Nik Hassan suggested, if I have interpreted his suggestion correctly, that the Federal Government should assume sufficient new powers to enable it to get over any obstruction which might be caused by any State Government in the matter of implementing the land development policies initiated by Ministries, like the Ministry of Rural Development, for example. I think Honourable Senators will be aware that the only way in which this can be done would be for the Federal Government to assume powers over land alienation and I think Honourable Senators are also aware that this is a power which is very jealously guarded by the State Governments themselves. Anyway, this is a very attractive idea, but I doubt if the State Governments would find this idea equally attractive. Even if they do, Honourable Members will appreciate that this requires an amendment of the Constitution and it can, therefore, be regarded as a very major operation.

There are two points which have been raised on matters connected with other Ministries and, in the absence of my colleagues, probably I might say a word or two on them. The Honourable Enche' Amaluddin suggests that the Federation Government should do something about the four Southern Thai provinces which, in his view, should be accorded a measure of self-determination. The Honourable Senator himself is naturally aware that these four provinces form an integral part of Thailand, and as such, I do not think, and even he would probably agree, that it is fit for the Federal Government to interfere in the internal affairs of Thailand. However, I would commend to him the advice given by the Prime Minister to his colleague who raised a similar suggestion in the Lower House, and that is, that this is a very delicate problem and he did not think the best way of going about this problem was to air it in public. Such a method of settlement would obviously make the delicate task even more delicate. There is no doubt, however, that given a certain amount of patience and understanding this problem can be settled eventually.

Enche' Amaluddin also criticised the Government for its alleged slowness in implementing its Malayanisation policy in regard to the personnel of the Armed Forces. The Malayanisation policy of the Armed Forces is being constantly kept under examination and review. Honourable Senators will also no doubt appreciate that it takes a comparatively long time to train military officers, especially those for the technical branches of the various services. During this period of rapid expansion—and this is particularly applicable in the context of Malaysia—the number of trained personnel required is far greater than the number of trained Malayans available. I think this fact is self-evident. As a result, we have to look to friendly countries, particularly Britain, for assistance in the matter of lending us suitable seconded officers. We are, however, expanding our training institutions and we are also sending more and more officers for training overseas so as to increase the output of Malayan officers. On the question of policies for the Armed Forces, the Government can give a categorical assurance that it is aware that it is vitally essential that these policies should be determined by the Government and the Government alone and, in fact, these are the responsibilities of the Cabinet in general and of the Armed Forces Council in particular. Honourable Members can also be assured that these two bodies will ensure that only policies which are good for the country as a whole would be adopted for the Armed Forces.

The Assistant Minister of Information and Broadcasting (Enche' Mohamed Ismail bin Mohamed Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian menjawab atas dua tiga perkara yang telah di-bangkitkan berkenaan dengan penerangan dan

siaran. Yang Berhormat Che' Aishah binti Abdul Ghani telah menyentoh Jabatan Television akan di-mulakan perkhidmatan-nya dalam bulan Desember ini. Yang Berhormat itu bertanya dan mengeshorkan ia-itu ranchangan[2] yang akan di-siarkan melaluï television itu hendak-lah ranchangan[2] yang tidak akan merosakkan tata tertib terutama kanak[2] sekolah. Tuan Yang di-Pertua, ini sa-memang-lah di-dalam fikiran Kementerian ini dan saya suka menyatakan siaran[2] television ada-lah menumpukan kapada perkara[2] yang akan memberi guna, terutama perkara[2] bersangkut dengan pelajaran dan tidak semata[2] di-tumpukan kapada ranchangan[2] yang bersangkut dengan hiboran sahaja. Oleh yang demikian saya suka-lah memberi pengakuan perkara ini sa-memang-lah ada dalam pertimbangan dan fikiran Kementerian ini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Nik Hassan ada menyebut tadi berkenaan dengan perkara yang bersangkut dengan semangat dan perasaan kaseh sayang kapada negara dan kapada Yang di-Pertuan Agong dan sa-bagai-nya, dan beliau menyatakan bahawa Pengarah Radio Malaya tidak-lah bagitu memuaskan hati dan dia berkehendakkan sa-orang Pengarah sa-bagai Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya suka-lah menyatakan kapada Dewan ini bahawa segala langkah[2] yang di-jalankan oleh Pengarah Radio dan Jabatan Penerangan bagi menggalakkan dan menumpukan rasa chinta kapada raja dan tanah ayer-nya chukup memuaskan hati dan apa yang di-buat dan di-jalankan ranchangan[2] terutama mengenaï siaran radio dan dasar[2] Kerajaan oleh Pengarah Radio itu, saya sa-bagai Menteri Muda dalam Kementerian ini menaroh keperchayaan penoh tentang kebolehan dan kelayakan-nya itu.

Tuan Yang di-Pertua, chara menjalankan kempen menggalakkan penggunaan bahasa Kebangsaan dan untok memupok kaseh sayang kapada raja dan negara ada-lah di-buat oleh Jabatan Radio dengan memuaskan dan berkesan. Sa-tengah daripada langkah[2] yang sekarang di-jalankan oleh Jabatan Radio untok memajukan ka-arah itu ada-lah saperti berikut: pertama mengadakan peraduan mengarang lagu[2] yang banyak mengunsorkan Kebangsaan. Sa-lain daripada itu Jabatan ini juga mengadakan ranchangan[2] saperti rayuan Malaysia yang bertujuan hendak menaikkan semangat chinta kapada tanah ayer. Jabatan Radio ini juga selalu memainkan lebeh banyak lagu[2] yang berunsorkan Kebangsaan, keindahan tanah ayer dan sa-bagai-nya, dan sa-lain daripada itu kita selalu juga mendengar cheramah[2] dan ulasan[2] berita atas perkara[2] yang mengenaï tanah ayer. Oleh yang demikian apa yang di-jalankan oleh Jabatan Radio pada hari ini chukup-lah memuaskan hati. Tuan Yang di-Pertua, sekarang sampai-lah kapada Yang Berhormat Enche' Amaluddin bin Darus; beliau membangkitkan soal siaran akhbar daripada Jabatan Penerangan ia-itu form yang di-gunakan itu berkepalakan dengan bahasa Kebangsaan, tetapi di-tengah[2]-nya ia-itu siaran-nya menggunakan bahasa Inggeris. Berkenaan dengan soal ini saya suka-lah memberitahu ia-itu siaran akhbar Jabatan Penerangan dalam bahasa Inggeris ada-lah di-keluarkan satu standard form sahaja bagi mana[2] siaran, sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris, oleh sebab itu manakala di-keluarkan siaran akhbar dalam bahasa Inggeris di-gunakan form berkepalakan bahasa Kebangsaan. Sa-lain daripada itu siaran akhbar mengenaï uchapan[2] yang jika di-uchapkan dalam bahasa Inggeris maka terpaksa-lah Jabatan Penerangan mengeluarkan siaran itu dalam bahasa Inggeris dengan sebab pada tiap[2] hari Jabatan Penerangan menerima segala berita[2] berpuloh[2] dan beratus[2] berita, jadi tidak-lah dapat hendak menterjemahkan segala berita[2] itu kapada bahasa Kebangsaan, sunggoh pun bagitu bukan semua-nya dalam bahasa Inggeris, tetapi sa-takat mana yang dapat di-jalankan ada-lah di-terjemahkan dalam bahasa Melayu, kerana jika hendak di-terjemahkan semua terpaksa-lah menggunakan kakitangan yang banyak dan mengadakan satu bahagian dalam Jabatan ini sa-mata[2] menjalankan kerja[2] menterjemahkan bahasa Inggeris

ka-bahasa Melayu. Saya suka-lah menerangkan bahawa Jabatan Penerangan ada-lah tugas-nya mengeluarkan siaran[2] dengan sa-chepat[2]-nya supaya akhbar[2] dapat pula mengeluarkan dan menyiarkan pada besok hari-nya. Sunggoh pun bagitu banyak-lah siaran[2] yang di-keluarkan oleh Jabatan Penerangan dalam dua bahasa umpama-nya, sari berita dalam bahasa Inggeris dan dalam bahasa Melayu.

Satu perkara yang saya berasa dukachita ia-itu Yang Berhormat itu telah menudoh bahawa parti Perikatan telah mengeluarkan janji[2] ia-itu dalam Manifesto Pilehan Raya dahulu Jabatan Radio akan di-jadikan Corporation dan konon-nya hari ini tidak di-jadikan Corporation, yang sudah di-jadikan Corporation ia-lah Jabatan Keretapi. Saya berasa hairan, Tuan Yang di-Pertua, di-mana-kah Yang Berhormat itu dapat ketahuï dan di-mana-kah dia bacha agak-nya, kerana di-tangan saya ini ada Manifesto Perikatan yang menyebutkan berkenaan dengan perkara: Radio Kebangsaan. Di-sini suka-lah saya hendak memberitahu untok pengetahuan Ahli[2] Yang Berhormat di-Dewan ini dalam muka (23) ada tertulis, Perkhidmatan Radio; membangunkan Radio sa-bagai sa-buah perkhidmatan Kebangsaan yang boleh berkhidmat dengan ra'ayat. Untok menchapaikan tujuan ini maka ahli[2] seni Melayu dengan lebeh banyak lagi menggunakan bahasa Melayu. Ada-lah di-chadangkan hendak mengadakan siaran[2] yang lebeh baik meliputi pantai timor dan membanyakkan station[2] kechil di-Pulau Pinang dan Melaka. Ini-lah yang di-janjikan dalam Manifesto Perikatan dan ini-lah pula sedang di-jalankan.

Jadi, saya chukup erti dan faham dan ahli[2] Perikatan pun faham selalu-nya ahli[2] PAS ini lain yang di-bacha dan lain yang di-sebutkan, sampai ia berani membuat bohong dalam Dewan ini, tambahan pula kalau di-luar daripada Dewan ini tentu-lah banyak perkara[2] yang bohong dan tidak benar di-chakapkan-nya.

The Minister of Agriculture and Co-operatives (Enche' Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun tidak banyak perkara yang bersangkutan dengan kementerian saya yang telah terbit dalam perbahathan pada hari ini, tetapi saya fikir mustahak juga saya bangun untok membuat sadikit penerangan bagi pehak rakan[2] saya di-atas beberapa perkara yang telah di-sebutkan dalam uchapan Ahli[2] Yang Berhormat. Yang pertama sa-kali saya suka menjawab segala hujah[2] yang telah di-bawa oleh Yang Berhormat Enche' Nik Hassan. Saya menguchapkan banyak terima kaseh di-atas segala nasihat dan shor[2] yang di-bawa oleh Yang Berhormat Enche' Nik Hassan itu. Beliau telah membuat tegoran berkenaan dengan anggota[2] Panel Penasihat yang akan di-tubohkan bagi menasihatkan berkenaan dengan kemajuan orang Melayu dalam lapangan perniagaan. Saya suka memberitahu kapada Yang Berhormat itu bahawa sunggoh pun mereka yang di-angkat menjadi anggota Panel Penasihat itu ada-lah terdiri daripada orang yang mengambil bahagian atau yang sudah ada pengalaman di-dalam lapangan perniagaan dan mungkin mereka itu ada "vested interest" dalam beberapa perkara, tetapi nasihat yang akan di-beri oleh Panel Penasihat itu bukan-lah saperti mana nasihat British Adviser. Nasihat British Adviser dahulu mesti di-terima, tetapi tidak sa-mesti dalam soal anggota Panel Penasihat ini. Jika sa-kira-nya dalam pandangan Menteri yang berkenaan bahawa nasihat itu baik dan menasabah, maka sudah tentu akan di-terima, tetapi sa-balek-nya jika di-timbangkan bahawa nasihat itu makan sa-belah, maka tentu-lah di-tolak dan di-jalankan apa juga tindakan yang menasabah bagi memberi pertolongan kapada orang Melayu.

Yang Berhormat itu telah menyebutkan berkenaan dengan sharikat[2] perintis. Kata-nya, patut-lah Kerajaan berchermat sa-belum kita memberi taraf perintis kapada mana[2] sharikat. Yang sa-benar-nya, sa-belum sa-suatu perusahaan itu di-istiharkan sa-bagai satu perusahaan perintis perkara itu di-siarkan lebeh dahulu dalam Berita[2] Rasmi (Official Gazette), dan tegoran[2]

atau pun bangkangan[2] ada-lah di-minta daripada semua pehak yang berkenaan, termasok Ahli Yang Berhormat itu sendiri. Sa-kira-nya ada bangkangan[2] yang hebat dan kuat, maka perkara itu akan di-timbangkan, dan perusahaan itu tidak di-jadikan perusahaan perintis. Pendek-nya, sa-belum sa-suatu perusahaan itu di-istiharkan menjadi perusahaan perintis beberapa jabatan[2] yang lain juga di-minta pendapat-nya dan juga di-minta pendapat daripada orang ramai. Sa-lain daripada itu beliau telah menyebutkan berkenaan dengan galakan[2] yang patut di-beri kapada sharikat perintis itu untok meng-gunakan barang[2] mentah yang boleh di-dapati di-Tanah Melayu. Sekarang ini pun menjadi satu sharat yang penting juga sa-kira-nya pehak Kera-jaan mendapat tahu bahawa barang[2] mentah itu dapat di-beli atau pun boleh di-dapati di-Tanah Melayu ini maka sudah tentu sharat itu ada-lah menjadi satu sharat yang tertentu dalam taraf perintis yang di-berikan kapada sharikat itu.

Yang Berhormat itu telah menye-butkan berkenaan dengan kilang gula. Kata-nya, patut-lah Kerajaan membuat sharat supaya sharikat kilang[2] gula itu menjalankan usaha bagi menanam tebu supaya dapat tebu itu menge-luarkan gula dan yang akan di-ber-sehkan (refinery) di-dalam kilang gula di-sini. Untok ma'aluman Ahli Yang Berhormat itu, perkara ini memang-lah menjadi sharat yang telah di-sediakan dalam taraf perintis yang di-berikan kapada dua kilang gula yang akan di-dirikan di-Persekutuan Tanah Melayu ini. Dalam masa lima tahun mesti-lah dua buah kilang itu menjalankan ikhtiar dan juga memberi laporan yang penoh kapada Kerajaan di-atas usaha mereka itu mengadakan ladang[2] tebu supaya dapat di-beri bekalan kapada kilang[2] gula yang akan di-dirikan nanti. Chubaan bagi me-nanam tebu ini bukan-lah hanya di-jalankan di-utara Tanah Melayu sahaja ia-itu di-Kedah, tetapi juga akan di-jalankan di-lain[2] tempat, terutama sa-kali di-Pahang dan juga di-Trengganu di-mana kita dapati banyak tanah kosong.

4. Tuan Haji Nik Mohd. Adeeb bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat[2] Kerjasama ada-kah Kerajaan sudah membuat chadangan hendak mengadakan rumah[2] sejok bagi simpanan ikan[2] pada pasar[2] yang terbesar dan perhentian[2] kereta api tempat yang biasa di-kirimkan ikan dengan kereta api ka-tempat[2] lain.

Enche' Mohd. Khir Johari: Tidak ada persediaan di-buat masa sekarang.

Fishing Industry

5. Tuan Haji Nik Mohd. Adeeb bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat[2] Kerjasama ada-kah Kerajaan mendapat laporan bulanan daripada Jabatan Perikanan Trengganu dan Kelantan tentang maju mundor-nya dan tentang kesulitan yang di-alami oleh kaum[2] nelayan dan chara[2] bagaimana-kah hendak memperbaiki perusahaan nelayan itu dan membetulkan pasaran-nya, jika ada mengapa-kah Kerajaan tidak melaksanakan menurut pengeshoran[2] itu.

Enche' Mohd. Khir Johari: Bahagian Perikanan, Kementerian Pertanian, ada menerima laporan bulanan daripada Pejabat[2] Perikanan di-Kelantan dan Trengganu. Kerajaan ada-lah memberi pandangan yang tegas kapada laporan[2] ini dan di-mana yang difikir mustahak segala tindakan akan di-ambil untok memperbaiki chara[2] pekerjaan menangkap ikan. Sa-bagaimana yang telah di-nyatakan awal tadi bahawa Kerajaan telah membena lapan bilek sejok di-beberapa tempat di-Pantai Timor dengan tujuan untok memperelokkan lagi chara[2] mengenai perjalanan dan penangkapan ikan. Buat masa sekarang Kerajaan sedang dengan giat-nya menjalankan banchian untok mengetahui hal[2] berhubong dengan pemasaran ikan di-seluroh Persekutuan Tanah Melayu. Tawaran telah di-jemput bagi membena dua buah motor-boat pembawa ikan lengkap dengan peti sejok yang akan di-pergunakan bagi menyimpan ikan[2] yang di-selenggarakan oleh ahli[2] Sharikat Kerjasama[2] Nelayan di-Pantai Timor untok di-bawa ka-Singapura. Kerajaan ada-lah jua menyedia dan menjalankan latehan[2] di-Marine Fisheries School, Kuala Trengganu, bagi faedah nelayan[2] semua.

6. Tuan Haji Nik Mohd. Adeeb bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat[2] Kerjasama ada-kah Kerajaan sedar ada pernah berlaku-nya ikan[2] yang di-dapati oleh nelayan[2] pukat jerut dalam Trengganu dan Kelantan telah di-jadikan baja tanaman kerana tidak ada pasaran dalam negeri-nya.

Enche' Mohd. Khir Johari: Kerajaan ada-lah sedar ia-itu pukat jerut bilis dengan menggunakan synthetic nets telah kerap kali berlaku di-Pantai Trengganu dan Kelantan dalam tahun 1961 dan jua 1962 dengan mendapat ikan bilis yang paling banyak sekali dalam bulan Julai dan Disember 1962. Tangkapan bilis yang paling tinggi sekali ini ada-lah bermusim dan di-jangka apakala bilek[2] sejok yang di-persediakan di-bawah Ranchangan Colombo Plan yang tersebut di-atas akan berjalan dengan sa-penoh-nya maka ada-lah di-harap perkara dan kejadian yang seumpama itu akan dapat di-elakkan.

MINISTRY OF EDUCATION

Claim by Women Teachers for Equal Pay

7. Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani bertanya kapada Menteri Pelajaran bila-kah Jawatan-Kuasa Khas menyiasat gaji sama untok guru[2] wanita akan mengemukakan laporan-nya yang penoh mengenai tuntutan gaji sama guru[2] wanita Persekutuan.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Abdul Hamid Khan): Tidak ada Jawatan-Kuasa Khas yang telah di-lantek oleh Kementerian Pelajaran bagi menghalusi tuntutan guru[2] perempuan meminta gaji sama dengan laki[2] tetapi Kerajaan Persekutuan telah melantek sa-buah Jawatan-Kuasa bagi menghalusi tuntutan semua perempuan[2] kaki-tangan Kerajaan, termasok guru[2] perempuan, meminta gaji sama. Jadi saya tiada dapat menerangkan bila masa-nya Jawatan-Kuasa ini akan menghantar laporan-nya kapada Kerajaan.

8. Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani bertanya kapada Menteri Pelajaran bila-kah agak-nya jawapan mengenai memorandum tuntutan gaji sama untok kerja yang sama yang di-hantar oleh Kesatuan Guru[2] Wanita Persekutuan kira[2] dua tahun yang lalu kapada Kementerian Pelajaran, akan di-beri.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuntutan guru[2] perempuan meminta gaji supaya sama dengan gaji guru laki[2] tidak dapat di-timbangkan berasingan dengan tuntutan perempuan kaki-tangan Kerajaan yang lain[2]. Dengan sebab ini tidak dapat di-buat apa[2] keputusan berkenaan dengan tuntutan Persekutuan Guru Wanita Persekutuan Tanah Melayu hingga laporan yang di-sebutkan dalam jawapan saya kapada pertanyaan number 7, telah di-kaji oleh Kerajaan.

MINISTRY OF HEALTH

Maternity Hospital, Kuala Lumpur

9. Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani bertanya kapada Menteri Kesihatan apa-kah sebab bilek[2] berhawa dingin wad kelas satu, Rumah Sakit Bersalin, Kuala Lumpur di-buat terlalu sejok dan menyebabkan banyak orang[2] sakit di-dalam wad itu kurang senang.

Menteri Kesihatan (Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib): Jentera berhawa dingin telah di-betulkan perjalanan-nya pada awal bulan yang lalu. Hawa dalam wad pertama dalam Rumah Sakit Bersalin, Kuala Lumpur telah di-tetapkan 74°F ia-itu hawa yang di-fikirkan sasuai benar bagi orang[2] sakit. Tetapi sa-kira-nya hawa ini di-dapati maseh sejok benar, maka boleh-lah di-ubah lagi sa-berapa yang boleh.

Bilek[2] tidor yang tidak berhawa dingin dan yang ada empat buah katil tiap[2] sa-buah bilek itu boleh di-dapati dalam wad pertama di-Rumah Sakit Bersalin itu bagi orang[2] yang tidak hendakkan bilek berhawa dingin.

PRIME MINISTER'S DEPARTMENT

"Equal pay for equal work"

10. Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah kemungkinan dasar gaji sama untok kerja yang sama dapat di-jalankan di-negeri ini sa-belum ter-bentok-nya negara Malaysia.

Perdana Menteri: Agak-nya soal dasar "gaji sama untok kerja yang sama" yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah berkenaan dengan dasar yang akan di-pakaikan dalam Perkhidmatan Kerajaan. Sa-bagaimana yang di-ketahui oleh Ahli Yang Berhormat itu Kerajaan telah melantek sa-buah Jawatan-Kuasa untok menghalusi perkara menuntut gaji sama bagi pekerja[2] perempuan dengan pekerja[2] laki[2] dalam perkhidmatan Kerajaan. Kerajaan belum menerima lagi penyata Jawatan-Kuasa ini tetapi saya yakin Jawatan-Kuasa ini akan menimbangkan perkara ini dengan sa-halus[2]-nya dalam persidangan-nya.

MINISTRY OF RURAL DEVELOPMENT

Adult Education Classes

11. Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani bertanya kapada Menteri Pembangunan Luar Bandar benar-kah tulisan Jawi tidak lagi di-ajar kapada murid[2] Kelas Dewasa.

Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tun Haji Abdul Razak): Tidak benar.

HUJONGAN KHAS

KAPADA

TITAH UCHAPAN

Hujongan Khas Kapada Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Dalam Majlis Pembukaan Parlimen Pada Hari Rabu, 22 Haribulan Mei, 1963

Kertas ini ia-lah Hujongan Khas kapada Titah Uchapan yang di-lafadzkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Majlis Pembukaan Parlimen pada hari Rabu, 22 haribulan Mei, 1963, ia-itu mengandongi lain[2] penerangan yang lengkap.

PERDANA MENTERI

(A) Bahagian Peranchangan Ekonomi

1. Ekonomi negara ada-lah menghadapi masa'alah[2] yang sukar dan rumit. Jika kita hendak menunaikan kehendak[2] pendudok[2] yang sa-makin bertambah banyak maka usaha pembangunan negara hendak-lah di-jalankan dengan bersunggoh[2]. Bagaimana pun jika di-lihat chara Kerajaan menjalankan kerja[2] pembangunan negara nyata-lah dengan tiada shak lagi bahawa ia boleh menjalankan tugas-nya dengan sempurna.

2. *Penyata mengenaï Pertanian.* Pakar[2] pertanian dari Ford Foundation telah bersetuju dengan kebanyakan daripada usaha[2] yang di-jalankan untok menambah hasil dan membanyakkan jenis pertanian. Pada pendapat mereka segala usaha Kerajaan hendak menambah hasil serta meninggikan taraf hidup pendudok[2] kawasan luar bandar telah berjaya. Mereka mengatakan bahawa dengan kejayaan[2] ini maka dapat-lah Persekutuan Tanah Melayu memadankan ranchangan[2]-nya dengan keadaan[2] ekonomi.

3. *Sharikat Malayan Industrial Development Finance Limited.* Berhubong dengan perkara hendak meluaskan lagi perniagaan Sharikat Malayan Industrial Development Finance Limited maka elok-lah, umpama-nya, Sharikat itu menubohkan beberapa buah sharikat kechil bagi yang tersebut di-bawah ini:

(*a*) Membeli tanah dan mengusahakan-nya untok di-jadikan kawasan[2] perusahaan di-beberapa tempat di-negeri ini;

(*b*) Mendirikan bangunan[2] perusahaan dan perniagaan untok di-sewakan atau di-jual;

(*c*) Memberi pinjaman modal kapada sharikat perusahaan dan pengusaha harta yang kechil[2];

(*d*) Menchari modal equity daripada Stock Exchange dan menanam modal itu dalam sharikat perusahaan dan pengusaha harta yang kechil[2] dengan membeli saham[2] sharikat[2] itu; dan

(*e*) Membantu orang[2] Melayu mengambil bahagian dalam perusahaan[2].

4. *Penyata Ekonomi Rueff mengenaï Malaysia.* Bagi kema'amoran Malaysia Kerajaan Persekutuan berharap akan dapat bekerjasama dengan Negeri[2] Malaysia. Dengan Negeri[2] itu bekerja bersama[2] maka Malaysia akan mendatangkan kebahagiaan dan kesentosaan. Oleh kerana mustahak di-adakan susunan[2] ekonomi yang kukoh bagi Malaysia maka Kerajaan Persekutuan bersama[2] dengan Kerajaan[2] lain yang berkenaan telah meminta Bank Dunia menghantar beberapa orang pakar kakawasan ini.

5. Kerajaan[2] itu meminta pakar[2] tersebut mengkaji masa'alah[2] yang akan timbul daripada penyatuan negeri[2] dalam Malaysia dan mengeshorkan chara[2] yang baik sa-kali bagi menyatukan susunan ekonomi. Pakar[2] tersebut yang di-ketuaï oleh Professor Jacques Rueff telah membuat suatu penyelidekan yang lengkap mengenaï semua masa'alah[2] dan pakar[2] itu baharu sahaja selesai membuat penyata-nya. Kerajaan ada-lah menunggu[2] akan penyata tersebut.

(B) Bahagian Hal Ehwal Malaysia

6. Pembukaan Bahagian Hal Ehwal Malaysia dalam Jabatan Perdana Menteri ada-lah satu kejadian yang penting dalam tahun 1962. Bahagian ini ada-lah bertanggong-jawab bagi menyatukan pentadbiran Negeri[2] Persekutuan Malaysia. Bahagian ini ada saorang Timbalan Setia Usaha dan dua orang Setia Usaha Rendah bekerja di-bawah kelolaan Setia Usaha Tetap,

Jabatan Perdana Menteri. Pada menjalankan tugas[2]-nya Bahagian ini telah bekerja rapat dengan semua Kementerian Kerajaan, terutama sa-kali dengan Peguam Negara dan Penggubal Undang[2].

7. Bahagian Hal Ehwal Malaysia mula menjalankan kerja-nya pada bulan Ogos tahun 1962. Bagi di-gunakan dalam perbinchangan dan rundingan antara Kerajaan berkenaan dengan Malaysia, Bahagian ini ada-lah mengumpulkan dan menyusun bahan[2] keterangan berkenaan dengan susunan Kementerian[2] dan Jabatan[2] di-Persekutuan Tanah Melayu serta dasar[2] Kerajaan yang ada sekarang dan ada-lah membantu menentukan apa-kah susunan[2] yang sesuai bagi mentadbirkan Malaysia kelak. Dan lagi Bahagian ini menjalankan kerja perhubongan antara pegawai[2] Kerajaan Persekutuan dengan pegawai[2] Kerajaan[2] lain yang berthabit dengan Malaysia, termasok Singapura dan Brunei.

8. Jawatan-Kuasa antara Kerajaan yang di-tubohkan untok menyediakan susunan[2] perlembagaan yang akan datang dengan Borneo Utara dan Sarawak ada lima Jawatan-Kuasa Kechil ia-itu Jawatan-Kuasa Kechil Perlembagaan. Jawatan-Kuasa Kechil Kewangan, Jawatan-Kuasa Kechil Undangan dan Kehakiman, Jawatan-Kuasa Kechil Perkhidmatan 'Awam dan Jawatan-Kuasa Kechil Penyusunan Jabatan[2]. Dengan terbit-nya Penyata Jawatan-Kuasa antara Kerajaan mengenai Malaysia selesai-lah kerja Jawatan-Kuasa dan Jawatan-Kuasa[2] Kechil itu kechuali Jawatan-Kuasa Penyusunan Jabatan[2]. Kerja yang di-buat oleh Jawatan-Kuasa Kechil Penyusunan Jabatan[2] itu maseh belum siap lagi. Dan lagi tugas Bahagian Hal Ehwal Malaysia itu ia-lah berhubong dengan pegawai[2] yang berkenaan di-Borneo Utara dan Sarawak untok menyediakan badan[2] yang sesuai bagi menjalankan shor[2] yang terkandong dalam Penyata Jawatan-Kuasa antara Kerajaan itu.

(C) Melawat Sambil Belajar

9. Ranchangan melawat sambil belajar maseh di-dapati banyak faedah-nya. Dalam tahun 1962 sa-banyak 24 lawatan telah di-buat. Sa-ramai 201 orang telah pergi. Mereka telah melawat India, Pakistan, Indonesia, Filipina, Negeri Thai, dan Negeri[2] Borneo. Rombongan[2] itu terbahagi kapada sembilan gulongan—pendidek[2], ketua[2] kaum, ketua[2] pemuda, pekerja[2] kerjasama, ahli[2] majlis meshuarat undangan, pekerja[2] sukarela, ketua[2] kawasan luar bandar, pekerja[2] kebajikan masharakat dan pegawai[2] Kerajaan. Lawatan[2] yang di-atorkan 25 kali pada tahun 1961 ia-lah ka-sa-puloh buah negeri di-Asia dan dua buah negeri di-Afrika; lawatan[2] dalam tahun 1962 ia-lah ka-Negeri[2] Borneo sahaja. Yang membuat lawatan itu 17 kumpulan semua-nya. Lima lawatan ka-ketiga[2] buah Negeri Borneo, dua ka-Borneo Utara dan Sarawak sahaja, lima ka-Borneo Utara sahaja, satu ka-Sarawak dan empat ka-Brunei sahaja.

10. Ada pun kerja[2] Jawatan-Kuasa Lawatan[2] Sambil Belajar telah di-luaskan dan boleh di-bahagikan saperti berikut:

(i) Mengator lawatan[2] sambil belajar ka-negeri[2] Asia yang berhampiran;

(ii) Mengator lawatan[2] dalam Persekutuan Tanah Melayu bagi orang[2] yang di-pileh dari negeri[2] yang berhampiran, termasok lawatan sambil belajar ASA; dan

(iii) Mengator lawatan[2] dalam Persekutuan Tanah Melayu bagi pendudok[2] Tanah Melayu.

11. Pada tahun 1962 lebeh daripada 530 orang, kebanyakan-nya ketua[2] kaum dan pemimpin[2] politik daripada Ketiga[2] buah Negeri Borneo telah di-jemput melawat Persekutuan. Sa-lain daripada itu wakil[2] wanita daripada Brunei dan Sarawak telah hadzir bersama[2] dalam perayaan Hari Wanita yang pertama yang telah di-adakan di-Kuala Lumpur, dan 20 orang pemuda pemudi daripada ketiga[2] buah Negeri Borneo telah bersama[2] dalam Pesta Pemuda Pemudi yang di-anjorkan oleh Persatuan Majlis Pemuda Pemudi Tanah Melayu. Empat lawatan[2] sambil belajar bagi Negeri[2] ASA telah di-atorkan juga pada tahun 1962, empat perwakilan datang ka-Persekutuan dari Negeri Thai dan satu daripada Filipina.

(D) Ranchangan[2] Negara di-Kuala Lumpur

12. Kerja melaksanakan dua ranchangan negara yang di-mulakan beberapa lama dahulu ada-lah terus di-jalankan. Ranchangan[2] ini ia-lah membena sa-buah Muzium Negara yang baharu dan sa-buah Pusat Latehan Perkhidmatan 'Awam. Muzium Negara hampir siap di-bena dan ada-lah sa-buah bangunan yang amat chantek dan boleh-lah ia di-sifatkan sa-bagai lambang kebudayaan negara ini. Pada masa ini barang[2] pertunjokan sedang di-kumpulkan dan di-siapkan dan ada-lah di-harapkan Muzium itu akan dapat di-buka dengan resmi-nya pada bulan Ogos. Berkenaan dengan Pusat Latehan Perkhidmatan 'Awam itu pula, Kerajaan New Zealand telah memberi bantuan pada mendirikan bangunan Pusat tersebut di-Lembah Pantai. Bangunan itu sudah siap di-dirikan dan di-harapkan ia boleh di-gunakan apabila telah lengkap alat perkakas-nya.

13. Lain[2] ranchangan yang besar yang sedang di-laksanakan di-Kuala Lumpur ia-lah membena Masjid Negara dan Bangunan Parlimen dan membena sa-buah Tugu Peringatan Kebangsaan bagi mengingati perjuangan Pasokan[2] Ke-selamatan menentang pengganas[2] Komunis. Masjid Negara dan Tugu Peringatan Kebangsaan itu ada-lah di-bena dengan wang derma orang ramai dan wang yang di-adakan oleh Kera-jaan Persekutuan dan Kerajaan[2] Negeri.

(E) Pejabat Perjawatan Persekutuan

14. Ranchangan menggantikan pe-gawai[2] dagang dengan pegawai[2] Tanah Melayu ada-lah berjalan dengan memuaskan hati. Hingga akhir tahun 1962 sa-ramai 1,314 orang pegawai[2] dagang telah bersara; pegawai[2] yang maseh berkhidmat ia-lah pegawai[2] yang ada 'ilmu dan pengalaman khas dan pegawai[2] teknik yang di-benarkan berkhidmat lagi hingga tahun 1965 atau yang di-lanjutkan perkhidmatan-nya hingga tahun itu. Usaha sedang di-jalankan dengan bersunggoh[2] bagi melayakkan pegawai[2] Tanah Melayu memegang jawatan[2] yang di-kosongkan oleh pegawai[2] dagang.

15. Semenjak tahun 1961, Kerajaan Persekutuan telah memberi hadiah[2] pelajaran di-bawah Ranchangan Colombo kapada beberapa orang pegawai daripada negeri[2] tetangga. Semenjak itu sa-ramai 45 orang pegawai telah di-beri latehan. Pegawai[2] ini datang daripada Borneo Utara, Brunei, Sarawak, Negeri Thai, Filipina, Ceylon, Laos, Singapura, dan juga Indonesia. Maseh ada lagi di-terima permintaan[2] daripada negeri[2] tersebut, dan semua permintaan itu sedang di-timbangkan.

(F) Jabatan Perangkaan

16. Pada tahun 1962 jawatan[2] dalam Jabatan Perangkaan telah bertambah dari 169 menjadi 192, kebanyakan-nya jawatan peringkat kerani. Sa-telah di-lantek sa-orang Perangkawan Kanan ia-itu melalui Bangsa[2] Bersatu dan dua orang Perangkawan yang baharu maka baharu pada kali itu-lah Jabatan ini chukup mempunyai kaki-tangan professional. Kerja Jabatan itu telah bertambah[2] banyak dan sunggoh pun dapat di-sempurnakan tetapi amat susah kerana dalam berapa tahun ini kaki-tangan-nya tiada chukup.

17. Pada tahun yang lalu satu daripada kerja[2] yang besar yang telah di-jalankan ia-lah Penyiasatan Kebangsaan ia-itu menyiasat banyak orang yang mem-punyai pekerjaan, yang tiada pekerjaan dan yang boleh bekerja lebeh daripada kerja yang di-beri kapada-nya. Penyiasatan ini di-jalankan dengan bekerjasama dengan Jabatan Buroh. Penyiasatan ini di-buat dua kali, ia-itu bagi kawasan bandar dan kawasan luar bandar. Hasil penyiasatan itu akan di-dapati pada bulan ini. Satu lagi kerja yang mustahak ia-lah menganalisa kira[2] Kerajaan. Kerja itu telah dapat di-sempurnakan dengan bantuan Bank Negara Tanah Melayu, yang telah meminjamkan sa-orang Penolong Economist.

18. Sa-telah di-lantek sa-orang Pegawai Perangkawan Kanan yang ahli dalam perkara national accounting maka Jabatan ini telah memulakan kerja menyediakan perangkaan[2] yang lebeh lengkap berkenaan dengan kira[2] kebang-saan Persekutuan. Pada tahun itu Jabatan itu telah menerbitkan ketera-ngan[2] mengenai kira[2] kebangsaan bagi tahun 1955 hingga 1960.

19. Jabatan itu telah juga menerbitkan suatu rekod, ia-itu "Penyiasatan Tahunan bagi Perusahaan Membuat Barang[2], Tahun 1960". Angka[2] mengenai perusahaan[2] perintis telah di-tambah kemudian. Pada tahun yang lalu juga Jabatan itu telah mengeluar-kan suatu penerbitan tahunan yang lengkap mengenai perdagangan dengan negeri[2] luar. Banyak orang meminta penerbitan yang berguna ini. Dalam masa enam bulan yang akhir pada tahun 1962 Jabatan itu telah mula membuat analisa rekod[2] yang di-buat oleh Pendaftar Sharikat[2], Pendaftar Perniagaan[2], dan sa-bagai-nya ia-itu dengan tujuan hendak menyusun suatu daftar yang lengkap mengenai sharikat[2] yang menjalankan perniagaan-nya di-Persekutuan. Apabila daftar ini siap kelak maka akan ada-lah suatu "panduan" yang boleh di-gunakan bagi penyiasatan[2] yang hendak di-jalankan pada masa hadapan.

20. Kerajaan Persekutuan telah mene-rima Penyata Jawatan-Kuasa yang di-tubohkan bagi menimbangkan perkara mengelokkan lagi Perkhid-matan Perangkaan pada masa hadapan. Dua buah Jawatan-Kuasa yang baharu telah di-tubohkan—sa-buah bagi menimbangkan perkara hendak mem-beli sa-buah mesin kira mengira electronic; ahli[2]-nya terdiri daripada wakil[2] dari Kementerian[2], Jabatan[2] dan badan[2] yang sa-paroh Kerajaan; yang lagi sa-buah ia-itu Jawatan-Kuasa Penasihat Perangkaan, untok menya-tukan dengan lebeh sempurna lagi akan berbagai kerja perangkaan yang hendak di-buat Kerajaan.

21. Dalam tahun 1963 Jabatan itu berharap akan dapat terus meluaskan kerja mengadakan perangkaan[2] yang di-kehendaki bagi membuat rancha-ngan[2] pembangunan negara. Kerja menjalankan suatu Penyiasatan menge-nai Perusahaan Membena Bangunan telah di-mulakan. Keterangan yang akan di-dapati kelak ada-lah di-kehendaki sangat[2] untok membuat anggaran[2] modal. Ada-lah di-harapkan akan dapat di-tambah lagi kaki-tangan[2] bagi Chawangan Penyiasatan Benda[2] Chontoh dalam Jabatan itu. Sa-orang pakar Bangsa[2] Bersatu yang berke-lulusan tinggi akan berkhidmat dalam Jabatan itu di-bawah Ranchangan Bantuan Teknikal Bangsa[2] Bersatu. Taksiran National Account dan Balance of Payment Persekutuan akan di-sediakan dengan lebeh lengkap lagi. Jabatan itu juga akan menggunakan alat 80-column equipment tidak lagi menggunakan alat 65-column equip-ment. Beberapa alat lagi telah di-pesan dan akan sampai pada tahun ini.

(G) Jabatan Muzium

22. Sa-panjang tahun 1962 seluroh tenaga dan usaha kaki-tangan Jabatan Muzium di-tumpukan kapada kerja menyediakan sa-buah Muzium Negara yang baharu. Sa-orang pakar mengator barang[2] muzium telah di-hantar oleh Victoria dan Albert Muzium, London sa-lama sa-bulan, untok menolong meranchangkan dua buah Dewan besar, tiap[2] satu 154 kaki panjang-nya. Apabila ia balek ka-United Kingdom, dengan kerjasama UNESCO, sa-orang lagi orang British yang pakar dalam hal mengator barang[2] Muzium telah di-pinjamkan sa-lama lima bulan untok menolong melaksanakan ranchangan[2] yang telah di-siapkan itu. Tukang[2] ukir dan tukang[2] kayu Melayu dari-pada Trengganu dan Kelantan telah di-upah untok mengukir jenang[2] pintu dan alang[2] siling. Sa-orang pelukis Melayu dari Kelantan pula di-ambil bekerja untok melukis gambar[2] meng-hiasi dinding bahagian dalam dan bahagian luar bangunan itu. Bangunan itu telah hampir siap pada akhir tahun 1962, tetapi kerja melukis dua gambar dinding luar belum pun di-mulakan. Barang[2] kebudayaan Melayu, saperti senjata[2], barang[2] perak dan pakaian[2] lama terus di-kumpulkan pada tahun yang lalu.

23. Pada tahun itu Muzium Negeri Perak di-Taiping, yang menjadi tang-gong-jawab Persekutuan, telah di-hias sa-mula bahagian dalam dan bahagian luar-nya, dan atap-nya di-ganti baharu. Muzium Negeri Perak di-biarkan saperti keadaan-nya sekarang ini juga apabila Muzium Negara itu di-buka kelak dan barang[2] yang di-tunjokkan di-dalam-nya akan kekal di-situ. Jabatan Muzium telah memberi bantuan yang mustahak kapada

Lembaga Muzium Melaka dan Lembaga Muzium Negeri Sembilan, serta Muzium Negeri Kedah. Muzium Negeri Kedah telah mempamirkan barang[2] lama yang dulu-nya di-letak di-muzium sementara di-Kuala Lumpur. Muzium sementara itu di-tutup pada akhir tahun 1961.

(H) Arkib Negara dan Pejabat Rekod Kerajaan

24. Pejabat Arkib Negara dan Rekod Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ada-lah sa-buah daripada Pejabat[2] Rekod yang termuda sa-kali di-dalam Commonwealth dan ia di-tubohkan dalam bulan Disember tahun 1957. Tugas Pejabat ini ia-lah mengemukakan dan mengekalkan satu chara yang lengkap dan rapi supaya Rekod[2] Kerajaan yang mustahak dapat di-kumpulkan dan di-pelihara dengan baik dan dengan itu dapat-lah kelak ia di-gunakan bagi tujuan[2] penyelidekan dan pengajian. Rekod[2] Kerajaan yang tiada di-pakai lagi untok pentadbiran hari[2] dan menimbun[2] dari sa-hari ka-sahari di-pejabat[2] Kerajaan di-keluarkan daripada pejabat[2] tersebut dan di-pileh mana[2] yang berguna pada masa hadapan untok di-susun dan di-simpan dan di-bakar mana[2] rekod yang tiada berguna lagi.

25. Rekod[2] yang di-simpan itu terbahagi dua: Rekod Kerajaan dan Arkib. Rekod[2] Kerajaan ada-lah semua surat[2] resmi termasok gambar foto, gambar[2] lukisan, peta[2], filem dan rakaman[2] pada pita yang telah di-buat atau di-terima oleh sa-barang pegawai Kerajaan masa mereka menjalankan kerja[2] resmi. Arkib pula ada-lah rekod[2] yang di-fikirkan ada faedah atau mustahak-nya bagi tujuan pentadbiran, undang[2], pelajaran, sejarah, kebudayaan atau bagi kepentingan negara. Rekod[2] dan Arkib[2] saperti itu ia-lah sa-bahagian daripada tempat[2] Kerajaan boleh mengingat sa-mula akan perkara[2] yang telah lalu dan ia-lah tempat mendapat keterangan mengenai hak[2] dan tanggong-jawab[2] orang ramai dan persaorangan. Kalau rekod[2] dan arkib[2] ini tidak ada maka tidak dapat-lah Kerajaan akan keterangan[2] yang mustahak mengenai perkara[2], pengalaman[2] dan keterangan[2] yang sama yang berlaku sa-belum itu dan Kerajaan tidak ada pegangan[2] yang tepat untok menolak mana[2] tudohan palsu atau tipu helah.

26. Pekerjaan dalam Jabatan ini telah bertambah semenjak dua orang Pegawai Rekod Tanah Melayu balek dari India pada bulan Oktober tahun 1962. Mereka telah berlateh dalam perkara menyimpan barang[2] arkib dan menyusun rekod sa-lama sa-tahun dengan anjoran ranchangan Latehan Ranchangan Colombo. Sementara itu sa-orang Pakar Bangsa[2] Bersatu mengenai 'ilmu arkib di-pinjamkan oleh UNESCO untok berkhidmat di-Persekutuan Tanah Melayu sa-lama dua tahun untok menyusun dan mengurus Pejabat Arkib Negara dan Rekod Kerajaan sa-belum di-lantek sa-orang ra'ayat Tanah Melayu memegang jawatan Penyimpan Rekod Kerajaan.

27. Oleh hal yang demikian maka Pejabat Arkib Negara dan Rekod Kerajaan ada-lah bertambah[2] mustahak. Perkhidmatan Urusan Rekod telah di-mulakan dan pada masa ini ada di-gunakan dua tempat menyimpan rekod[2] itu. Dengan ada-nya perkhidmatan ini maka dapat-lah di-gunakan tempat[2] menyimpan fail di-pejabat[2] Persekutuan dan di-Kementerian[2] bagi tujuan[2] lain. Pada tahun ini ada di-untokkan wang untok membena sa-buah bangunan yang tetap untok Pusat Urusan Rekod.

28. Beberapa orang ahli penyelidek telah menggunakan kemudahan[2] yang di-adakan oleh Arkib Negara. Ahli[2] penyelidek itu kebanyakan-nya ia-lah daripada Universiti Malaya, Universiti Singapura, Hong Kong, Australia, Amerika dan Great Britain.

29. Pada masa ini Jabatan ini kechil sahaja pejabat-nya dan tiada sesuai untok di-gunakan sa-bagai tempat menyimpan Arkib kepunyaan Negara. Jabatan Perdana Menteri telah menerima pada dasar-nya ranchangan hendak mendirikan sa-buah bangunan yang baharu dan berasingan bagi Pejabat Arkib Negara. Banyak lagi bahan[2] sejarah yang hendak di-kumpulkan dan di-pelihara untok

faedah masa hadapan. Pada masa yang akan datang bahan[2] sejarah yang bertaboran di-serata cherok rantau Tanah Melayu ini akan di-kumpulkan dan di-pelihara dengan baik-nya supaya bahan sejarah itu boleh memberi faedah bagi keturunan akan datang.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KERJASAMA

30. Dalam tahun 1962 Kerajaan Persekutuan telah menjalankan beberapa usaha memajukan lagi pertanian dalam negeri ini. Usaha[2] membanyakkan hasil[2] pertanian dengan memberi lebeh banyak lagi tanah untok berchuchok tanam dan dengan membuat penyelidekan dengan tujuan hendak mengelokkan tanaman[2] dan tanah telah di-jalankan dengan bersunggoh[2] pada tahun yang lalu. Semua ini menunjokkan bahawa Kerajaan bukan sahaja sedar yang kebanyakan ra'ayat bergantong sa-chara langsong atau tiada langsong kapada pertanian untok kehidupan mereka, bahkan juga ia ber'azam hendak meninggikan lagi taraf hidup ra'ayat.

31. Pada tahun yang lalu usaha[2] hendak membanyakkan lagi hasil[2] pertanian telah menchapai kejayaan yang besar. Di-beberapa tempat hasil padi telah bertambah sa-banyak 15 peratus sa-ekar kerana di-gunakan beneh[2] yang baik dan baja[2] yang sesuai. Penyelidekan berkenaan dengan penanaman padi akan terus di-jalankan sa-bagaimana yang terkandong dalam Ranchangan Pembangunan Lima Tahun. Penyelidekan[2] telah juga di-jalankan ka-atas lain[2] jenis tanaman saperti kelapa bali, teh dan buah-buahan. Semua ini ada-lah mustahak dalam usaha kita hendak membanyakkan jenis hasil pertanian. Penyelidekan ini termasok penyiasatan tanah, perchubaan menggunakan baja yang sesuai bagi tiap[2] jenis tanaman dan penyiasatan membanyakkan lagi kegunaan hasil pertanian. Dalam pada itu Kerajaan telah juga menjalankan satu ranchangan untok melateh petani[2] menggunakan chara[2] baharu dan yang telah di-elokkan lagi dengan menubohkan pusat[2] latehan dan penerangan di-kampong[2] dan dengan mengalakkan penubohan Persatuan[2] Peladang.

32. Dalam tahun 1963 Kerajaan Persekutuan akan berusaha dengan lebeh giat lagi melaksanakan ranchangan[2] menambah hasil pertanian dalam negeri ini. Satu ranchangan yang baharu dan yang mustahak sa-kali ia-lah menanam semula dan memulehkan kebun[2] kelapa. Ranchangan ini telah di-mulai di-Johor dan akan di-jalankan juga di-Negeri[2] lain tiada berapa lama lagi.

33. Ranchangan meluaskan lagi kawasan pertanian dan menambah lagi hasil pertanian ada-lah bersangkut paut dengan ranchangan[2] parit dan tali ayer yang besar. Dalam tahun 1962 Kerajaan telah berjaya melaksanakan ranchangan[2] tali ayer yang besar di-Perak, Melaka dan Pahang dan beberapa ranchangan kechil di-beberapa tempat yang memakan belanja sa-banyak $24,600,000. Dalam tahun 1963 Kerajaan akan terus menjalankan ranchangan[2] parit dan tali ayer sabagaimana yang di-chadangkan dalam Ranchangan Pembangunan Lima Tahun.

34. Sa-lain daripada pertanian Kerajaan Persekutuan ada-lah juga berusaha hendak meninggikan taraf hidup ra'ayat dengan memajukan perusahaan ternakan dan perikanan. Penyelidekan sedang di-jalankan dan banyak kejayaan telah di-chapai saperti memelihara udang galah. Penyelidekan akan terus di-jalankan dalam tahun 1963. Kerajaan telah menjalankan ranchangan[2] besar dan kechil membiakkan binatang[2] ternak, mengelokkan baka[2] ternak, menjauhkan penyakit[2] dan melateh pendudok[2] luar bandar dalam chara[2] ternakan yang betul. Oleh kerana ada-nya galakan[2] ini pendudok[2] luar bandar sa-makin banyak menternak ayam dan itek. Hal ini ada-lah nyata kerana bilangan ra'ayat yang menternak binatang telah bertambah dan banyak ayam, itek, babi dan lain[2] binatang ternak pun telah berlipat ganda juga. Pendudok[2] luar bandar sekarang ini giat benar mengambil kursus[2] menternak ayam itek dan binatang[2] yang di-anjorkan di-pusat[2] latehan. Kegiatan ini membayangkan bahawa kemajuan yang lebeh besar akan terchapai pada masa hadapan. Bagitu juga kemajuan telah di-chapai

dalam hal perikanan. Dengan memelihara ikan dalam kolam dan dengan menggunakan chara[2] baharu Kerajaan telah berjaya menambah hasil perikanan. Dalam tahun 1963 usaha[2] dalam hal ini akan terus di-jalankan dengan lebeh bersunggoh[2] lagi.

35. Usaha[2] bagi menambah hasil pertanian, binatang[2] ternak dan ikan tiada akan mendatangkan faedah yang sa-penoh-nya kapada ra'ayat jika tidak ada suatu ranchangan membolehkan mereka mendapat lebeh banyak lagi untong apabila barang dan binatang itu di-jual. Dalam perkara ini Kerajaan telah juga menggalakkan petani[2], penternak[2] ayam itek dan binatang[2], nelayan[2] dan orang[2] lain yang betul[2] berusaha membanyakkan hasil tersebut supaya menubohkan Sharikat[2] Kerjasama. Dalam tahun 1962, 157 buah Sharikat Bekerjasama yang baharu telah di-daftarkan dan dengan yang demikian jumlah sharikat[2] yang di-daftarkan ia-lah 2,900 buah dan modal-nya sa-banyak $150,000,000. Dalam tahun 1963, usaha[2] akan di-tumpukan kapada ranchangan[2] untok mengukohkan lagi keadaan Sharikat[2] Bekerjasama yang telah di-daftarkan, terutama Sharikat[2] Jimat Chermat dan Pinjam Meminjam supaya sharikat[2] itu boleh menchapai kejayaan yang mustahak bagi kemajuan ekonomi pendudok[2] luar bandar. Dengan tujuan yang demikian Kerajaan akan berusaha meninggikan lagi darjah pelajaran di-Maktab Kerjasama di-Petaling Jaya. Di-Maktab itu latehan[2] yang sesuai ada-lah di-beri kapada Pegawai[2] Kerjasama dan Ahli[2] Jawatan-Kuasa Sharikat[2] Bekerjasama. Soal pasaran akan di-utamakan juga dalam kemajuan kerjasama.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN

(A) Barang[2] Eksepot

36. *Getah.* Dasar Kerajaan Persekutuan berkenaan dengan getah ia-lah menguatkan kedudokan perusahaan getah asli supaya boleh bertanding dengan getah tiruan dengan menanam sa-mula, dengan menjalankan penyelidekan dan menetapkan harga pasaran. Dengan bertambah besar-nya perusahaan getah tiruan terutama sa-kali dengan ada-nya kemajuan getah tiruan jenis "stereo-regular" maka mustahaklah usaha menanam sa-mula di-jalankan sa-chepat yang di-jalankan pada masa ini. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan telah memutuskan hendak memberi bantuan sa-banyak $200,000,000 kapada perusahaan getah bagi menolong usaha menanam sa-mula kawasan yang bertambah luas dengan beneh getah yang banyak mengeluarkan susu bagi tempoh tahun 1962 hingga 1967.

37. Ranchangan menanam sa-mula bagi pekebun[2] kechil telah pun di-pinda dengan menambah bantuan menanam sa-mula dari $600 hingga $750 sa-ekar supaya mereka boleh menanam sa-mula dalam bahagian yang kedua daripada tiga pechahan kebun[2] mereka. Sa-lain daripada itu pekebun[2] kechil yang mempunyai tanah sa-luas lima ekar atau kurang ada-lah di-beri $50 sa-ekar sa-telah siap kebun-nya itu di-tanam sa-mula. Dengan berbagai[2] galakan memberi bantuan wang itu ada-lah di-jangka kawasan yang di-tanam sa-mula itu akan bertambah luas.

38. Penyelidekan sedang di-jalankan juga bersunggoh[2] dengan di-kawal oleh Lembaga Kewangan Getah Tanah Melayu. Perkara menyusun sa-mula bentok susunan penyelidekan di-bawah Lembaga itu terus akan di-jalankan supaya mendapat hasil yang sa-baik[2]-nya.

39. Langkah[2] sedang di-jalankan juga hendak menjadikan Lembaga Pendaftaran Eksepot Getah Tanah Melayu sa-buah pertubohan yang lebeh berpengaroh mengekalkan mutu yang tinggi bagi getah yang di-hantar ka-luar negeri itu. Ada-lah di-harapkan juga dengan tertuboh-nya Badan Pengawal Perdagangan Getah Tanah Melayu pasaran Persekutuan akan menjadi sa-buah pusat perdagangan getah dunia.

40. *Bijeh Timah.* Kerajaan Persekutuan sangat mengambil berat tentang kemajuan perusahaan bijeh timah pada masa hadapan kerana perusahaan ini ia-lah salah satu daripada dua tiang sokongan ekonomi negara yang kuat. Dalam masa satu tahun sa-tengah yang

lalu kemajuan perusahaan ini telah di-ganggu oleh satu perkara dari luar ia-itu penjualan bijeh timah yang ber-lebehan dari dalam simpanan negeri luar. Kerajaan Persekutuan telah ber-usaha dengan sa-daya upaya-nya melaluï Perjanjian Bijeh Timah Antara-Bangsa dan melaluï saloran[2] diplomat hendak mengurangkan kesan gang-guan saperti itu ka-atas perusahaan bijeh timah. Usaha-nya itu tiada-lah sia-sia. Tanah Melayu berharap Kera-jaan[2] yang bertanggong-jawab menjual bijeh timah dari dalam simpanan-nya itu akan sentiasa mengambil berat dan bertimbang rasa atas masa'alah ini.

41. *Batu Besi.* Kerajaan sedang me-merhatikan dengan teliti-nya akan hal batu besi di-pasaran antara-bangsa. Dalam pada itu ia juga mengikut satu dasar memajukan perusahaan ini dalam negeri dan bersunggoh[2] meng-galakkan orang[2] Tanah Melayu meng-ambil bahagian dengan tepat dalam perusahaan itu.

42. *Nenas.* Kerajaan Persekutuan sen-tiasa berusaha mengukohkan per-usahaan nenas dan membesarkan-nya dengan menchari pasaran[2] yang lebeh luas bagi nenas[2] dalam tin. Dua lang-kah yang di-jalankan dalam usaha ini ia-lah mendirikan Kilang Kebangsaan Mengetin Nenas di-Pekan Nenas, Johore dan membentok Pertubohan Pusat Pen-jualan yang di-chadangkan itu. Kedua[2] ranchangan ini hampir[2] siap dan boleh-lah di-jangka Kilang Kebangsaan itu akan mulaï mengeluarkan nenas dalam tin pada akhir tahun ini.

(B) Kemajuan Perusahaan

43. Dasar Kerajaan Persekutuan ber-kenaan dengan kemajuan perusahaan ia-lah maseh tiada mengambil bahagian yang tepat dalam perusahaan kechuali dalam perkhidmatan[2] yang mustahak sahaja. Akan tetapi dalam sa-tengah[2] perkara jika orang ramai tiada boleh atau tiada sanggup menjalankan-nya Kerajaan akan mengambil langkah per-mulaan. Menyediakan kawasan[2] per-usahaan yang murah harga-nya ada-lah satu chara yang mustahak bagi me-majukan perusahaan[2] baharu dengan chepat-nya. Kerajaan sukachita me-nyatakan bahawa Kerajaan[2] Negeri sedang mengambil langkah yang chergas-nya dalam usaha ini. Semenjak di-adakan Undang[2] Perusahaan Perin-tis (di-kechualikan daripada Membayar Chukai Pendapatan) tahun 1958 di-jalankan banyak kemajuan telah di-chapai dalam usaha menggalakkan perusahaan[2] baharu. Hingga akhir bulan Disember tahun 1962, lapan puloh lapan buah sharikat telah di-beri sijil[2] perintis manakala permohonan daripada sa-puloh buah sharikat lagi telah di-luluskan pada dasar-nya. Sharikat[2] ini di-jangka akan mengada-kan pekerjaan bagi lebeh dari 8,000 orang tiada lama lagi.

(C) Perdagangan

44. Keadaan perdagangan Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1962 terus memuaskan hati sunggoh pun per-bedzaan perdagangan kita dalam dunia, yang maseh menguntongkan kita telah banyak kurang-nya dalam tahun itu. Dasar Kerajaan ia-lah hendak men-chari ikhtiar meluaskan perdagangan ka-luar negeri. Sa-lain daripada men-chari pasaran[2] baharu bagi menghantar keluar barang[2] yang utama saperti biasa usaha[2] sedang di-jalankan juga menchari pasaran untok barang[2] yang di-keluarkan oleh perusahaan[2] perintis. Sa-benar-nya ada tanda[2] yang meng-galakkan dalam tahun 1962 kerana sa-tengah barang[2] yang di-hantar ka-luar negeri oleh pembuat[2] barang Tanah Melayu yang baharu telah mendapat pasaran baharu dan menunjokkan ber-tambah banyak-nya sunggoh pun sadikit tetapi nyata. Dan lagi, mengikut dasar memajukan perdagangan, Kera-jaan sentiasa berusaha mengukohkan perhubongan dengan negeri[2] yang ber-niaga dengan-nya. Dengan tujuan yang demikian Perjanjian[2] Perdagangan telah pun di-buat dalam tahun itu dengan Republik Arab Bersatu dan dengan Republik Korea. Perjanjian[2] yang sama saperti itu telah juga di-buat dengan Australia, Jepun dan New Zealand.

45. Pada 'am-nya Kerajaan Perseku-tuan sentiasa akan menjalankan dasar perdagangan yang bebas dan bertolak ansor yang telah menjadi asas kapada kema'amoran negeri ini. Kerajaan yakin dengan memakai dasar yang

demikian Persekutuan akan mendapat faedah daripada pertandingan antara pembekal[2] luar negeri di-pasaran[2] kita dan Tanah Melayu akan dapat membeli daripada puncha[2] yang murah sa-kali.

(D) Bahagian yang di-Ambil Orang[2] Melayu dalam Perdagangan dan Perusahaan

46. Kerana hendak membetulkan perkara kurang-nya orang[2] Melayu berbanding dengan bangsa[2] lain dalam lapangan perdagangan dan perusahaan Kerajaan Persekutuan telah meluluskan dasar menggalak dan memudahkan orang[2] Melayu mengambil bahagian dalam lapangan[2] itu. Bagi melaksanakan dasar ini Kementerian Perdagangan dan Perusahaan telah menubohkan satu chawangan khas untok menguruskan perkara orang[2] Melayu mengambil bahagian dalam perdagangan dan perusahaan. Sa-buah Jawatan-Kuasa Kerja Tetap mengandongi pegawai[2] kanan daripada beberapa Kementerian telah juga di-tubohkan. Dengan di-bantu oleh sa-buah badan Penasihat yang terdiri daripada ahli[2] perniagaan yang chergas daripada berbagai[2] bangsa dan mereka itu pula pakar dalam chawangan perdagangan dan perusahaan masing[2], jawatan-kuasa ini memikirkan chara[2] hendak menggalakkan orang[2] Melayu mengambil bahagian dalam lapangan[2] tersebut. Bagi menyatukan dasar[2] dan bagi menentukan supaya dasar[2] itu dapat di-jalankan dengan serentak sa-buah badan kebangsaan yang di-beri nama "Majlis Kebangsaan bagi Memajukan Ekonomi Orang[2] Melayu" telah di-tubohkan dan Menteri[2] Besar serta Ketua[2] Menteri ada-lah menjadi ahli-nya. Tiap[2] buah Negeri telah melantek sa-orang pegawai kanan sa-bagai pegawai perantaraan antara Negeri itu dengan Kementerian. Tiap[2] Kerajaan Negeri telah juga menubohkan sa-buah jawatan-kuasa yang sama saperti jawatan-kuasa Persekutuan itu bagi menumpukan tenaga dengan sa-penoh-nya kapada tugas ini dan menchadangkan serta melaksanakan ranchangan[2] yang dapat di-jalankan.

47. Dengan ada-nya susunan pentadbiran yang lengkap ini, ada-lah di-harap lebeh ramai lagi orang[2] Melayu akan mengambil bahagian dalam perdagangan dan perusahaan. Kerajaan Persekutuan berharap benar supaya ra'ayat Tanah Melayu daripada segala bangsa memberi sokongan penoh dan kerjasama mereka kapada dasar ini untok kepentingan negara, kerana semua orang mesti-lah sama[2] mendapat peluang dalam ekonomi yang bertambah[2] maju.

(E) Bekalan[2] Letrik

48. Kerja melaksanakan Ranchangan Haidero-Letrik Cameron Highland Lembaga Letrik Pusat hampir[2] akan siap sa-bagaimana yang di-jadualkan dan di-jangka akan dapat di-jalankan dalam bulan Jun tahun ini. Ranchangan ini ia-lah sa-bahagian besar daripada ranchangan[2] Lembaga itu bagi memenohi kehendak yang sa-makin banyak menggunakan letrik di-seluroh Tanah Melayu.

49. Di-Johor Bahru, kerja membena sa-buah rumah letrik yang baharu hampir[2] siap juga. Rumah Letrik ini akan memenohi kehendak menggunakan letrik yang sa-makin bertambah banyak-nya di-kawasan Johor Bahru dan ini bererti Lembaga itu tiada-lah payah lagi mengambil bekalan daripada Singapura.

50. Kerja[2] membena satu lagi ranchangan haidero-letrik yang besar yang di-namakan Ranchangan Batang Padang—dengan menggunakan ayer Sungai Batang Padang, Sungai Woh dan anak[2] sungai-nya, telah pun dimulakan dan kerja[2] kontrek bagi ranchangan ini di-jangka akan dapat di-mulakan dalam tahun 1964 supaya rumah[2] haidero-letrik yang bersekutu dengan ranchangan ini dapat di-jalankan dalam tahun 1968.

51. Bagi memenohi kehendak menggunakan letrik yang sa-makin bertambah banyak-nya dalam negeri ini, penyiasatan sedang di-jalankan berkenaan dengan ulu[2] Sungai Perak dan juga ulu[2] sungai yang lain dalam Persekutuan yang di-ketahui ada tempat[2] yang sesuai untok mendirikan rumah haidero-letrik.

52. Bagi memenohi kehendak menggunakan kuasa letrik untok perusahaan dan untok kegunaan di-dalam rumah di-Utara Tanah Melayu yang sa-makin

bertambah banyak-nya, Lembaga itu telah menyediakan pelan untok membena sa-buah rumah letrik "thermal" yang besar di-Prai yang boleh membekalkan kuasa hingga sa-banyak 270,000 KW. Kerja[2] menyiapkan kawasan dengan menimbus laut sa-luas 48 ekar dekat kuala sungai Prai akan di-mulakan tiada berapa lama lagi.

53. Mengikut ranchangan[2] Pembangunan Luar Bandar Kerajaan, bekalan letrik telah di-sediakan bagi kira[2] sa-ratus buah kampong dalam tahun 1962. Jumlah kampong[2] yang akan di-bekalkan dengan kuasa letrik dalam tahun ini tiada-lah jauh bedza-nya dengan jumlah pada tahun yang lalu.

(F) Pelanchongan

54. Negeri ini sentiasa mendapat faedah daripada pelanchongan dalam tahun yang lalu. Hasil yang di-perolehi daripada pelanchongan dua kali ganda-nya daripada tiga tahun yang lalu. Dengan tujuan hendak mengelokkan lagi tempat[2] yang mungkin di-lawati oleh pelanchong[2] dan kemudahan[2] bagi pelanchong[2] di-negara ini, Kerajaan[2] Negeri telah di-galakkan supaya bekerja sama dengan rapat dengan pehak orang ramai dengan menubohkan persatuan[2] pelanchong. Kerajaan sentiasa akan menjalankan sa-daya upaya-nya memajukan perusahaan pelanchongan dalam negeri ini supaya lebeh banyak lagi wang dari luar negeri mengalir ka-Tanah Melayu.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

55. Kerajaan Persekutuan akan mengambil langkah memperbesarkan lagi Angkatan Bersenjata-nya pada serba serbi-nya. Angkatan Darat akan diperbesarkan lagi dengan menubohkan dua batalion yang baharu dan juga dengan menyatukan pasokan Tentera Singapura dengan Angkatan Tentera Bersenjata Persekutuan sa-telah Singapura dan Tanah Melayu berchantum kelak. Keadaan di-Congo telah beransor baik, akan tetapi tanggong-jawab Angkatan Bersenjata Persekutuan di-tanah ayer ada-lah lebeh besar lagi. Oleh itu dengan persetujuan Bangsa[2] Bersatu, Pasokan Khas Tanah Melayu di-Congo itu tiada akan di-gantikan lagi dengan pasokan yang baharu.

56. Kelengkapan Angkatan Laut di-Raja Tanah Melayu akan di-tambah sa-kali ganda lagi untok memikul tanggong-jawab[2]-nya sa-lepas Malaysia di-tubohkan. Sa-bilangan kapal[2] yang baharu akan di-gunakan; kapal[2] itu termasok-lah kapal peronda yang laju, kapal[2] torpedo, kapal[2] penyapu periok api dan kapal[2] frigate.

57. Pada masa ini Tentera Udara di-Raja Tanah Melayu ada-lah bertanggong-jawab penoh menggugorkan perbekalan[2] dari udara di-seluroh Tanah Melayu. Kapal[2] terbang yang ada sekarang ini tiada sesuai untok menunaikan kewajipan[2] yang lebeh banyak di-Malaysia. Dengan sebab itu Kerajaan telah memutuskan bahawa Tentera Udara di-Raja Tanah Melayu akan di-lengkapkan dengan kapal[2] terbang pengangkut dan helikopter[2] dalam tahun ini.

KEMENTERIAN PELAJARAN

58. Oleh kerana ma'alom akan peranan pelajaran dalam kemajuan Negara maka Kerajaan akan menunaikan dengan sa-daya upaya-nya kehendak[2] ra'ayat negeri ini pada segala peringkat pelajaran.

59. Sa-bagai satu langkah hendak menchapai chita[2] menjadikan Bahasa Kebangsaan sahaja bahasa resmi dalam negeri ini dan juga menjadikan Bahasa Melayu bahasa pengantar di-dalam semua sekolah, maka Bahasa Kebangsaan telah di-jadikan satu mata pelajaran yang mustahak dalam Pepereksaan Masok Sekolah Menengah Tanah Melayu dan dalam Pepereksaan Sijil Pelajaran Rendah di-sekolah[2] yang di-bantu oleh Kerajaan mulai pada tahun 1962. Mulai tahun ini Kerajaan telah menchapai satu peringkat kemajuan lagi dalam sejarah pelajaran dalam Bahasa Kebangsaan ia-itu satu darjah khas sa-belum masok universiti telah di-adakan bagi faedah murid[2] Sekolah[2] Kebangsaan yang berchita[2] hendak melanjutkan lagi pelajaran mereka di-Universiti Kebangsaan.

60. Dalam bulan November 1962 Pepereksaan Sijil Pelajaran Persekutuan

Tanah Melayu dalam Bahasa Kebangsaan telah di-adakan bagi pertama kalinya di-Negeri ini. Pada awal tahun ini sa-buah Sekolah Menengah Melayu yang pertama di-Negeri ini telah dibuka di-Kuala Lumpur. Sekolah itu ada tempat tinggal bagi murid²-nya.

61. Gerakan Obor yang telah dilancharkan oleh Kerajaan dalam pertengahan tahun 1962 itu ada-lah di-perhebatkan lagi dalam tahun ini. Maksud gerakan ini ia-lah hendak menarek perhatian ibu bapa berkenaan dengan faedah² pelajaran dalam Bahasa Melayu dan juga hendak menggalakkan mereka itu, khusus-nya ibu bapa² Melayu, supaya mengambil berat akan kerja² dan kemajuan² anak² mereka di-sekolah.

62. Banyak lagi sekolah² hendak di-dirikan supaya dapat di-adakan tempat² bagi tiap² orang kanak² yang hendak masok sekolah. Apabila sekolah² telah bertambah banyak di-dirikan, maka banyak pula-lah guru² hendak di-lateh untok mengajar di-sekolah² tersebut. Ada-lah di-harapkan tiga buah Maktab Latehan Guru² Permulaan yang baharu akan siap di-bena dalam tahun ini; sa-buah maktab itu akan melateh guru² sekolah rendah dan yang dua buah lagi itu bagi guru² sekolah menengah. Sa-lain daripada melateh guru² yang baharu, kursus² ulang kaji telah juga di-adakan dari satu masa ka-satu masa bagi guru² yang berkhidmat supaya mereka itu mengetahui akan chara² mengajar yang baharu.

63. Mengikut shor² dalam Penyata Razak (Penyata Jawatan-Kuasa Pelajaran Tahun 1956), satu perkhidmatan di-namakan Perkhidmatan Guru Yang di-Satukan telah di-adakan dengan maksud supaya semua guru² dalam sekolah² yang di-bantu oleh Kerajaan itu akhir-nya akan dapat mengni'mati shorat² perkhidmatan yang sa-rupa dengan tiada lagi terbahagi kapada beberapa jenis saperti yang sudah² umpama-nya guru² mengikut bangsa masing², guru² Kerajaan, guru² bukan Kerajaan dan sa-bagai-nya. Guru² terlateh yang di-lantek mengajar semenjak 1 haribulan Julai, 1961, dengan sendiri-nya menjadi ahli Perkhidmatan Guru Yang di-Satukan itu dan guru² yang berkhidmat sa-belum tarikh itu lagi di-benarkan pula memileh sama ada mahu masok menjadi ahli atau tidak. Lebeh lima-puloh peratus daripada guru² yang terlateh pada masa ini telah menjadi ahli Perkhidmatan Guru² Yang di-Satukan itu dan bilangan ini akan bertambah tiap² tahun. Akhir-nya kelak semua guru² yang terlateh itu akan menjadi ahli belaka.

64. Kerja mengubah Sekolah² Menengah China yang di-bantu sa-paroh² oleh Kerajaan itu supaya menjadi sekolah² yang di-bantu oleh Kerajaan telah hampir selesai dan banyak pun sekolah² yang sa-umpama itu telah di-jadikan demikian. Langkah² telah juga di-ambil untok menyusun sa-mula perkhidmatan guru² di-dalam sekolah² tersebut supaya dapat sekolah² itu di-bantu mensesuaikan keadaan²-nya sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Dasar Pelajaran Kebangsaan kita.

65. Ada pun dasar Kerajaan ia-lah hendak memberi peluang kapada semua kanak² sa-kurang²-nya pelajaran tiga tahun lagi sa-telah lulus pelajaran rendah sa-lama enam tahun. Untok melaksanakan dasar ini dengan chara yang baik, maka Kerajaan sedang menimbangkan perkara mengkaji sa-mula chara² perjalanan Sekolah Menengah Lanjutan yang ada sekarang ini.

66. Untok membolehkan pemuda² kita mengambil bahagian yang chergas bagi kemajuan² perusahaan dan pertanian dalam negeri kita ini, maka banyak lagi kemudahan² yang hendak di-adakan oleh Kerajaan untok mengajar mata pelajaran teknikal dan pertukangan di-dalam sekolah².

67. Beberapa buah Sekolah Menengah Teknikal, Sekolah² Menengah Pertukangan dan Sekolah² Lanjutan Kampong telah di-dirikan di-bawah Ranchangan Lima Tahun yang Kedua dan banyak lagi sedang di-ranchangkan untok di-bena tiada lama lagi.

68. Ranchangan² pelajaran sama ada dalam peringkat rendah atau pun menengah telah berjalan dengan pantas-nya dan bagi menemui kehendak² negeri di-dalam lapangan kemajuan

kebangsaan maka Kerajaan sangat[2] mengambil berat berkenaan dengan soal mengadakan lebeh banyak lagi kemudahan[2] bagi pelajaran tinggi. Dengan sebab itu Kerajaan telah menubohkan satu Jawatan-Kuasa Kementerian yang di-namakan "Jawatan-Kuasa Peranchangan Pelajaran Tinggi". Kerja[2] Jawatan-Kuasa itu ia-lah mengkaji samula susunan[2] pelajaran tinggi yang ada sekarang ini dan membuat shor[2] bagi memajukan dan memperbaiki-nya dengan mengikut sa-takat mana boleh di-majukan dan mengikut keadaan kewangan yang ada di-dalam negeri.

69. Kerajaan bertujuan hendak mengadakan beberapa banyak rumah untok guru[2] yang mengajar di-kawasan[2] luar bandar di-dalam masa yang sa-singkat[2]-nya dengan menggunakan belanja yang sadikit. Dengan sebab itu Kerajaan berchadang hendak memulakan satu ranchangan mendirikan rumah[2] "prefab" dalam tahun ini ia-itu rumah[2] yang boleh di-dirikan di-dalam sadikit masa sahaja dan belanja bagi ranchangan permulaan itu ia-lah sa-banyak $2,000,000. Jika sa-kira-nya ranchangan ini berjaya maka ada-lah di-harapkan banyak lagi rumah[2] yang sa-umpama itu akan di-dirikan dalam tahun[2] yang akan datang.

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

70. Tali persahabatan di-antara Persekutuan Tanah Melayu, Pakistan dan India ada-lah bertambah[2] tegoh. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah pun berangkat melawat kedua[2] buah negeri itu dan Perdana Menteri pun telah melawat juga kedua[2] buah negeri Commonwealth itu dan ini telah mengeratkan lagi tali persahabatan kita dengan negara[2] tersebut. Sa-benar-nya lawatan[2] ini telah menambahkan lagi persefahaman di-antara pendudok[2] Persekutuan Tanah Melayu dengan pendudok[2] Pakistan dan India.

71. Kita tentu teringat pada masa Perdana Menteri melawat India pertikaian sempadan di-antara India dengan China Komunis itu telah pechah, menjadikan-nya permusohan yang berterang[2] hingga di-dapati-lah genchatan senjata yang tiada tentu sa-bagaimana sekarang ini. Kerajaan Persekutuan telah mengutok serangan China Komunis ka-atas India itu dan dengan tiada ragu[2] lagi Kerajaan Persekutuan telah memberi sokongan moral-nya kapada India, serta sokongan wang dengan jalan "Tabong Derma Menyelamatkan Demokerasi" yang di-sokong oleh pendudok[2] negeri ini.

72. Pada tahun lalu Seri Paduka Baginda Raja dan Permaisuri Negeri Thai telah melawat Persekutuan Tanah Melayu dan baginda-lah Raja negeri asing yang mula[2] sa-kali melawat negeri ini sa-telah merdeka. Tanah Melayu maseh lagi ingat betapa meriah-nya lawatan itu dan ini ada-lah menunjokkan bagaimana mesra-nya perhubongan di-antara Thailand dengan Persekutuan.

73. Ketua Negara Negeri Kemboja dan isteri-nya telah juga melawat Tanah Melayu. Lawatan-nya itu juga telah mengeratkan lagi tali persahabatan yang ada sekarang di-antara Kemboja dengan Persekutuan Tanah Melayu. Dengan hal yang demikian Kerajaan ada-lah berharap moga[2] perhubongan persahabatan yang baik dengan Kemboja itu dapat di-kekalkan hingga masa hadapan kelak.

74. Perdana Menteri Ceylon juga telah menjadi tetamu Persekutuan Tanah Melayu walau pun lawatan-nya itu singkat sahaja masa-nya. Persekutuan dengan Ceylon ada-lah berhubong rapat, tambahan pula ia ada-lah sabuah negara dalam Commonwealth. Kerajaan berharap moga[2] pada suatu masa kelak dapat-lah hendak-nya Perdana Menteri Ceylon melawat Persekutuan lebeh lama lagi.

KEMENTERIAN KEWANGAN

75. Undang[2] Persekutuan berkenaan dengan "insurance" tiada lengkap dan kekurangan ini telah di-baiki dengan membuat undang[2] "insurance" yang lebeh lengkap lagi. Undang[2] itu telah mula di-jalankan. Pada masa ini Kerajaan ada chara[2] menchegah sharikat[2] insurance "chendawan" yang telah menimbulkan kesusahan di-Persekutuan pada masa yang lalu. Kechuali sharikat[2] "chendawan" itu, perniagaan[2] insurance di-Persekutuan

pada 'am-nya tegap dan mempunyai nama yang baik. Undang[2] baharu itu telah di-buat supaya perniagaan insurance terus tegap keadaan-nya dan subor lagi menjadi suatu perkhidmatan yang mustahak dalam ekonomi yang sa-makin maju.

76. Tahun 1962 ada-lah tahun yang banyak sa-kali di-pungut chukai pendapatan ia-itu $237,000,000, sunggoh pun harga getah turun. Usaha menchari orang[2] yang mengelak daripada membayar chukai pendapatan telah di-perhebatkan lagi dalam tahun ini. Pegawai[2] chukai pendapatan telah menggunakan kuasa[2] yang lebeh banyak lagi sa-bagaimana yang terkandong dalam Undang[2] Chukai Pendapatan Tahun 1960 itu supaya dengan sa-berapa yang boleh tiap[2] orang yang kena membayar chukai pendapatan itu hendak-lah membayar apa yang patut di-bayar-nya.

77. Dasar Kerajaan ia-lah hendak mengadakan perundingan dengan lain[2] negeri bagi membuat perjanjian[2] jika di-fikirkan ada faedah-nya dengan tujuan hendak menghapuskan dengan sa-berapa yang boleh perbuatan menchukai pendapatan dua kali dan dengan demikian menggalakkan penanaman modal dari luar ka-Persekutuan. Perundingan[2] dengan sa-tengah[2] negeri berkenaan dengan chukai dua kali itu telah di-adakan dalam tahun 1962 dan pada masa hadapan ada-lah di-chadangkan hendak mengadakan lagi rundingan[2] yang sa-umpama itu.

78. Untok menggalakkan sa-saorang itu memileki rumah, maka chukai pendapatan tiada di-kenakan mulai tahun 1963 kapada nilaian harga tahunan sa-sabuah rumah yang di-dudoki oleh tuan punya rumah sendiri.

79. Mulai tahun 1963 ranchangan permulaan berkenaan dengan pekerja[2] boleh membayar chukai pendapatan-nya dengan chara beransor[2] telah pun di-jalankan. Ada-lah di-chadangkan bahawa ranchangan ini akan di-perluaskan lagi dari sa-peringkat ka-sapering-kat supaya faedah-nya dapat di-gunakan oleh segala pekerja[2] yang kena membayar chukai pendapatan. Satu risalah penerangan berkenaan dengan chukai pendapatan sendiri ada-lah sedang di-chitak. Ini ada-lah penerbitan yang mula[2] daripada beberapa penerbitan yang akan di-keluarkan oleh Kerajaan untok menerangkan susunan dan chara[2] pentadbiran chukai pendapatan Persekutuan.

80. Jabatan Kastam dan Eksais telah di-beri gelaran "Di-Raja" dengan titah perentah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, maka sekarang Jabatan itu ada-lah di-sebut "Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja" atau "Royal Customs and Excise Department". Satu isti'adat mengurniakan gelaran "Di-Raja" itu akan di-adakan dalam bulan Jun tahun ini. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah sudi hendak menyampaikan satu lambang khas yang bertulis dengan perkataan "Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja" kapada Penguasa Kastam dan Eksais.

KEMENTERIAN KESIHATAN

81. Keadaan kesihatan ra'ayat negeri ini telah bertambah[2] baik dari sa-tahun ka-satahun dan pada hari ini boleh-lah di-katakan sa-tanding dengan keadaan kesihatan negeri[2] lain yang lebeh maju. Ini dapat di-buktikan jika di-pandang kapada kurang-nya bilangan kematian seluroh-nya dan kurang-nya bilangan kematian anak[2] kechil. Kemajuan yang memberi puas hati ini ada-lah berthabit dengan segala langkah[2] kesihatan yang telah di-laksanakan bagi memperbaiki lagi keadaan kesihatan dan juga menjauhkan penyakit.

82. Banyak kematian dalam tahun 1961 ia-lah 9.2 pada tiap[2] sa-ribu orang dan bilangan kematian anak[2] kechil ada-lah 60 pada tiap[2] satu ribu kanak[2], pada hal dalam tahun 1952 banyak kematian ia-lah 13.6 pada tiap[2] sa-ribu orang dan bilangan kematian anak[2] kechil ia-lah 90 pada tiap[2] sa-ribu orang.

83. Oleh kerana sentiasa berjaga[2] dan di-ambil langkah dengan tiada berhenti[2] maka dapat-lah di-jauhkan penyakit chachar dan ta'un daripada negeri ini, sunggoh pun penyakit[2] ini selalu di-beritakan ada berlaku di-sa-tengah[2] negeri yang berhampiran. Akan

tetapi pada awal bulan Mei, 1963 sadikit penyakit ta'un telah berlaku di-Melaka. Langkah[2] mengubat orang[2] yang kena penyakit itu dan menjaga orang daripada kena penyakit itu supaya ia tiada merebak dan dapat di-hapuskan telah di-jalankan dengan serta-merta dan nampak-nya bahaya penyakit itu akan merebak telah dapat di-jauhkan. Kerja[2] memperluaskan lagi Perkhidmatan[2] Perubatan dan Kesihatan khusus-nya di-kawasan[2] luar bandar ada-lah di-utamakan. Ranchangan[2] kesihatan luar bandar yang telah bermula dalam tahun 1962 telah pun selesai dan sa-jumlah 38 buah pusat[2] kesihatan, 105 pusat kesihatan kechil dan 427 buah kelinik bidan yang ada rumah kediaman bagi-nya akan di-jalankan perkhidmatan-nya. Ini ada-lah berbanding dengan yang di-chadangkan ia-itu hendak mengadakan 40 pusat[2] kesihatan, 165 pusat[2] kechil kesihatan dan 700 buah kelinik bidan yang ada rumah kediaman bagi-nya hingga tahun 1965.

84. Bagi meranchangkan, menyusun dan melaksanakan ranchangan kesihatan yang lengkap bagi faedah negara maka sangat-lah mustahak tiap[2] Kementerian dan Jabatan[2] Kerajaan bersatu dan bekerjasama di-dalam segala peringkat. Maka itu-lah sebab-nya satu Majlis Penasihat telah di-tubohkan yang terdiri daripada wakil[2] Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pertanian dan Kementerian Dalam Negeri. Kerja[2] Majlis Penasihat ini ia-lah mengkaji pada sa-tiap masa akan kemajuan dan keadaan kesihatan ra'ayat negara kita ini seluroh-nya.

85. Perkhidmatan[2] Kesihatan luar bandar akan terus di-utamakan oleh kerana di-dalam kawasan[2] luar bandar-lah perkhidmatan[2] perubatan dan kesihatan itu sangat[2] di-kehendaki. Ranchangan Kesihatan Luar Bandar bagi tahun 1962 ia-lah 13 pusat kesihatan, 52 pusat kechil kesihatan dan 186 buah kelinik bidan yang ada rumah kediaman bagi-nya. Pada masa ini sa-jumlah 862 buah kelinik kesihatan menjalankan perkhidmatan-nya di-seluroh negeri ini. Sa-lain daripada itu 145 buah rumah gudang ubat dan 139 buah gudang ubat yang berkenderaan menjalankan perkhidmatan-nya di-jalan[2] raya dan di-sungai[2] bagi faedah orang[2] kampong yang tinggal jauh dari bandar.

86. Perubatan menchegah penyakit[2] ada-lah di-utamakan pada tahun[2] yang akan datang. Kerajaan ada-lah mengambil berat tentang pelajaran kesihatan kebersehan dan mengetahui makanan yang ada berzat sa-bagai usaha-nya menjamin dan memperbaiki lagi keadaan kesihatan ra'ayat negara kita ini. Dalam pada itu juga ranchangan latehan ada-lah di-perluaskan lagi supaya dapat di-adakan beberapa banyak pegawai yang terlateh dan berkelulusan yang sa-chukup-nya untok menemui kehendak[2] perkhidmatan itu sama ada untok masa sekarang atau untok beberapa tahun yang akan datang.

87. Pada masa ini ada 844 orang pelateh[2] jururawat dan 65 orang pelateh[2] pembantu rumah sakit sedang berlateh di-sekolah[2] latehan tempatan dan di-seberang laut. Sa-banyak 466 pembantu jururawat dan 343 pelateh[2] bidan sedang berlateh di-rumah[2] sakit yang di-luluskan oleh Kerajaan dalam negeri ini.

88. Pegawai[2] pakar dalam lapangan perubatan ada-lah juga di-lateh dengan memberi puas hati dan pada hari ini ada 78 orang pakar anak Tanah Melayu yang berkhidmat berbanding dengan jumlah 87 orang pakar semuanya. Kerja[2] mengkaji sa-mula ranchangan latehan itu ada-lah sedang di-jalankan dan ranchangan latehan kaki-tangan[2] yang lebeh lengkap lagi akan di-jalankan dalam tahun 1963 dan dalam tahun[2] yang akan datang.

89. Banyak rumah[2] sakit di-seluroh negeri ini telah pun di-baiki keadaan-nya dan kerja[2] membaikkan lagi keadaan[2] rumah sakit itu akan di-jalankan terus supaya mengadakan perkhidmatan[2] perubatan dan kesihatan yang lebeh baik lagi bagi faedah ra'ayat negeri ini walau pun mereka itu tinggal di-kampong[2] yang jauh. Perkhidmatan[2] orang sakit yang tiada masok rumah sakit akan di-utamakan

memperbaiki keadaan-nya dan membanyakkan-nya lagi dan perkhidmatan[2] bidan tempatan akan di-banyakkan lagi. Bagitu juga bahagian[2] bersalin di-beberapa rumah sakit dalam negeri ini akan di-perluaskan lagi perkhidmatan-nya dalam tahun 1963 dan dalam tahun[2] yang akan datang khusus-nya bagi faedah pendudok[2] dalam kawasan luar bandar.

90. Di-jabatan orang sakit yang tiada masok rumah sakit di-dalam beberapa rumah sakit, banyak orang[2] yang berkehendakan layanan perubatan hinggakan telah bertambah berlipat[2] ganda. Ini ada-lah di-sebabkan pendudok[2] dalam negeri ini telah bertambah dan mereka bertambah[2] sedar akan baik-nya mutu layanan perubatan yang moden.

91. Bahagian bersalin dalam rumah sakit besar, Kuala Lumpur, telah di-resmikan pembukaan-nya oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong pada 18 hari-bulan Januari, 1963. Pelan[2] sedang di-sediakan untok membena sa-buah rumah sakit latehan yang mengandongi 800 buah katil dan rumah sakit latehan ini akan menjadi satu bahagian yang utama bagi Sekolah Perubatan di-Universiti Malaya. Belanja ranchangan itu ia-lah sa-banyak $50,000,000. Sakumpulan 40 orang mahasiswa perubatan yang mula[2] akan mula belajar dalam bulan Mei tahun ini.

92. Kempen Mengawal Penyakit Batok Kering di-seluroh negeri yang telah di-lancharkan dalam bulan Jun, 1961 telah berjaya dan kempen ini akan di-perhebatkan lagi pada tahun hadapan. Lebeh daripada 300 orang jururawat telah di-lateh di-Pusat Mengawal Penyakit Batok Kering Kebangsaan, di-Kuala Lumpur dan pada masa ini mereka itu sa-banyak 30 pasokan sedang menjalankan kempen menyuntik ubat B.C.G. Kaki-tangan[2] bahagian Rumah Sakit Bersalin di-rumah[2] sakit di-seluroh negeri ini telah di-lateh untok menyuntikkan ubat B.C.G. kapada kanak[2] yang baharu di-dzahirkan. Sa-banyak 250,000 kanak[2] telah di-suntik dalam tahun 1962 dan dalam tahun ini ada-lah di-chadangkan untok menyuntik sa-banyak 350,000. Dua puloh enam orang tukang X-ray telah di-lateh untok menjalankan kempen mengetahui orang[2] yang di-hinggapi oleh penyakit batok kering dan lebeh daripada 125,000 orang telah di-X-ray. Sa-banyak 20 orang tukang X-ray akan di-lateh tahun ini. Sa-banyak 150,000 orang dewasa telah di-X-ray oleh dua pasokan X-ray yang berkenderaan. Ada-lah di-jangka sa-banyak delapan lagi pasokan X-ray yang berkenderaan akan berkhidmat dalam tahun 1963. Di-jangka dengan ini dapat-lah pasokan itu menjalankan perkhidmatan-nya lebeh luas lagi di-seluroh negeri.

93. Ranchangan Permulaan Menghapuskan Penyakit Demam Kepialu yang telah di-lancharkan dalam tahun 1960 itu telah berjalan dengan memberi puas hati. Tiada lagi ada orang[2] yang mengidap penyakit demam Kepialu di-dalam kawasan ranchangan menchegah penyakit itu. Walau pun demikian ada juga beberapa mas'alah teknikal telah timbul dan dengan ini ada-lah di-shorkan bahawa ranchangan itu akan di-teruskan hingga tahun 1964. Kemudian daripada itu baharu-lah di-kaji dan di-timbangkan pula sama ada boleh di-jalankan atau tidak ranchangan itu bagi faedah negeri seluroh-nya. Di-dalam lapangan mengawal penyakit puru dan untut kemajuan telah juga di-chapai. Ranchangan Permulaan Menghapuskan Penyakit Demam Kepialu itu telah berjalan sa-lama tiga tahun dan dengan ini tidak lama lagi akan dapat memberikan satu keterangan yang mu'tamad untok di-jadikan panduan bagi menjalankan langkah[2] mengawal penyakit itu. Kempen menchegah penyakit puru ada-lah di-teruskan juga dan akan di-perluaskan lagi supaya dapat di-jalankan di-Negeri Pahang, Kedah dan Perak. Kempen Mengawal Penyakit Untut ada-lah di-teruskan lagi dan enam pasokan pekerja luar pada masa ini sedang menjalankan perkhidmatan mereka di-Negeri Pahang, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor.

94. Usaha[2] Kerajaan hendak memperbaiki lagi perkhidmatan[2] Perubatan dan Kesihatan Negeri ini telah mendapat bantuan yang berharga daripada

pertubohan[2] antara-bangsa, umpamanya daripada Pertubohan Kesihatan sa-Dunia, daripada Kumpulan Wang Kanak[2] Bangsa[2] Bersatu, daripada Kerajaan[2] Australia, Canada, India dan United Kingdom menerusi Ranchangan Colombo, Pasokan Pekerja[2] Sukarela, Pasokan Penyelidek Tentera Amerika Sharikat, Hooper Foundation Universiti California, Majlis Penyelidekan Perubatan British, Kerajaan Republik German dan banyak lagi yang lain[2] umpama-nya menghantarkan pakar[2], orang[2] yang terlateh dan memberi alat[2] kelengkapan.

KEMENTERIAN PENERANGAN DAN PENYIARAN

(A) Jabatan Talivishen

95. Dalam lapangan usaha menyampaikan penerangan kapada orang ramai, Jabatan Talivishen yang baharu di-tubohkan itu sedang menjalankan usaha permulaan dengan chergas-nya mengambil dan melateh orang[2] baharu. Tiga orang pegawai yang penting telah di-lantek: Pengarah Talivishen, Ketua Ranchangan dan Jurutera Penjaga. Pegawai[2] ini bersama[2] dengan beberapa orang jurutera dan ahli[2] teknik sedang mengambil latehan menurut anjoran Ranchangan Colombo. Kerajaan berchadang hendak memulakan Perkhidmatan Talivishen dalam bulan Disember tahun ini dengan membuka peringkat-nya yang pertama di-Kuala Lumpur dan tender[2] telah di-tawarkan untok mengadakan kelengkapan bagi peringkat yang pertama itu. Sambil peringkat yang pertama itu di-laksanakan peringkat yang kedua, ia-itu membuat pelan dan mendirikan Pusat Talivishen yang tetap di-Lembah Pantai, akan di-jalankan pula hampir[2] serentak.

(B) Jabatan Radio

96. Dalam lapangan radio, Perkhidmatan I'lan yang di-mulakan pada tahun yang lalu telah menchapai kejayaan dan menjadi satu puncha khazanah yang baharu lagi memuaskan. Sementara itu ranchangan[2] terus di-buat dan di-laksanakan bagi mengelokkan lagi perkhidmatan Radio Malaya dalam bahagian ranchangan dan gelombang sederhana. Satu chontoh menunjokkan betapa chepat-nya usaha yang di-jalankan dapat di-perhatikan ia-lah sa-elok[2] berlaku sahaja penderhakaan di-Brunei ranchangan[2] Melayu dari Radio Malaya telah di-pancharkan ka-negeri[2] Borneo melaluï satu alat pancharan khas yang di-adakan dengan segera.

97. Ranchangan[2] Radio Malaya sa-makin bertambah di-sukaï ramai jika di-tilek daripada (i) bilangan lesen[2] radio yang sa-makin bertambah pula banyak-nya, (ii) lebeh daripada 30,000 puchok surat yang di-terima tiap[2] bulan daripada pendengar[2], dan (iii) gangguan yang di-lakukan oleh pehak[2] yang bermusohan kapada siaran[2] kita.

98. Oleh kerana Malaysia akan ditubohkan tiada berapa lama lagi satu siaran Seberang Laut telah menjadi mustahak. Oleh hal yang demikian, satu Siaran Seberang Laut yang kechil, di-namakan "SUARA MALAYA" telah di-mulakan pada 15 haribulan Februari tahun ini. Siaran ini akan di-perbesarkan dengan jalan beransor[2] untok berkhidmat kapada ra'ayat dan menyiarkan dengan luas-nya suara kebenaran, kebebasan dan kema'amoran.

(C) Jabatan Penerangan

99. Jabatan Penerangan terus menjalankan peranan yang penting dalam hal-ehwal Kerajaan negeri ini sa-lain daripada menjalankan tugas-nya yang besar menerangkan kapada ra'ayat dalam negara ini dan ka-luar negeri akan dasar, ranchangan[2] dan langkah[2] Kerajaan. Jabatan ini membantu dalam tugas membena negara yang sama juga mustahak-nya dan menggalakkan semangat bergotong royong di-kalangan ra'ayat dalam usaha membangunkan negara. Oleh kerana Malaysia sudah hampir benar akan di-tubohkan, Jabatan ini mempunyaï satu tanggongjawab lagi ia-itu menerangkan faedah menubohkan Persekutuan itu dalam perkembangan yang berlaku sekarang di-Asia Tenggara.

100. Kereta[2] yang berjalan dari satempat ka-satempat sentiasa di-gunakan untok menghebahkan dasar Kerajaan kapada ra'ayat dengan sa-luas[2]-nya. Di-daerah[2] dan di-kampong[2] lebeh

banyak lagi kursus tata ra'ayat dan perbinchangan beramai-ramai akan di-atorkan daripada masa yang sudah[2].

101. Perkara menyiarkan hal-ehwal berkenaan dengan Tanah Melayu di-luar negeri sa-makin bertambah mustahak. Oleh hal yang demikian tanggong-jawab bagi beberapa jawatan penerangan dalam Pejabat Kedutaan kita di-luar negeri sedang di-pindah-kan dengan jalan beransor-ansor kapada Jabatan ini. Bahagian Pener-bitan, bersama[2] dengan Bahagian Penyelidekan, terpaksa-lah menambah dan mengelokkan lagi jenis bahan[2] penerangan yang di-keluarkan-nya untok siaran di-dalam dan di-luar negeri.

102. Filem Negara, yang telah men-jalankan kerja dalam keadaan serba kekurangan beberapa lama-nya, di-jangka akan berpindah ka-studio-nya yang baharu di-Petaling Jaya sa-belum akhir bulan Ogos tahun ini. Dengan ada-nya kemudahan[2] yang baharu itu kelak, Filem Negara akan dapat-lah mengeluarkan banyak lagi filem[2] yang lebeh baik mutu-nya.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

(A) Orang Asli

103. Jabatan Orang Asli telah banyak menyempurnakan Ranchangan Pem-bangunan Luar Bandar-nya. Sa-belas buah Kampong telah di-buka di-be-berapa buah Negeri, dalam tiap[2] sa-buah Kampong itu terdiri rumah[2] baharu, sa-buah balai raya, jalan[2] keluar masok dan pejabat dan kebun[2] pertanian. Sa-lain daripada itu, ber-bagai[2] ranchangan yang kechil[2] telah di-laksanakan termasok menggali perigi, menggali kolam menghidup ikan dan membeli kerbau dan sa-bagai-nya.

104. Kemajuan telah juga di-chapai dalam hal pelajaran. Sekarang telah ada 61 buah sekolah khas bagi orang asli 24 buah daripada-nya di-tadbirkan oleh Jabatan Orang Asli dan baki-nya di-tadbirkan oleh Kementerian Pela-jaran. Ada kira[2] 2,500 orang budak orang asli, laki[2] dan perempuan belajar di-sekolah[2] itu. Lebeh daripada 2,000 orang asli mengambil bahagian dalam ranchangan pelajaran orang dewasa.

105. Tiada shak lagi dalam hal kesi-hatan dan perubatan-lah yang berjaya sa-kali. Sekarang sudah ada 27 buah tempat berubat dalam hutan sa-lain daripada sa-buah rumah sakit di-Gombak. Beberapa banyak orang asli telah di-lateh menjadi jururawat dan dresser dan oleh kerana usaha ini darjah kesihatan orang asli telah ber-tambah baik.

(B) Jabatan Kimia

106. Jabatan Kimia ia-lah sa-buah Jabatan yang menyediakan kemu-dahan[2] menganalisa dan menduga bagi lain[2] Jabatan Kerajaan dan memberi nasihat dalam perkara yang berkenaan dengan kesihatan, ekonomi dan kebajikan pendudok[2] Persekutuan Tanah Melayu. Tugas Jabatan itu yang utama ia-lah hendak menyempurnakan ranchangan mengisi jawatan[2] di-dalam-nya dengan pegawai[2] Tanah Melayu sa-belum bulan Julai tahun 1965 dan dalam pada itu mengembangkan kemu-dahan[2]-nya supaya sesuai dengan bilangan pendudok[2] dan ekonomi.

(C) Perkhidmatan[2] Bomba

107. Tugas bahagian merinyu dalam Perkhidmatan Bomba ia-lah, terutama-nya, menyiasat perkhidmatan Bomba tempatan dan Negeri, Pasokan[2] Bomba Tentera Persekutuan dan latehan. Bahagian itu telah juga di-beri tugas menyeliakan langkah[2] menjauhkan kebakaran pada semua bangunan[2] Kerajaan Persekutuan di-seluroh negeri ini, memereksa semua harta Kerajaan dan menyediakan alat[2] pertolongan chemas dalam kebakaran yang musta-hak supaya ikhtiar menchegah keba-karan boleh di-jalankan pada sa-tiap masa. Tujuan di-adakan ranchangan ini ia-lah supaya alat menchegah kebakaran di-datangkan daripada sa-buah tempat yang berkuasa.

(D) Jabatan Chetak

108. Jabatan Chetak sedang memula-kan ranchangan hendak membesarkan perkhidmatan-nya dengan beransor[2] supaya ia dapat menjalankan kewaji-pan[2] melaksanakan dasar berkenaan dengan pemakaian Bahasa Kebang-saan. Sa-buah chawangan sedang hen-dak di-tubohkan di-Ipoh dan bangunan[2]

di-Johor Bahru dan Kuala Trengganu sedang di-besarkan. Sa-buah Pejabat Chetak telah siap di-dirikan di-Alor Star dengan belanja sa-banyak $240,000. Di-bawah ranchangan hendak mengisi jawatan[2] dengan pegawai[2] Tanah Melayu, dua orang pelajar telah kembali daripada United Kingdom dan empat orang pelateh telah kembali daripada New Zealand sa-telah berlateh sa-lama sa-tahun dengan Penchetak Kerajaan, New Zealand.

(E) Penjara

109. Pada penghujong tahun 1962 chuma ada sa-orang pegawai dagang sahaja dalam Perkhidmatan Penjara dan apabila ia bersara kira[2] pada pertengahan tahun 1963 semua jawatan dalam Perkhidmatan itu akan di-pegang oleh pegawai[2] Tanah Melayu. Dua orang Pegawai Penjara telah kembali sa-telah tamat dalam satu kursus sa-lama enam bulan di-tempat[2] menjalankan hukum dera (penal establishments) di-Denmark—dan sa-orang pegawai telah kembali sa-telah mempelajari satu kursus sa-lama empat bulan di-sa-buah sekolah di-Fuchu, Jepun bernama the Asia and Far East Institute for the Prevention of Crime and Treatment of Offenders.

110. Sunggoh pun Sekolah Henry Gurney di-Telok Mas, Melaka telah di-besarkan tetapi chuma sadikit sahaja lega di-sekolah itu. Langkah sedang di-ambil bagi menchari tanah yang sesuai supaya Jabatan Penjara dapat menyediakan tempat[2] yang mustahak lagi dan juga memberi latehan pertanian.

(F) Pendaftaran

111. Kerja mendaftarkan pendudok[2] menurut Undang[2] Pendaftaran Warga Negara Tahun 1959 telah di-jalankan lagi sa-panjang tahun 1962. Pasokan[2] berkereta telah pergi ka-kawasan[2] luar bandar di-serata negeri ini untok berkhidmat kapada pendudok[2] luar bandar dalam ranchangan menukar kad[2] pengenalan yang lama dengan yang baharu. Ranchangan ini telah pun di-jalankan dengan jaya-nya dan tiada menyusahkan ra'ayat dan mereka hanya mengeluarkan belanja yang sadikit sahaja. Banyak-nya orang yang di-daftarkan dan di-beri kad pengenalan baharu hingga akhir bulan Disember, 1962 ia-lah 4,490,871 orang.

(G) Peranchangan Bandaran dan Luar Bandar

112. Dengan membuka sa-buah pejabat di-Kota Bharu dalam bulan Januari tahun 1963 perkhidmatan Jabatan ini telah di-lanjutkan ka-negeri Kelantan dan Trengganu dan dengan yang demikian meliputi seluroh Persekutuan.

113. Ada-lah di-akui betapa mustahak-nya usaha menyatukan kerja yang akan di-jalankan oleh Jabatan ini bagi menyediakan pelan[2] chara menggunakan kawasan tanah di-seluroh negeri dan bantuan yang boleh di-beri-nya kapada Jawatan-Kuasa Peranchang Kemajuan Negara. Oleh hal yang demikian Jabatan ini sedang di-perbesarkan supaya dapat ia menjalankan tanggong-jawab-nya yang bertambah banyak itu. Ada-lah di-chadangkan hendak membuat pelan[2] bagi kawasan[2] di-luar Ibu Kota Persekutuan dan sa-bagai permulaan-nya langkah telah di-jalankan membuat satu pelan bagi Pulau Pinang dan Butterworth.

114. Shor[2] permulaan bagi membesarkan Kuala Lumpur dan Kawasan Lembah Klang yang telah siap pada tahun 1962 sedang di-timbangkan oleh Kerajaan dan satu pehak berkuasa yang menyatukan kerja Jawatan-Kuasa Kawasan Kuala Lumpur dan Lembah Klang telah di-tubohkan untok menimbangkan shor[2] bagi kawasan ini.

115. Berkenaan dengan pembangunan luar bandar Jabatan ini sentiasa memberikan bantuan-nya kapada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan membuat ranchangan[2] bagi beberapa tempat dalam Persekutuan. Ranchangan[2] bagi tahun 1962 telah di-siapkan mengikut jadual-nya.

(H) Ranchangan[2] Perumahan

116. Bagi tahun 1962 dalam usaha melaksanakan dasar Kerajaan untok menyediakan rumah murah bagi orang[2] yang berpendapatan kechil, dan, pada 'am-nya dengan tujuan hendak melegakan mas'alah kekurangan rumah, 25 ranchangan rumah murah dalam sa-puloh negeri telah di-siapkan, atau hampir akan siap dan di-Ibu Kota

Persekutuan dua ranchangan telah di-mulakan, tiap[2] satu-nya akan mendirikan 600 buah rumah. Ranchangan[2] ini semua-nya akan mendirikan 1,930 buah rumah papan, 320 buah rumah batu dan 1,400 buah flat bagi pendudok[2] dalam bandar. Kerajaan Persekutuan akan membelanjakan hampir[2] $15,000,000 untok ranchangan[2] ini. Dalam tahun 1963, sabelas ranchangan lagi akan di-mulakan. Ranchangan[2] tersebut akan mendirikan 860 buah rumah papan, 700 buah rumah batu dan 300 buah flat dan Kerajaan Persekutuan akan membelanjakan $9,500,000 kapada-nya.

117. Rumah[2] yang di-dirikan mengikut ranchangan[2] rumah murah itu ada-lah di-untokkan bagi keluarga[2] yang berpendapatan kechil. Ranchangan[2] ini di-lancharkan dalam kawasan[2] yang sangat kekurangan rumah. Kerajaan mengetahui juga akan hal orang[2] yang tiada mendapat rumah dalam ranchangan rumah murah. Dalam usahanya hendak menggalakkan dan membantu orang[2] yang demikian supaya mempunyai rumah Kerajaan telah menyediakan wang saperti tahun yang sudah[2] untok di-pinjamkan melalui Lembaga Perumahan kapada orang[2] yang hendak membuat rumah yang sederhana. Ada-lah tujuan Kerajaan hendak menjalankan terus dasar ini dan meluaskan bantuan kapada orang[2] yang saperti itu.

(I) Kerajaan Tempatan

118. Perkara menaikkan taraf Majlis Bandaran Ipoh yang dahulu kapada Perbandaran pada 31 haribulan Mei, tahun 1962 ada-lah satu peristiwa yang besar dalam sejarah Kerajaan Tempatan di-Tanah Melayu. Dengan tujuan hendak mengikut dasar menggalakkan kemajuan Kerajaan Tempatan dalam negeri ini, Kerajaan Persekutuan telah mengambil dan akan terus mengambil perhatian yang berat dalam kejayaan beberapa Pehak Berkuasa Tempatan dan juga dalam mas'alah[2] yang dihadapi mereka. Oleh itu Kerajaan Persekutuan telah menchuba dengan sadaya upaya-nya hendak membantu pehak[2] berkuasa ini menyelesaikan mas'alah[2] itu.

KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI

119. Berkenaan dengan keselamatan dalam negeri, dasar dan pendirian Kerajaan Persekutuan tiada berubah. Saperti yang sudah[2] juga Kerajaan ada-lah ber'azam hendak menghapuskan keganasan Komunis dan subversif dalam negeri ini. Pasokan[2] Keselamatan akan terus menchari dan chuba menghapuskan bilangan pengganas[2] Komunis yang maseh lagi menjalankan gerakan-nya di-Utara Tanah Melayu. Dengan tujuan hendak menchapai tujuan ini satu tindakan bersama sachara besar[2]an telah di-jalankan dengan kerjasama yang rapat daripada Kerajaan Negeri Thai. Langkah[2] yang chergas akan di-jalankan juga untok mengenalkan Kerajaan kapada kaum asli di-kawasan itu dan menjaga kebajikan mereka supaya mereka yakin dan memberi sokongan yang penoh dalam usaha menghapuskan faham Komunis.

120. Kerajaan chukup sedar bahawa kongsi[2] gelap dan samseng[2] maseh mengancham keselamatan orang ramai. Sunggoh pun dengan kerjasama beberapa orang warga negara yang ta'atkan undang[2] pehak Polis telah dapat menghapuskan 99 kumpulan samseng dalam tahun 1962. Banyak lagi usaha yang hendak di-jalankan jika anchaman kapada masharakat ini hendak di-hapuskan sama sa-kali. Kerajaan berharap supaya semua warga negara yang ta'atkan undang[2] akan mengikut chontoh tauladan beberapa orang itu dan memberi segala bantuan yang dapat kapada pasokan[2] keselamatan menghapuskan saki baki kumpulan[2] samseng itu.

121. Pada tahun lepas ada-lah di-nyatakan bahawa Kerajaan sedang menimbangkan perkara hendak menubohkan suatu Pasokan Menchegah Penipuan di-Ibu Pejabat Pasokan Polis di-Raja Persekutuan Tanah Melayu kerana perbuatan tipu menipu dalam perniagaan sa-makin menjadi[2] oleh sebab kilang[2] perusahaan bertambah banyak dan pendudok[2] pun bertambah ramai. Chawangan Menchegah Penipuan dalam Perniagaan ini telah di-tubohkan dalam bulan Ogos tahun

1962. Sunggoh pun dengan jalan ini beberapa perbuatan tipu menipu dalam perniagaan telah dapat di-siasat akan tetapi darjah penyiasatan mengenai segi[2] teknik perbuatan tersebut maseh hendak di-elokkan lagi dan berhubong dengan perkara ini sabuah negara yang mesra dengan kita telah membuat tawaran hendak membantu mengadakan pakar[2].

122. Sunggoh pun perbuatan rasuah atau makan suap dalam jabatan[2] Kerajaan di-negeri ini tiada bagitu merebak tetapi Kerajaan ber'azam hendak menghapuskan perbuatan yang di-chela ini kerana jika tiada di-hapuskan daripada masharakat kita, ia akan merosakkan keperchayaan orang ramai. Dalam usaha ini Chawangan Khas Jenayah dalam Pasokan Polis telah di-perkuatkan. Tetapi oleh sebab perbuatan rasuah hanya boleh di-hapuskan dengan bantuan orang ramai mereka ada-lah di-minta memberikan segala bantuan dan kerjasama kapada chawangan itu.

123. Sambil ber'azam hendak mengekalkan keamanan dan ketenteraman dan menghapuskan keganasan Komunis serta melawan gerakan[2] sabversif, Kerajaan tiada pula lupa akan kebajikan ahli[2] biasa dalam Pasokan Polis di-Raja Persekutuan Tanah Melayu. Ada pun dasar Kerajaan ia-lah hendak mengelokkan lagi sharat[2] kehidupan dan perkhidmatan mereka dengan menyediakan rumah yang lebeh baik dan alat perkakas yang baharu. Pada masa ini Kerajaan sedang bersunggoh[2] menimbangkan perkara menyemak samula gaji ahli[2] Pasokan Polis itu.

124. Berkenaan dengan tempat tinggal 308 buah rumah lagi telah di-siapkan bagi ahli[2] Pasokan Polis. Dengan ini semua sa-kali 624 buah rumah telah di-siapkan semenjak Ranchangan Kemajuan Polis Lima Tahun itu mula[2] di-lancharkan. 277 buah rumah lagi yang telah di-ranchang akan di-dirikan dalam tahun 1963.

125. Pasokan itu telah di-lengkapkan dengan beberapa banyak kereta yang lebeh sesuai untok kegunaan-nya pada masa ini dan pada masa hadapan dan dalam tahun 1963 akan di-adakan kereta[2] dan motosikal[2] peronda yang baharu. Chawangan Laut Pasokan Polis ada-lah bertanggong-jawab menjaga laut dekat pantai dan sungai[2]. Kerajaan telah menetapkan bahawa kapal[2] yang ada sekarang hendak-lah di-ganti, sa-lama tempoh beberapa tahun, dengan kapal[2] yang lebeh laju dan lengkap alatan-nya untok menghadapi keadaan masa yang telah berubah.

KEMENTERIAN KE'ADILAN

126. Dalam lapangan undang[2] dan ke'adilan tugas menyemak sa-mula undang[2] Tanah Melayu sedang di-jalankan. Pada masa ini sa-orang pakar penggubal undang[2], yang di-adakan mengikut anjoran Ranchangan Colombo, sedang menjalankan tugas ini. Tujuan menyemak sa-mula Undang[2] Persekutuan itu ialah supaya ra'ayat Tanah Melayu dan mereka yang tinggal di-luar[2] negeri yang ingin hendak mengetahui undang[2] negeri ini senang menchari sa-suatu undang[2] yang mereka kehendaki. Oleh kerana undang[2] yang ada sekarang tiada terator ada-lah di-jangka bahawa tugas menyemak-nya sa-mula itu ada-lah satu pekerjaan yang berat dan akan mengambil masa bertahun[2] lama-nya. Oleh itu jilid[2] undang[2] yang di-semak hanya dapat di-terbitkan dari sa-masa ka-samasa. Tugas ini telah menjadi rumit dan lengah lagi kerana Malaysia akan di-tubohkan pula.

127. Berkenaan dengan menterjemahkan undang[2] Persekutuan ka-dalam bahasa Melayu, suatu langkah memulakan-nya telah di-jalankan dengan menubohkan Bahagian Menterjemah Undang[2] dalam Pejabat Peguam Negara. Bahagian itu akan di-ketuai oleh sa-orang pegawai undang[2] yang mahir dalam bahasa Melayu. Terjemahan[2] yang di-buat oleh Bahagian ini akan di-semak oleh sa-buah jawatan-kuasa pakar[2] sa-belum di-siarkan.

128. Hadiah[2] Pelajaran akan terus di-beri kapada pegawai[2] supaya banyak lagi pegawai[2] yang boleh mendapat kelulusan dalam 'ilmu undang[2]. Pada tahun yang lalu empat orang pegawai yang sedang berkhidmat telah di-hantar ka-United Kingdom dan dua orang

yang di-hantar dahulu daripada itu telah lulus pepereksaan undang[2] dan balek ka-Tanah Melayu.

129. Sa-lain daripada mendirikan bangunan[2] mahkamah baharu usaha[2] telah di-jalankan juga mengelokkan lagi perpustakaan di-mahkamah[2] dengan menambah dan membanyakkan lagi buku[2] undang[2] yang berguna. Journal undang[2] yang di-fikirkan berguna akan di-beri juga untok kegunaan pegawai[2] mahkamah itu.

130. Ada-lah tujuan Pejabat Pemegang Amanah Raya sentiasa hendak memberi perkhidmatan yang berguna kapada orang ramai dan masharakat dan Jabatan ini telah menjalankan kewajipan-nya sa-bagai penjaga harta benda dengan chekap dan bertimbang rasa saperti sa-orang pemegang amanah yang biasa. Sunggoh pun bilangan pendudok[2] luar bandar yang mengetahui pekerjaan Jabatan ini sa-makin bertambah banyak tetapi dasar utama Jabatan ini ia-lah hendak berusaha supaya lebeh ramai lagi ra'ayat yang sedar akan hak[2] mereka dan mengetahui apa-kah jenis perkhidmatan yang di-beri oleh Jabatan ini. Dengan hal yang demikian banyak-lah lagi ra'ayat yang akan mengambil peluang mendapat faedah daripada perkhidmatan[2]-nya. Oleh kerana bilangan orang yang menggunakan Jabatan ini telah bertambah ramai maka Jabatan ini kena-lah di-besarkan. Satu chawangan pejabat telah pun di-buka sekarang di-Trengganu.

131. Pekerjaan menyelesaikan harta benda musoh yang di-jaga oleh Jabatan Penjaga Harta Musoh telah hampir sampai ka-peringkat yang akhir, hanya ada beberapa mas'alah sahaja yang rumit berkenaan dengan wang yang maseh belum dapat di-selesaikan lagi. Sunggoh pun begitu ikhtiar[2] sedang di-chari untok menyelesaikan mas'alah[2] itu dan di-harap undang[2] membubarkan Jabatan ini dapat di-pertimbangkan tiada lama lagi.

KEMENTERIAN BUROH DAN KEBAJIKAN MASHARAKAT

132. Dalam lapangan buroh dasar Kerajaan tiada berubah. Kerajaan akan terus berusaha menggalakkan gerakan kesatuan sa-kerja yang bebas, demokratik dan bertanggong-jawab dan menggalakkan perjalanan sistem perhubongan perusahaan sukarela. Sunggoh pun sistem ini, pada 'am-nya, berjalan dengan jaya-nya dan membantu pada mengelokkan perhubongan pekerja[2] dengan majikan di-Persekutuan Tanah Melayu, tetapi sa-tengah[2] kejadian yang berlaku pada tahun 1962 tiada menyenangkan hati dan menunjokkan mustahak-nya di-adakan peratoran[2] yang chukup bagi menjalankan sistem itu dengan lebeh tegas supaya aman perhubongan pekerja[2] dengan majikan. Majlis Penasihat Buroh Bersama Kebangsaan sekarang sedang mengkaji perkara mengadakan atoran[2] yang lengkap bagi menyelesaikan perbalahan[2] pada semua peringkat dalam perusahaan. Atoran[2] yang demikian sedia ada dalam beberapa banyak perusahaan pada masa ini tetapi jika atoran[2] itu di-pakai dalam semua perusahaan dan pada semua peringkat maka kebanyakan perbalahan akan dapat di-selesaikan dengan aman dan tiada payah pehak lain champor tangan. Kerajaan berharap semua majikan dan pekerja akan mengadakan perhubongan berbaik[2] antara satu sama lain supaya tiada merosakkan nama baik negeri ini dan kedudokan yang kokoh yang kita telah sama[2] menikmati-nya.

133. Peratoran sukarela itu telah di-terima oleh kedua[2] pehak, ia-itu majikan dan pekerja dan perkara ini-lah yang menyebabkan ketenteraman dalam perusahaan. Pada tahun 1962 banyak perusahaan[2] telah di-buka. Empat puloh dua perjanjian[2] bersama telah terchapai dengan sukarela antara majikan[2] dengan kesatuan[2] sa-kerja dalam tahun 1962 terutama dalam lapangan[2] berkebun, melombong, bank dan lapangan perdagangan. Ada pun mogok yang telah berlaku ia-lah 95 semua-nya yang mengambil masa 450,000 hari kerja, berbanding dengan kejadian mogok 58 semua-nya pada tahun 1961 yang mengambil masa 60,000 hari kerja. Bagaimana pun tiada kurang daripada 70 mogok pada tahun 1962 berlaku beberapa hari sahaja, ada sa-hari dan ada sampai tiga hari,

dan lebeh 310,000 hari bekerja yang orang tiada bekerja itu di-sebabkan mogok pekerja[2] Pertadbiran Keretapi Tanah Melayu dan mogok Kesatuan Kebangsaan Pekerja[2] Ladang sa-lama sahari kerana menyokong mogok pekerja[2] Keretapi itu.

134. Kerajaan akan terus berusaha supaya pekerja[2] di-negeri ini dapat sama[2] maju dalam pembangunan ekonomi dan masharakat negeri ini. Sa-buah Jawatan-Kuasa tertinggi sedang mengkaji perkara hendak mengadakan langkah[2] kebajikan masharakat yang berkesan bagi menyelesaikan kesulitan[2] pekerja[2] yang telah di-potong gaji bukan kerana salah mereka sendiri. Ada-lah di-harapkan bahawa Penyata Jawatan-Kuasa ini akan dapat di-terbitkan tiada lama lagi dan langkah[2] yang sesuai boleh di-jalankan kemudian-nya. Kerajaan juga mengambil berat tentang rumah[2] tempat tinggal pekerja. Sa-buah Rang Undang[2] Rumah Pekerja[2] yang baharu akan di-bentangkan dalam Parlimen untok mengadakan rumah[2] yang lebeh baik kapada pekerja[2]. Ada pun memberi latehan kapada pekerja[2] pemuda dan pekerja[2] dewasa akan di-beri galakan yang lebeh supaya sesuai dengan ranchangan[2] pembangunan dan supaya dapat pekerja[2] mengambil bahagian yang lebeh banyak dalam gerakan pembenaan negara. Pada masa ini Ranchangan Latehan Kebangsaan yang di-mulakan pada tahun 1957 ada-lah memberi latehan kapada lebeh 500 pelateh[2] yang datang daripada 93 pertubohan di-seluroh negeri ini. Sa-buah Maktab Latehan Perusahaan yang berharga $1,000,000 akan di-dirikan di-jalan Ku Chai Lama, Kuala Lumpur, sa-belum akhir tahun ini di-bawah Ranchangan ini. Ada-lah di-harapkan ia-itu lebeh kurang 500 orang pekerja[2] pemuda dan pekerja[2] dewasa akan dapat di-beri kursus[2] latehan yang chukup dalam Maktab ini.

135. Kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai orang[2] chachat atau yang tiada berapa baik nasib-nya dalam masharakat negeri ini. Suatu ranchangan yang meliputi telah di-susun bagi menjaga kebajikan memberi latehan orang[2] yang kurang siuman dan chachat anggota tuboh-nya. Ada-lah di-chadangkan hendak membena sa-buah Pusat Pemulehan Sa-mula di-Cheras pada tahun 1964 untok menempatkan kira[2] 100 orang kanak[2] dan orang[2] muda lelaki perempuan yang chachat anggota tuboh-nya. Ada juga ranchangan hendak mengambil beberapa orang yang tiada tinggal tetap di-Pusat itu, dan hal ini akan di-jalankan kira-nya chukup kaki-tangan[2] yang terlateh dan kemudahan[2] di-Pusat tersebut. Suatu tempat bagi kanak[2] yang tiada siuman akal akan di-bena di-Negeri Johor pada tahun 1964 dan tempat itu akan boleh mengambil 60 orang kanak[2] yang berumor antara 6 dengan 16 tahun. Ada pun tujuan ranchangan bagi memulehkan sa-mula orang[2] chachat anggota itu ia-lah supaya mereka dapat latehan yang sesuai untok menggunakan kebolehan mereka masing[2] dengan sa-baik[2]-nya supaya mereka boleh sanggup menchari nafkah sendiri dan akan menjadi warga negara yang berguna pada masa hadapan kelak.

136. Ada undang[2] dan ranchangan[2] yang telah di-susun bagi menjaga keselamatan orang[2] perempuan dan anak[2] gadis dan bagi pemulehan sa-mula pelachor[2], peminta[2] sedekah dan orang[2] merayau tiada tentu rumah tangga-nya. Undang[2] itu akan mula berjalan kuat kuasa-nya pada tahun hadapan. Sa-buah Pusat bagi pemulehan sa-mula mangsa[2] pelachoran akan di-dirikan di-Cheras, Selangor, pada pertengahan tahun 1964. Perkara yang akan di-titek beratkan dalam Pusat ini ia-lah mengulangkaji pelajaran mereka. Latehan pertukangan, sa-elok[2]-nya yang mereka pileh sendiri, akan di-adakan supaya mereka dapat pekerjaan yang sesuai.

137. Ada pun perkara memberi latehan menjadi pemimpin kapada pemuda pemudi dan gerakan[2] pemuda pemudi ada-lah di-galakkan dan perkhidmatan pemuda pemudi di-satukan supaya mereka dapat mengambil bahagian yang lebeh banyak lagi dalam pembangunan luar bandar dan masharakat. Kerajaan berharap bahawa dengan langkah[2] ini maka dapat-lah pemuda pemudi negeri ini menggunakan masa dan tenaga mereka bagi membuat

dalam lapangan masharakat, kebudayaan, ekonomi dan siasah bagi faedah masharakat mereka itu.

157. Pada akhir bulan Disember tahun lalu 7,725 darjah telah di-adakan di-dalam kawasan[2] luar bandar. Darjah[2] ini terdiri daripada 1,613 darjah Bahasa Kebangsaan bagi orang[2] bukan Melayu dan 6,139 darjah[2] dewasa bagi orang[2] Melayu. Daripada jumlah darjah[2] tersebut, 3,537 ada-lah darjah permulaan dan 4,215 ada-lah darjah menengah. Bilangan orang[2] yang masok belajar pada akhir bulan Disember ada-lah 211,000, dan 54 peratus daripada jumlah itu ada-lah orang[2] perempuan. Peratus darjah[2] yang di-tutup dan murid[2] yang berhenti dalam tempoh sembilan bulan mulai bulan Mach tahun 1962 ada-lah di-anggarkan sa-banyak 9.6 peratus peringkat permulaan dan 6.8 peratus peringkat menengah. Lebeh kurang 8,500 orang guru[2] yang telah di-lateh untok mengajar di-darjah[2] dewasa dan ada-lah di-harapkan bahawa sa-banyak 5,000 darjah permulaan akan di-buka tiada lama lagi.

158. Mata[2] pelajaran-nya ada-lah termasok 'Ilmu Hisab, Kesihatan dan Tata Ra'ayat. Dengan kerjasama semua Kementerian dan Jabatan[2], satu kursus radio telah pun di-selenggarakan bagi mengajar chara[2] pertanian dan berkebun, menjauhkan penyakit, kesihatan, ekonomi rumah tangga dan sa-bagai-nya. Murid[2] perempuan mempelajari ekonomi rumah tangga sa-bagai mata pelajaran mereka mulai bulan September tahun ini.

159. Untok menentukan supaya orang[2] yang baharu pandai menulis dan membacha tiada hilang kepandaian mereka, maka buku[2] bachaan dan sa-bagai-nya di-adakan bagi faedah mereka. Dalam tiap[2] Mukim dalam negeri ini ada kutub khanah[2] permulaan untok di-gunakan oleh murid[2] pelajaran dewasa dan majallah bulanan yang bernama "Dewasa" ada di-keluarkan dan di-jual dengan harga 10 sen sa-naskhah.

160. Murid[2] tekun belajar; daripada 165,000 murid yang ada dalam daftar, 133,000 orang telah mengambil pepereksaan dalam bulan Februari tahun lalu dan sa-banyak 112,000 orang telah berjaya dan di-naikkan ka-darjah menengah. Keputusan pepereksaan yang kedua akan di-ketahui tidak lama lagi. Bilangan orang[2] yang masok sekolah telah bertambah[2] banyak-nya dan bagitu juga kedatangan murid tiap[2] hari. Ibu[2] yang hamil ada pergi ka-kelinik[2] dan meminta pertolongan bidan[2] yang terlateh di-dalam kawasan luar bandar. Murid[2] Pelajaran Dewasa telah menjalankan beratus[2] ranchangan "Gotong Royong".

(C) Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan

161. Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan, sa-bagaimana lain[2] wakil Kerajaan, ada-lah bertujuan hendak membaiki keadaan ekonomi pendudok[2] di-luar bandar.

162. RIDA maseh terus lagi memberikan pinjaman dan lain[2] kemudahan untok menggalakkan orang[2] Melayu mengambil bahagian dalam perusahaan dan perniagaan. Lembaga itu juga ada-lah berusaha untok menggalakkan ra'ayat negeri ini menggunakan barang[2] perusahaan kampong. Ada-lah di-harapkan bahawa beberapa jenis perusahaan akan di-adakan mengikut sa-takat mana yang boleh di-dalam kawasan[2] luar bandar. Dengan chara ini moga[2] dapat-lah menambah mata pencharian orang[2] kampong dan dapat membaikkan lagi keadaan hidup mereka itu.

163. Pada akhir tahun 1962 usaha[2] dan kerja[2] RIDA memberi pinjaman[2] itu bukan sahaja telah dapat mengendalikan berbagai[2] macham perniagaan dan perusahaan[2] ekonomi tetapi juga telah menambahkan lagi tanggong-jawab[2] kewangan-nya. RIDA telah meminjamkan wang berjumlah $20,500,000 semenjak Lembaga itu di-tubohkan dalam tahun 1951 dan sa-banyak $15,000,000 daripada jumlah yang di-pinjamkan itu telah dapat di-pungut sa-mula.

164. Peranan Lembaga itu bagi mengadakan kemudahan memperoses dan mengadakan pasaran sedang di-sempurnakan dengan tiga tujuan ia-itu, (i) menambah lagi pendapatan pengeluar barang[2] utama; (ii) menguji sama

ada boleh mendapat untong-kah atau tidak mengadakan tempat menyediakan barang[2] keluaran yang terkumpul, dan (iii) membaikkan lagi mutu barang[2] keluaran yang telah siap. Kemajuan[2] di-dalam lapangan ini hanya bagi faedah pekebun[2] kechil getah sahaja, oleh kerana sa-bahagian besar pendudok[2] luar bandar dalam negeri ini hanya bergantong kapada getah.

165. Satu pekerjaan yang nampak-nya sangat terkemuka pada masa ini bagi pehak RIDA ia-lah perusahaan pengangkutan luar bandar. Satu perusahaan yang mula[2] telah di-jalankan di-Lembah Bilut dan ada kemajuan nampak-nya dalam perusahaan ini. Sa-banyak 14 buah bas telah pun menjalankan perkhidmatan-nya.

166. Lembaga itu telah menumpukan usaha-nya untok membaiki dan membesarkan lagi perusahaan[2] dan perniagaan luar bandar yang ada sekarang ini dan juga membaiki lagi keadaan bahagian orang[2] Melayu di-dalam perusahaan yang sa-umpama itu. Pusat Perusahaan[2] Kechil di-Petaling Jaya ada-lah memberikan bantuan dan juga memberi sokongan kapada perusahaan[2] kechil dalam rumah di-seluroh kawasan[2] luar bandar. Pusat ini juga mengadakan perkhidmatan teknologi dan kewangan dan mengadakan bahan[2] mentah yang di-beli dari luar negeri dan kemudahan[2] mengadakan pasaran runchit dan borong, penyelidekan pasaran dan lain[2] perkhidmatan yang berkenaan dengan-nya.

167. RIDA akan terus juga meluaskan lagi ranchangan latehan-nya di-dalam lapangan[2] perusahaan dan ekonomi. Dengan memandang kapada peri mustahak-nya latehan[2] ekonomi rumah tangga tiga buah Taman Asohan lagi sedang di-bena, ia-itu satu di-Melaka, satu di-Seberang Prai dan satu lagi di-Trengganu. Ada pun Dewan Latehan itu akan terus di-jadikan sa-bagai pusat melateh pemuda[2] Melayu yang chenderong kapada perniagaan. Apabila keluar daripada Dewan Latehan itu mereka akan membuka kedai[2] kechil atau mengambil bahagian dalam perusahaan[2] kampong yang kechil[2].

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

(A) Perkhidmatan Keretapi

168. Pentadbiran Keretapi telah berjaya juga dalam ranchangan-nya hendak memberi perkhidmatan keretapi yang moden. Apabila keretapi yang menggunakan minyak diesel di-gunakan dan landasan[2] di-perbaiki maka tambang barang[2] akan kurang dan perjalanan lebeh selamat serta chepat.

(B) Perkhidmatan Pelabohan

169. Kemajuan[2] telah di-chapai dalam usaha hendak memperbaiki perkhidmatan[2] pelabohan dalam Persekutuan supaya sama baik-nya dengan perkhidmatan[2] pelabohan antara-bangsa. Rumah[2] Api di-Fort Cornwallis dan Pulau Rimau di-Pulau Pinang sekarang ini di-lengkapkan dengan alat[2] moden dan semua-nya menggunakan kuasa letrik. Tiga buah rumah api baharu telah di-dirikan di-Pantai Timor. Alat[2] membantu pelayaran di-Pantai Barat akan di-tambah pada tahun ini.

170. Sunggoh pun Port Swettenham itu pada mula-nya di-bena bukan untok mengendalikan barang[2] sa-banyak sekarang ini tetapi dalam tahun 1962 ia telah membuat sejarah dengan mengendalikan sa-banyak 1,900,000 tan. Perkara ini dapat berlaku kerana satu "ranchangan kilat" di-jalankan, sa-buah pengkalan baharu di-bena dan kemudahan[2] gudang menyimpan barang[2] sementara dan sampan[2] pengangkut barang[2] di-adakan.

171. Ranchangan Selat Klang Utara yang di-mulakan pada tahun 1960 akan siap pada akhir tahun ini. Empat buah pengkalan baharu itu akan menambahkan lagi banyak-nya barang[2] yang boleh di-kendalikan dan dengan yang demikian Port Swettenham tiada akan menjadi sesak saperti sekarang ini.

172. Port Swettenham akan di-cherai-kan daripada Pentadbiran Keretapi pada bulan Januari 1964 dan pada masa itu juga Pentadbiran Keretapi itu akan menjadi sa-buah perbadanan. Dengan yang demikian kerja[2] akan dapat di-jalankan dengan lebeh baik lagi oleh sebab kedua[2] pehak berkuasa

itu akan bertugas mengikut dasar perdagangan. Supaya sesuai dengan kemajuan Port Swettenham itu Ibu Pejabat Jabatan Laut akan di-pindah-kan ka-sana dari Pulau Pinang. Sa-buah Jabatan Laut sedang di-diri-kan.

173. Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang sedang membuat persediaan[2] bagi memulakan tiada lama lagi kerja menimbus satu kawasan pantai dan laut yang luas berthabit dengan ranchangan-nya hendak membena pengkalan di-Butterworth. Pelabohan baharu ini akan dapat mengadakan pengkalan bagi enam buah kapal[2] barang yang besar dan melayan per-dagangan yang sa-makin bertambah di-tanah besar Utara Tanah Melayu dan Pantai Timor apabila Jalan Raya Timor-Barat yang di-chadangkan itu siap kelak. Pada menjalankan dasar-nya berkenaan dengan mengganti pegawai[2] dagang dengan pegawai[2] anak negeri, sa-orang anak Tanah Melayu telah di-lantek sa-bagai Pe-ngurus Besar bagi pertama kali-nya dalam sejarah Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang.

(C) Pengangkutan Jalan Raya

174. Kemajuan telah di-dapati dalam usaha membanyakkan lagi orang[2] Melayu menyertai dalam perusahaan pengangkutan. Pada akhir tahun 1962 jumlah lesen kereta teksi dan kereta sewa orang Melayu ia-lah 1,821 atau lebeh kurang 46.5 peratus daripada jumlah 3,915 lesen dalam Persekutuan. Lesen kereta membawa barang[2] kelas "A" kepunyaan orang[2] Melayu atau sharikat[2] orang Melayu berkongsi dengan lain[2] kaum telah bertambah menjadi 143 pada akhir tahun 1962. Kerajaan telah mengambil ingatan berkenaan dengan kerjasama beberapa sharikat bas yang bukan kepunyaan orang Melayu yang telah dengan sukarela menguntokkan 10 peratus saham[2]-nya kapada orang[2] Melayu. Sa-hingga sekarang lapan buah sha-rikat saperti itu telah memberi kapada orang Melayu saham berharga sa-banyak $601,340 daripada modal baharu mereka. Satu Pejabat Pendaftar telah di-buka di-Kuala Trengganu pada 1 haribulan Januari tahun ini, sa-belum daripada itu orang ramai yang menggunakan kereta di-Treng-ganu mendapat layanan daripada Kota Bharu, Kelantan. Kerajaan sedar yang usaha[2] menjaga keselamatan di-jalan[2] raya hendak-lah di-perelokkan lagi dan Kerajaan akan menjalankan ran-changan[2] keselamatan-nya dengan lebeh giat lagi bagi mengurangkan kemalangan di-seluroh Persekutuan.

(D) Penerbangan 'Awam dan Sukatan Hawa

